BAB KEDUA

LANDASAN TEORI

2.1 Pengenalan

Dalam perbahasan ini, penulis akan mengemukakan teori mengenai al-Ṭibāq dan komponen-komponennya dalam al-Badī‘ dalam disiplin penghias makna agar para pembaca mendapat gambaran secara menyeluruh dan bersistematik. Menurut Ensailokpedia Islam (2004), al-Badī‘ merupakan ilmu yang mempelajari pelbagai perkara yang berkaitan dengan aspek-aspek keindahan ayat seiring dengan keadaan dan situasi. Ia juga sesuai dengan kejelasan pengertian yang terkandung di dalamnya sama ada lafaz ataupun makna. Ruang perbahasannya meliputi disiplin penghias lafaz atau *muḥassināt lafẓīyyah* dan penghias makna atau *muḥassināt ma‘nawīyyah*. Dalam kajian ini, penulis hanya membincangkan bahagian penghias makna di mana al-Ṭibāq merupakan induk kepada komponen-komponen yang lain. Penulis mengutarakan penghias makna kepada tiga puluh sembilan bahagian yang akan diterangkan secara ringkas dan melakukan pembahagian al-Ṭibāq kepada lima belas bahagian.

2.2 Al-Ṭibāq

Ia merupakan himpunan dua perkataan yang berlawanan makna (Al-Khafājīy, 1994 188) dalam sesuatu ungkapan atau puisi seperti menghimpunkan dua kata nama yang bertentangan (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy , t.t.: 192) . Contohnya firman Allah Ta‘ālā :

وَتَحْسَبُهُمْ أَيْقَاظًا وَهُمْ رُقُودٌ

Maksudnya : *Dan kamu menyangka mereka sudah bangkit sedangkan mereka masih tidur.*

Sūrah al-Kahf : (18) : 18

Berdasarkan ayat di atas, kita memahami bahawa kata nama (أَيْقَاظًا) yang membawa pengertian bangkit (dari tidur) adalah bertentangan makna dengan kata nama (رُقُوْدٌ) yang bererti tidur (Al-Suyūṭīy, t.t. : 95).

Perkara ini berlaku apabila wujud himpunan antara dua kata kerja yang berlawanan seperti firman Allah Ta‘ālā :

سَوَآءٌ مِّنكُم مَّنْ أَسَرَّ ٱلْقَوْلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍۭ بِٱلَّيْلِ وَسَارِبٌۢ بِٱلنَّهَارِ

Maksudnya : *Sama sahaja (bagi Allah) orang yang merahsiakan kata-kata atau menerangkannya secara terbuka, dan orang yang bersembunyi pada malam hari atau yang keluar pada siang hari.*

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 10

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa kata kerja (أَسَرَّ) yang bermakna secara merahsiakan pula adalah antonim kepada kata kerja (جَهَرَ) yang bermaksud menerangkan secara terbuka (Al-Zarkashīy, 1972 : 455).

Keadaan dua partikel yang bertentangan dalam suatu ungkapan juga terjadi misalnya dalam firman Allah Ta‘ālā :

لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا ٱكْتَسَبَتْ

Maksudnya : *Baginya (pahala) atas apa yang ia kerjakan (kebaikan) dan ke atasnya (dosa) atas apa yang ia usahakan (kejahatan).*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 286

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa partikel (لاَمٌ) yang membawa maksud untuk perkara baik adalah berlawanan makna dengan partikel (عَلَى) yang bererti untuk perkara buruk.

Kadangkala berlaku pertentangan makna antara kata nama dan kata kerja seperti yang terdapat dalam firman Allah Ta‘ālā :

أَوَمَن كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَيْنَٰهُ

Maksudnya : *Apakah orang yang sudah mati lalu Kami (Allah) hidupkannya kembali.*

Sūrah al-’An‘ām : (6) : 122

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (مَيْتًا) yang membawa pengertian orang yang sudah mati adalah bertentangan makna dengan kata kerja (أَحْيَيْنَا) yang bererti Kami (Allah) hidupkan (‘Abd al-Muta‘āl Al-Ṣa‘īdīy, t.t. : 5).

2.2.1 Jenis-Jenis al-Ṭibāq

Al-Ṭibāq dapat dibahagikan kepada jenis-jenis berikut :

2.2.1.1 Al-Ṭibāq Antara Dua Kata Nama

Perkara ini berlaku apabila wujud dua kata nama yang bertentangan makna dalam suatu ungkapan. Ianya adalah secara umum sama ada secara negatif mahupun positif.

Suasana ini dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ بِٱلْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا ۖ وَلَا تُسْـَٔلُ عَنْ أَصْحَٰبِ ٱلْجَحِيمِ

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau (Wahai Muhammad) sebagai pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar). (Setelah Engkau sampaikan semuanya itu), engkau tidak akan disoal (bertanggungjawab) tentang ahli neraka.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 119

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (بَشِيْرٌ) yang membawa pengertian pembawa khabar gembira adalah berlawanan makna dengan kata nama (نَذِيْرٌ) yang bermakna pembawa amaran.

Perkara sama juga terjadi dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَمِنْهُم مَّن يَقُولُ رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

Maksudnya : *Terdapat di kalangan mereka pula yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab api neraka".*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 201

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الدُّنْيَا) yang membawa maksud dunia adalah berlawanan makna dengan kata nama (الأَخِرَة) yang bererti akhirat.

Kita juga boleh melihat keadaan ini dalam Allah Ta‘ālā :

كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةًۢ بِإِذْنِ ٱللَّهِ

Maksudnya : *Betapa banyak (pernah terjadi) golongan yang sedikit berjaya menewaskan golongan yang banyak dengan izin Allah.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 249

Daripada contoh di atas, kita dapat melihat bahawa kata nama (قَلِيْلَة) yang membawa maksud sedikit adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَثِيْرَة) yang bererti banyak.

Hal ini juga berlaku firman dalam Allah Ta‘ālā :

وَٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِمَا وَضَعَتۡ وَلَيۡسَ ٱلذَّكَرُ كَٱلۡأُنثَىٰ

Maksudnya : *Allah mengetahui apa ang dilahirkan itu dan memanglah anak lelaki tidak sama dengan anak perempuan.*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 36

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الذّكَر) yang membawa maksud lelaki adalah berlawanan makna dengan kata nama (الأُنْثَى) yang bererti perempuan.

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لِمَ تَلۡبِسُونَ ٱلۡحَقَّ بِٱلۡبَٰطِلِ وَتَكۡتُمُونَ ٱلۡحَقَّ

Maksudnya : *Wahai ahli Kitab! Mengapa kamu mencampuradukkan kebenaran dengan kebatilan dan menyembunyikan kebenaran.*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 71

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (الحَقّ) yang membawa maksud kebenaran adalah berlawanan makna dengan kata nama (البَاطِل) yang bererti kebatilan.

Secara perbandingan dalam bahasa Melayu, Ahmad Hifni Muhammad Ali (1999) mengutarakan contoh yang berbunyi :

Hidup di kandung adat * Mati di kandung tanah

Berdasarkan ungkapan di atas, kita dapat menyelami bahawa perkataan hidup adalah berlawanan makna dengan perkataan mati.

2.2.1.2 : Al-Ṭibāq Antara Dua Kata Kerja

Hal ini terjadi apabila wujud dua kata kerja yang bertentangan makna dalam suatu ungkapan. Ianya adalah secara umum sama ada secara negatif mahupun positif.

Perkara ini jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فَيَعۡلَمُونَ أَنَّهُ ٱلۡحَقُّ مِن رَّبِّهِمۡۖ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فَيَقُولُونَ مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِهَٰذَا مَثَلاًۘ يُضِلُّ بِهِۦ كَثِيرًا وَيَهۡدِي بِهِۦ كَثِيرًا

Maksudnya : *Adapun orang-orang yang beriman, mereka akan mengetahui bahawa perbandingan (nyamuk) itu adalah sesuatu yang benar dari Tuhan mereka. Manakala orang-orang kafir pula, mereka akan berkata: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan ini?" (Jawapannya) Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 26

Berpandukan contoh di atas, kita mendapati kata kerja (ءَامَنُوا) yang bererti beriman adalah berlawanan makna dengan kata kerja (كَفَرُوا) yang bermakna mengkufuri. Begitu juga kata kerja (يُضِلُّ) yang bererti menyesatkan adalah antonim kepada kata kerja (يَهْدِي) yang bermakna memberi petunjuk.

Hal ini juga berlaku firman dalam Allah Ta‘ālā :

ثُمَّ يُمِيتُكُمۡ ثُمَّ يُحۡيِيكُمۡ ثُمَّ إِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ

Maksudnya : *Kemudian Allah mematikan kamu.dan selepas itu menghidupkan kamu pula (pada hari akhirat). Akhirnya kamu dikembalikan kepada Nya (untuk diberi balasan bagi segala yang kamu kerjakan).*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 28

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (يُمِيْتُ) yang membawa maksud mematikan adalah berlawanan makna dengan kata kerja (يُحْيِي) yang bererti menghidupkan.

Kita juga boleh melihat keadaan ini dalam Allah Ta'ālā :

أَنَّ ٱللَّهَ يَعۡلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعۡلِنُونَ

Maksudnya : *Tidakkah mereka ketahui bahawaa Allah mengetahui apa yang mereka rahsiakan dan apa yang mereka zahirkan ?*

Sūrah al-Baqarah : (2) :77

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (يُسِرُّوْنَ) yang bererti menyembunyikan adalah antonim kepada kata kerja (يُعْلِنُوْنَ) yang bermakna menzahirkan.

Perkara sama juga terjadi dalam firman Allah Ta'ālā :

زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُواْ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَا وَيَسۡخَرُونَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ

Maksudnya : *Kehidupan dunia diperhiaskan (dijadikan amat indah) pada (pandangan) orang-orang kafir sehingga mereka memandang rendah (berlagak sombong) kepada orang-orang yang beriman.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 212

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (كَفَرُوا) yang membawa maksud mengingkari adalah berlawanan makna dengan kata kerja (ءَامَنُوا) yang bererti beriman.

Kondisi ini juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

تُؤْتِى ٱلْمُلْكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ ٱلْمُلْكَ مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُ ۖ

Maksudnya : *Engkau memberikan kekuasaan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau melucutkan kekuasaan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki.*

(Sūrah Āl ‘Imrān: 26)

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata kerja (تُؤْتِي) yang bererti memberikan kekuasaan adalah berlawanan makna dengan kata kerja (تَنْزِعُ) yang bermakna melucutkan kekuasaan. Manakala kata kerja (تُعِزُّ) yang bermaksud memuliakan pula adalah antonim kepada kata kerja (تُذِلُّ) yang membawa pengertian menghinakan. (Al-Zarkashīy, 1972 : 455)

Suasana ini juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَبِظُلْمٍ مِّنَ ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَٰتٍ أُحِلَّتْ لَهُمْ

Maksudnya : *Disebabkan kezaliman perbuatan orang-orang Yahudi, Kami (Allah) mengharamkan ke atas mereka makanan yang baik-baik yang pernah dihalalkan bagi mereka.*

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 160

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (حَرَّمْنَا) yang membawa maksud Kami (Allah) mengharamkan adalah berlawanan makna dengan kata kerja (أُحِلَّتْ) yang bererti dihalalkan.

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَنَسُوا۟ حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ

Maksudnya : *Lalu mereka melupakan (meninggalkan) sebahagian dari apa yang diperingatkan kepada mereka.*

Sūrah al-Mā’idah : (5) : 14

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (نَسُوا) yang membawa maksud melupakan adalah berlawanan makna dengan kata kerja (ذُكِّرُوا) yang bererti diperingatkan.

2.2.1.3 Al-Ṭibāq Antara Dua Partikel

Hal ini berlaku apabila wujud dua partikel yang berlawanan makna sama ada berbentuk partikel jar atau pun ẓarf (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy , t.t. : 193).

Perkara tersebut dapat diperjelaskan melalui firman Allah Ta‘ālā :

" وَلَهُنَّ مِثْلُ ٱلَّذِى عَلَيْهِنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ "

Maksudnya : *Perempuan-perempuan itu mempunyai hak selaras dengan kewajipannya secara saksama.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 228

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa partikel (لأمٌ) yang membawa maksud untuk perkara baik adalah berlawanan makna dengan partikel (عَلَى) yang bererti untuk perkara buruk.

Kondisi ini juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

" وَأُوْلَٰٓئِكُمْ جَعَلْنَا لَكُمْ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنًا مُّبِينًا "

Maksudnya : *Merekalah orang-orang yang Kami (Allah) jadikan bagi kamu alasan yang nyata untuk bertindak ke atasnya.*

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 91

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa partikel (اللاَّمُ / لَ) yang membawa maksud untuk perkara baik adalah berlawanan makna dengan partikel (عَلَى) yang bererti untuk perkara buruk.

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta‘ālā :

" لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا ٱكْتَسَبَتْ "

Maksudnya : *Baginya (pahala) atas apa yang ia kerjakan (kebaikan) dan ke atasnya (dosa) atas apa yang ia usahakan (kejahatan).*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 286

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa partikel (اللاَّمُ / لَ) yang membawa maksud untuk perkara baik adalah berlawanan makna dengan partikel (عَلَى) yang bererti untuk perkara buruk.

Kedua-dua partikel ini mempunyai makna yang pelbagai. Sesetengah ulama telah menghimpunkan sejumlah makna bagi partikel lām seperti pemilikan, pengkhususan, hak, akibat dan sebagainya sehingga sebahagian daripada mereka mencapai 30 makna baginya. Begitu juga dengan partikel ‘Alā yang sering menjadi perbincangan para ulama dan membawa pengertian mengatasi, berdekatan, sebab dan lain-lain lagi.

Namun, partikel lām tidak selama-lamanya bertentangan makna dengan partikel ‘alā. Perkara ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

" يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ "

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman! hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan serta menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri.*

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 135

Berdasarkan kepada atas tersebut, kita tidak mendapati pertentangan makna antara kedua-dua partikel lām dan ‘alā (Al-Suyūṭīy, 1987).

Kita mungkin dapat melihat dengan lebih jelas pertentangan makna antara partikel min (مِنْ) dan ’ilā (إِلَى). Partikel min memberi pengertian permulaan sesuatu perkara dan partikel ’ilā menunjukkan pengakhiran sesuatu perkara.

Keadaan ini dapat diperincikan melalui firman Allah Ta‘ālā :

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا ٱلَّذِى بَٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ

Maksudnya : *Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidil Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin) yang Kami berkati sekelilingnya.*

Berpandukan contoh di atas, kita memahami bahawa partikel (مِنْ) yang membawa maksud daripada adalah berlawanan makna dengan partikel (إِلَى) yang bererti selepas ke atau pun kepada (Al-Suyūṭīy, t.t.).

Kondisi ini juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

فِى بِضْعِ سِنِينَ ۗ لِلَّهِ ٱلْأَمْرُ مِن قَبْلُ وَمِنۢ بَعْدُ

Maksudnya : *Dalam masa beberapa tahun, Bagi Allah jualah segala urusan, sebelum berlaku dan selepas berlaku.*

Sūrah al-Rūm : (30) : 4

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa partikel (قَبْلُ) yang membawa maksud sebelum adalah berlawanan makna dengan partikel (بَعْدُ) yang bererti selepas.

Suasana ini juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَوْمَ يَغْشَىٰهُمُ ٱلْعَذَابُ مِن فَوْقِهِمْ وَمِن تَحْتِ أَرْجُلِهِمْ

Maksudnya : *Pada hari azab menyelubungi mereka dari sebelah atas mereka dan daripada bawah kaki mereka.*

Sūrah al-‘Ankabut : (29) : 55

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa partikel (فَوْقَ) yang membawa maksud di atas adalah berlawanan makna dengan partikel (تَحْتَ) yang bererti di bawah.

2.2.1.4 Al-Ṭibāq Antara Kata Nama Dan Kata Kerja

Keadaan berlaku apabila wujud satu kata nama yang bertentangan makna dengan kata kerja dalam sesuatu ungkapan. Perkara ini jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

أَوَمَن كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَيْنَٰهُ

Maksudnya : *Apakah orang yang sudah mati lalu Kami (Allah) hidupkannya kembali.*

Sūrah al-’An‘ām : (6) : 122

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (مَيْتًا) yang membawa pengertian orang yang sudah mati adalah bertentangan makna dengan kata kerja (أَحْيَيْنَا) yang bererti Kami (Allah) hidupkan. (Al-Suyūṭīy, t.t.)

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta‘ālā :

" وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّ أَرِنِى كَيْفَ تُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ "

Maksudnya : *Dan ketika Ibrahim berkata : Tuhanku ! Perlihatkan lah kepada ku bagaimana Engkau menghidupkan orang mati.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 260

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata kerja (تُحْيِ) yang bererti Engkau menghidupkan adalah berlawanan makna dengan kata nama (المَوْتَى) yang bermakna orang mati. (Al-Suyūṭīy, t.t.)

Hal yang sama juga dapat di hayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَوَجَدَكَ ضَآلًّا فَهَدَىٰ ۝٧ وَوَجَدَكَ عَآئِلًا فَأَغْنَىٰ

Maksudnya : *Dan Allah mendapati engkau sesat (mencari-cari jalan yang benar), lalu Ia memberikan hidayah petunjuk (dengan wahyu Al-Quran). Dan didapati Nya engkau miskin, lalu Ia memberikan kekayaan.*

Sūrah al-Ḍuḥā : (93) : 7-8

Berpandukan contoh di atas, kita mendapati kata nama (ضَالًّا) yang bererti sesat adalah berlawanan makna dengan kata kerja (هَدَى) yang bermakna memberikan hidayah. Begitu juga kata nama (عَائِلًا) yang bererti miskin adalah antonim kepada kata kerja (أَغْنَى) yang bermakna memberikan kekayaan. (Al-Suyūṭīy, t.t.)

Perkara ini juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

يُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَيِّ وَيُحْيِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ وَكَذَٰلِكَ تُخْرَجُونَ

Maksudnya : *Ia mengeluarkan sesuatu yang hidup daripada benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati daripada sesuatu yang hidup, serta menghidupkan bumi sesudah matinya; dan sedemikian itulah kamu akan dikeluarkan (hidup semula dari kubur).*

Sūrah al-Rūm : (30) : 19

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata kerja (يُحْيِ) yang bermaksud menghidupkan adalah bertentangan makna dengan kata nama (مَوْتِ) yang membawa pengertian mati. (Al-Suyūṭīy, t.t.)

Keadaan yang serupa dapat diterokai dalam firman Allah Ta‘ālā:

كَيْفَ يَهْدِى ٱللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا۟ بَعْدَ إِيمَـٰنِهِمْ

Maksudnya : *Bagaimana mungkin Allah akan memberi petunjuk kepada suatu kaum yang kufur selepas mereka beriman.*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 86

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (كَفَرُوا) yang membawa maksud kufur adalah berlawanan makna dengan kata nama (إِيْمَانِهِمْ) yang bererti keimanan mereka.

Situasi ini juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِن كَانَ قَمِيصُهُۥ قُدَّ مِن دُبُرٍ فَكَذَبَتْ وَهُوَ مِنَ ٱلصَّـٰدِقِينَ

Maksudnya : *Jika bajunya koyak dari sebelah belakang, dusta lah perempuan itu dan Yusuf adalah daripada orang-orang yang benar".*

Sūrah Yūsuf : (12) : 27

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (كَذَبَتْ) yang membawa maksud perempuan itu dusta adalah berlawanan makna dengan kata nama (الصَّادِقِيْنَ) yang bererti orang-orang yang benar.

Kondisi ini juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ كُنتُمْ قَلِيلًا فَكَثَّرَكُمْ ۖ

Maksudnya : *Ingatlah semasa kamu dahulu sedikit bilangannya lalu Allah memperbanyakkan bilangan kamu.*

Sūrah al-‘Araf : (7) : 86

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (قَلِيْلاً) yang membawa maksud sedikit adalah berlawanan makna dengan kata kerja (كَثَّرَ) yang bererti memperbanyakkan.

Suasana ini juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ

Maksudnya : *(Ingatlah) Sesiapa yang Allah menjadikannya sesat, tidak ada sesiapapun yang dapat memberi petunjuk kepadanya.*

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 33

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (يُضْلِلْ) yang bermaksud menjadikannya sesat adalah berlawanan makna dengan kata nama (هَادٍ) yang bererti orang yang dapat memberi petunjuk.

2.2.1.5 Al-Ṭibāq Secara Hakiki

Ia berlaku apabila pertembungan makna berlaku antara lafaz-lafaz hakiki seperti firman Allah Ta‘ālā :

وَأَنَّهُۥ هُوَ أَضْحَكَ وَأَبْكَىٰ , وَأَنَّهُۥ هُوَ أَمَاتَ وَأَحْيَا

Maksudnya : *Bahawa yang membuatkan orang ketawa dan menangis, dan bahawa Dia (Allah) yang mematikan dan menghidupkan.*

Sūrah al-Najm : (53) : 43-44

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati perkataan (أَبْكَى) yang bererti membuatkan orang menangis adalah berlawanan makna dengan perkataan (أَضْحَكَ) yang bermakna membuatkan orang ketawa. Manakala perkataan (أَمَاتَ) yang bermaksud

mematikan pula adalah antonim kepada perkataan (أَحْيَا) yang membawa pengertian menghidupkan (Al-Zarkashīy, 1972 : 455).

Hal ini juga berlaku dalam Allah Ta‘ālā :

وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ ﴿١٩﴾ وَلَا ٱلظُّلُمَٰتُ وَلَا ٱلنُّورُ ﴿٢٠﴾ وَلَا ٱلظِّلُّ وَلَا ٱلْحَرُورُ ﴿٢١﴾
وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَحْيَآءُ وَلَا ٱلْأَمْوَٰتُ

Maksudnya : *Orang yang buta dan orang yang melihat adalah tidak sama, begitu juga dengan kegelapan dan cahaya, serta tempat yang teduh dengan tempat panas terik. Dan orang yang hidup dan orang mati juga tidak sama.*

Sūrah Fāṭir : (35) : 19-22

Berpaksikan contoh di atas, kita mendapati perkataan (البَصِيْرُ) yang bererti membuatkan orang celik adalah berlawanan makna dengan perkataan (الأَعْمَى) yang bermakna orang buta. Manakala perkataan (النُّوْرُ) yang bermaksud cahaya pula adalah antonim kepada perkataan (الظُّلُمَاتُ) yang membawa pengertian kegelapan. Selain itu, perkataan (الحَرُوْرُ) yang bermakna tempat panas adalah bertentangan maksud dengan perkataan (الظِّلُّ) yang bererti tempat teduh (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 46).

Perkara sama juga terjadi dalam Allah Ta‘ālā :

فِى جَنَّةٍ عَالِيَةٍ , قُطُوفُهَا دَانِيَةٌ

Maksudnya : *Di dalam syurga yang tinggi di mana buah[2]annya dekat (mudah dipetik).*

Sūrah al-Ḥāqqah : (69) : 22-23

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (دَانِيَةٌ) yang membawa pengertian sesuatu yang rendah adalah bertentangan makna dengan kata nama (عَالِيَةٍ) yang bererti sesuatu yang tinggi.

Kita juga boleh melihat keadaan ini dalam Allah Ta‘ālā :

فِيهَا سُرُرٌ مَّرْفُوعَةٌ ﴿١٣﴾ وَأَكْوَابٌ مَّوْضُوعَةٌ

Maksudnya : Di dalamnya ada kerusi panjang yang ditinggikan dan gelas-gelas yang diletakkan (di bawah).

Sūrah al-Ghāshiyah : (88) : 13-14

Berpaksikan contoh yang tersebut di atas, kita dapat menghayati bahawa kata nama (مَرْفُوْعَةٌ) yang bererti sesuatu yang ditinggikan adalah berlawanan makna dengan kata nama (مَوْضُوْعَةٌ) yang bererti sesuatu yang diletakkan di bawah (Al-Zarkashīy, 1972 : 456).

Keadaan ini juga boleh dilihat dalam sabda junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. :

فَلْيَأْخُذِ العَبْدُ مِنْ نَفْسِهِ لِنَفْسِهِ وَمِنْ دُنْيَاهُ لِآخِرَتِهِ وَمِنَ الشَّبِيْبَةِ لِلْكِبْرِ وَمِنَ الحَيَاةِ لِلْمَوْتِ
فَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ مَا بَعْدَ الحياة مُسْتَعْتَبٌ وَلاَ بَعْدَ الدُّنْيَا دَارٌ إِلاَّ الجَنَّةَ وَالنَّار

Maksudnya : Maka hendaklah seseorang hamba itu mengambil manfaat daripada dirinya untuk dirinya, daripada dunianya untuk akhirat nya, daripada masa bayi untuk masa tuanya. Demi diri Muhammad yang berada di dalam tangannya, tiada permohonan maaf selepas kehidupan dan tiada tempat selepas dunia melainkan syurga dan neraka.

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati perkataan (آخِرَةٌ) yang bererti akhirat adalah berlawanan makna dengan perkataan (دُنْيَا) yang bermakna dunia. Begitu juga dengan

perkataan (المَوْتُ) yang bermaksud kematian yang merupakan antonim kepada perkataan (الحَيَاةُ) yang membawa pengertian kehidupan.

2.2.1.6 Al-Ṭibāq Secara Kiasan

Bahagian ini berlaku pertembungan makna antara menggunakan perkataan-perkataan kiasan. Keadaan ini boleh didapati dalam puisi berikut :

تَحَرَّكَ يَقْظَانُ التُّرَابِ وَنَائِمُهُ إِذَا نَحْنُ سِرْنَا بَيْنَ شَرْقٍ وَغَرْبٍ

Maksudnya : *Bangkit dan tidurnya tanah sentiasa bergerak*
Apabila kami berjalan antara timur dan barat

Berpaksikan contoh di atas, kita mendapati perkataan (نَائِمٌ) yang bererti tidur adalah berlawanan makna dengan perkataan (يَقْظَانُ) yang bermakna bangkit (dari tidur).

Perkara sama juga terjadi dalam firman Allah Ta‘ālā :

أُوْلَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُاْ ٱلضَّلَـٰلَةَ بِٱلْهُدَىٰ

Maksudnya : *Mereka itulah orang-orang yang membeli (mengambil) kesesatan dengan menjual petunjuk (kebenaran).*
Sūrah al-Baqarah : (2) : 16

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati perkataan (الهُدَى) yang bererti petunjuk adalah berlawanan makna dengan perkataan (الضَّلاَلَةُ) yang bermakna kesesatan (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 46).

Hal ini juga berlaku dalam kata-kata Saidina Ali R.A. :

اِحْذَرُوا صولة الكَرِيْمِ إِذَا جَاعَ , وَاللَّئِيْمِ إِذَا شَبِعَ

Maksudnya : Berwaspada lah terhadap serangan orang mulia ketika ia lapar dan serangan orang hina ketika ia kenyang.

Berdasarkan ungkapan di atas, kita dapat merenungi bahawa perkataan (شَبِعَ) yang membawa pengertian kenyang adalah bertentangan makna dengan kata kerja (جَاعَ) yang bererti lapar (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 46).

Kita juga boleh melihat keadaan ini dalam puisi Al-Tuhāmīy :

وَشَادَ بِنَاءُهَا بَعْدَ اِنْهِدَامٍ لَقَدْ أَحْيَا المِكَارِمَ بَعْدَ مَوْتٍ

Maksudnya : *Binaannya kukuh selepas mengalami keruntuhan sesungguhnya ia menghidupkan kemuliaan selepas kematian.*

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa perkataan (مَوْتٌ) yang bermakna kematian adalah antonim kepada perkataan (أَحْيَا) yang bermaksud menghidupkan. Manakala perkataan (اِنْهِدَامٌ) yang bermaksud keruntuhan pula adalah bertentangan makna dengan perkataan (شَادَ) yang membawa pengertian membina.

2.2.1.7 Al-Ṭibāq Secara Iringan

Suasana ini berlaku apabila terdapat dua perkataan yang pada dasarnya tidak bertentangan makna antara satu sama lain. Namun begitu, jika kita memerhatikan secara teliti, kedua-duanya mempunyai perbezaan makna yang ketara. Justeru itu, pakar disiplin retorik membuat kesimpulan kategori ini dimasukkan dalam dalam kumpulan al-Ṭibāq.

Perkara ini jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنفَعُهُمْ

Maksudnya : *Sebenarnya mereka mempelajari perkara yang memudaratkan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka.*

Sūrah Al-Baqarah : (2) : 102

Berdasarkan spesimen yang tersebut di atas, kita melihat pada dasarnya bahawa kata kerja (يَضُرُّهُمْ) yang membawa maksud memudaratkan mereka sebenarnya tidak berlawanan makna dengan kata kerja (لاَ يَنْفَعُهُمْ) yang bererti tidak memanfaatkan mereka. Namun begitu, kita dapat menghayati bahawa kata kerja (يَضُرُّهُم) adalah bertentangan maksud dengan kata kerja (يَنْفَعُهُمْ). Justeru itu, ia dikategorikan dalam kumpulan al-Ṭibāq.

Kondisi ini juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta'ālā :

" عَلَيْهَا مَلَٰٓئِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ "

Maksudnya : *Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras lagi kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam Segala yang diperintahkan Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.*

Sūrah al-Tahrim : (66) : 6

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati kata kerja (لاَ يَعْصُوْنَ) yang membawa maksud tidak menderhaka sebenarnya tidak berlawanan makna dengan kata kerja (يَفْعَلُوْنَ) yang bererti melakukan. Tetapi sekiranya kita menghayatinya secara mendalam, pasti kita akan memahami bahawa kata kerja (يَعْصُوْنَ) adalah bertentangan makna dengan kata kerja (يَفْعَلُوْنَ). Lantaran itu, kedua-dua kata kerja itu dikategorikan dalam golongan al-Ṭibāq (Al-Suyūṭīy, t.t.).

Suasana ini juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta'ālā :

فَأَسَرَّهَا يُوسُفُ فِى نَفْسِهِۦ وَلَمْ يُبْدِهَا لَهُمْ ۚ

Maksudnya : *Lalu Yusuf menyembunyikan perasaannya (yang tersinggung mendengar kata-kata mereka) dan tidak menzahirkannya kepada mereka.*

Sūrah Yūsuf : (12) : 77

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (أَسَرَّهَا) yang bermaksud menyembunyikannya tidak berlawanan makna dengan kata kerja (لَمْ يُبْدِهَا) yang bererti tidak menzahirkannya. Tetapi sekiranya kita pergi lebih jauh, kita akan mendapati bahawa kata kerja (أَسَرَّهَا) adalah bertentangan makna dengan kata kerja (يُبْدِهَا). Lantaran itu, kedua-dua kata kerja itu dikategorikan dalam kumpulan al-Ṭibāq.

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta‘ālā :

ٱلَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهۡدِ ٱللَّهِ وَلَا يَنقُضُونَ ٱلۡمِيثَٰقَ

Maksudnya : *Orang-orang yang menunaikan perjanjian Allah dan tidak mencabuli perjanjian itu.*

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 20

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (يُوْفُوْنَ) yang membawa maksud menunaikan pada asalnya tidak berlawanan makna dengan kata kerja (لاَ يَنْقُضُوْنَ) yang bererti tidak mencabuli. Namun jika kita menghayatinya secara pemikiran kritis, kita akan memahami bahawa kata kerja (يُوْفُوْنَ) adalah bertentangan makna dengan kata kerja (يَنْقُضُوْنَ). Lantaran itu, kedua-dua kata kerja itu dikategorikan dalam golongan al-Ṭibāq.

Perkara ini juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُحَرِّمُواْ طَيِّبَٰتِ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكُمۡ وَلَا تَعۡتَدُوٓاْ

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengharamkan barang yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu dan janganlah kamu melampaui batas.*

Sūrah al-Mā’idah : (5) : 87

Berdasarkan spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (لاَ تُحَرِّمُوْا) yang membawa maksud janganlah kamu mengharamkan adalah berlawanan makna dengan kata kerja (أَحَلَّ) yang bererti menghalalkan. Walau pun begitu sekiranya kita menerobos kedua-dua kata kerja tersebut , kita akan memahami bahawa kata kerja (تُحَرِّمُوْا) adalah bertentangan makna dengan kata kerja (أَحَلَّ). Oleh itu, kedua-dua kata kerja itu dikategorikan dalam golongan al-Ṭibāq.

Hal yang sama juga dapat di hayati dalam firman Allah Ta'ālā :

وَأَضَلَّ فِرْعَوْنُ قَوْمَهُۥ وَمَا هَدَىٰ

Maksudnya : *Firaun telah menyesatkan kaumnya dan tidak memberi pimpinan (hidayah) ke jalan yang benar.*

Sūrah Ṭāhā : (20) : 79

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (أَضَلَّ) yang membawa maksud menyesatkan tidak berlawanan makna dengan kata kerja (مَا هَدَى) yang bererti tidak memberi hidayah. Tetapi sekiranya kita menghayatinya secara mendalam, pasti kita akan memahami bahawa kata kerja (أَضَلَّ) adalah bertentangan makna dengan kata kerja (هَدَى). Lantaran itu, kedua-dua kata kerja itu dikategorikan dalam golongan al-Ṭibāq.

Keadaan yang serupa dapat diterokai dalam firman Allah Ta'ālā:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُواْ فِى ٱلْأَرْضِ قَالُوٓاْ إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ

Maksudnya : *Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi", lalu mereka menjawab: " Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang hanya membuat kebaikan".*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 11

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (لاَ تُفْسِدُوا) yang membawa maksud tidak melakukan kerosakan sebenarnya tidak berlawanan makna dengan kata nama (مُصْلِحُوْنَ) yang bererti orang yang melakukan kebaikan. Namun kata kerja (تُفْسِدُوا) itu bertentangan pengertian dengan perkataan (مُصْلِحُوْنَ). Lantaran itu, kedua-dua kata kerja itu dikategorikan dalam golongan al-Ṭibāq.

Situasi ini juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

قَالُواْ يَـٰمُوسَىٰٓ إِنَّ فِيهَا قَوْمًا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن نَّدْخُلَهَا حَتَّىٰ يَخْرُجُواْ مِنْهَا

Maksudnya : *Mereka berkata: "Wahai Musa, di negeri itu terdapat kaum yang gagah perkasa dan kami tidak akan memasukinya sehingga mereka keluar daripadanya.*

Sūrah al-Mā’idah : (5) : 22

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (لَنْ نَدْخُلَ) yang membawa maksud kami tidak akan memasuki tidak berlawanan makna dengan kata kerja (يَخْرُجُوا) yang bererti mereka keluar. Namun jika kita memerhatikan secara lebih spesifik, kita mendapati kata kerja (نَدْخُلَ) bertentangan dengan kata kerja (يَخْرُجُوا). Justeru itu, kedua-duanya termasuk dalam golongan al-Ṭibāq.

2.2.1.8 Al-Ṭibāq Secara Makna

Seperti yang kita telah maklum, semua contoh-contoh yang telah disebutkan sebelum ini adalah pertembungan makna secara lafaz iaitu ianya jelas kelihatan pada perkataan yang digunakan. Dalam sesetengah keadaan, pertembungan makna hanya boleh difahami melalui maksud sebenar dalam sesuatu ungkapan.

Suasana ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهۡدِيَهُۥ يَشۡرَحۡ صَدۡرَهُۥ لِلۡإِسۡلَٰمِۖ وَمَن يُرِدۡ أَن يُضِلَّهُۥ يَجۡعَلۡ صَدۡرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي ٱلسَّمَآءِ

Maksudnya : *Justeru itu, sesiapa yang Allah mahu memberi hidayat kepadanya, pasti dibukakan hatinya untuk menerima Islam dan sesiapa yang Allah mahu menyesatkannya dijadikan hatinya sesak dan sempit seperti orang yang naik ke langit.*

Sūrah al-’An‘ām : (6) : 125

Kita dapat memerhatikan bahawa frasa (يَشْرَحْ صَدْرَهُ) membawa maksud Allah memperluaskan dadanya dengan keimanan dan melapangkannya dengan nur hidayah. Justeru itu, ianya bertentangan dengan frasa (يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا) yang bermaksud dijadikan hatinya sesak dan sempit. (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 47).

Perkara ini juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلۡأَرۡضَ فِرَٰشٗا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءٗ

Maksudnya :*(Tuhan) Yang menciptakan bagi mu bumi sebagai hamparan dan langit sebagai atap (binaan yang menutupi).*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 22

Daripada ayat di atas, kita dapat menanggapi bahawa perkataan (بِنَاءً) itu membawa makna ketinggian. Jadi, ia bertentangan dengan perkataan (فِراشًا) yang membawa maksud sesuatu yang berada di bawah. (Al-Suyūṭīy, t.t. : 95)

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِذَا لَقُواْ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوۡاْ إِلَىٰ شَيَٰطِينِهِمۡ قَالُوٓاْ إِنَّا مَعَكُمۡ إِنَّمَا نَحۡنُ مُسۡتَهۡزِءُونَ

Maksudnya : *Dan apabila mereka (orang-orang munafik) bertemu dengan orang-orang yang beriman, mereka berkata: " Kami telah*

beriman ", dan manakala mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka, mereka berkata pula:" Sesungguhnya kami tetap bersama kamu, sebenarnya kami hanya memperolok-olok (orang-orang yang beriman)".

Sūrah al-Baqarah : (2) : 14

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (ءَامَنَّا) yang bermaksud kami beriman adalah berlawanan makna dengan kata nama (إِنَّا مَعَكُمْ) yang bererti kami bersama kamu. Frasa (إِنَّا مَعَكُمْ) di sini membawa pengertian bahawa mereka tetap bersama orang-orang musyrik. Orang musyrik pula adalah golongan yang tidak beriman dengan Allah Ta'ālā. Oleh itu, ia bertentangan makna dengan perkataan (ءَامَنَّا).

Hal yang sama juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta'ālā :

وَإِذَا غَشِيَهُم مَّوْجٌ كَٱلظُّلَلِ دَعَوُاْ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ فَلَمَّا نَجَّىٰهُمْ إِلَى ٱلْبَرِّ فَمِنْهُم مُّقْتَصِدٌ

Maksudnya : *Apabila mereka dipukul ombak besar bagaikan gunung, mereka menyeru Allah dengan tulus ikhlas (beriman kepada Allah). Tetapi apabila Allah menyelamatkan mereka ke daratan, hanya sebahagian sahaja di antara mereka yang bersikap jujur (bersyukur kepada Allah).*

Sūrah Luqmān : (31) : 32

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (غَشِيَهُمْ مَوْجٌ) yang bermaksud dipukul ombak besar adalah berlawanan makna dengan kata kerja (البَرّ) yang bererti daratan.

Keadaan yang serupa dapat diterokai dalam firman Allah Ta'ālā:

مِّمَّا خَطِيٓـَٔـٰتِهِمْ أُغْرِقُواْ فَأُدْخِلُواْ نَارًا فَلَمْ يَجِدُواْ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ أَنصَارًا

Maksudnya : *Disebabkan dosa-dosa mereka, mereka ditenggelamkan (dengan banjir dan taufan), kemudian (pada hari akhirat) dimasukkan ke dalam neraka. Mereka tidak akan beroleh sebarang penolong selain daripada Allah.*

Sūrah Nuh : (71) : 25

Berdasarkan contoh di atas, kita dapat memerhatikan bahawa perkataan (أُغْرِقُوا) yang membawa maksud ditenggelamkan adalah merupakan sifat air . Justeru itu, ia berlawanan makna dengan perkataan (نَارًا) yang bererti api neraka (Al-Zarkashīy, 1972 : 457).

2.2.1.9 Al-Ṭibāq Secara Tersembunyi

Kadangkala al-Ṭibāq tidak dapat difahami secara zahir tetapi hanya dapat dihayati melalui penelitian dan pemerhatian secara tersirat.

Kita boleh melihat keadaan ini dalam firman Allah Ta'ālā :

وَلَكُمۡ فِي ٱلۡقِصَاصِ حَيَوٰةٞ

Maksudnya : *Bagi mu peraturan qisas itu adalah suatu kehidupan.*
Sūrah al-Baqarah : (2) : 179

Daripada ayat di atas, kita dapat memahami bahawa qisas (القِصَاصُ) pada zahirnya bermaksud pembunuhan balas secara sistem keadilan Islam. Namun begitu, jika diteliti secara mendalam, ia mengandungi pengertian kematian. Justeru itu, perkataan tersebut berlawanan makna dengan perkataan (حَيَاةٌ) yang bererti kehidupan (Al-Suyūṭīy, t.t. : 85).

Perkara ini juga dapat diselami dalam firman Allah Ta'ālā :

وَمِن رَّحۡمَتِهِۦ جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيۡلَ وَٱلنَّهَارَ لِتَسۡكُنُواْ فِيهِ وَلِتَبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِهِۦ وَلَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ

Maksudnya : *Dan antara rahmat Nya, Dia menjadikan bagi kamu siang dan malam supaya kamu dapat bersenang diri padanya dan mencari kurniaan Tuhan semoga kamu bersyukur.*
Sūrah al-Qasas : (28) : 73

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati (اِبْتِغَاءُ الفَضْلِ) yang bermaksud pencarian kurniaan Allah memerlukan pergerakan (الحَرَكَةُ). Lantaran itu, perkataan (الحَرَكَةُ) adalah dianggap bertentangan makna dengan perkataan (لِتَسْكُنُوا) yang bererti bersenang diri iaitu berehat. (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 195)

Situasi sama berlaku dalam firman Allah Ta'ālā :

مِّمَّا خَطِيٓـَٔـٰتِهِمۡ أُغۡرِقُواْ فَأُدۡخِلُواْ نَارٗا فَلَمۡ يَجِدُواْ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ أَنصَارٗا

Maksudnya : *Disebabkan kesalahan dan dosa mereka, mereka ditenggelamkan dan seterusnya dimasukkan ke dalam api neraka. Mereka pasti tidak mendapat sebarang penolong selain Allah.*

Sūrah Nuh : (71) : 25

Berdasarkan contoh di atas, kita dapat menyelami bahawa perkataan (الإِغْرَاقُ) yang bermaksud tenggelam adalah terdiri daripada sifat (المَاءُ) iaitu air. Lantaran itu, perkataan (المَاءُ) adalah antonim kepada perkataan (النَّارُ) iaitu neraka. (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 193)

Hal ini juga boleh didapati dalam firman Allah Ta'ālā :

وَيَـٰقَوۡمِ مَا لِيٓ أَدۡعُوكُمۡ إِلَى ٱلنَّجَوٰةِ وَتَدۡعُونَنِيٓ إِلَى ٱلنَّارِ

Maksudnya : *Wahai Kaum ku ! Apakah gerangan aku menyeru kamu kepada kesejahteraan sedangkan kamu menyeru ke arah neraka.*

Sūrah Mukmin : (40) : 41

Daripada ayat di atas, kita dapat menanggapi bahawa perkataan (النَّجَاةُ) iaitu kesejahteraan adalah membawa pengertian (الجَنَّةُ) yang bererti syurga. Justeru itu,

perkataan (الجَنَّةُ) adalah bertentangan makna dengan perkataan (النَّارُ) iaitu neraka. (Al-Zarkashīy, 1972 : 457)

Kondisi yang serupa juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا

Maksudnya : *Dia (Allah) yang memperlihatkan kepada kamu kilat yang menimbulkan ketakutan (petir yang menyambar) dan pengharapan (turunnya hujan).*

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 12

Daripada ayat di atas, dapat difahami bahawa apabila kita melihat kilat, fikiran kita terus menanggapi dua perkara iaitu ketakutan disambar petir dan pengharapan mengenai turunnya hujan serta tiada perkara ketiga yang menerjah fikiran kita. Lantaran itu, perkataan (الخَوْفُ) yang bermaksud ketakutan adalah dianggap bertentangan makna dengan perkataan (الطَّمَعُ) yang bererti pengharapan. (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 49)

Suasana ini juga boleh dirasai dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ

Maksudnya : *Dan mereka menyembunyikan (tetap akan merasa) kekesalan serta kecewa ketika mereka melihat azab itu.*

Sūrah Yunus : (10) : 54

Berpandukan spesimen tersebut, kita dapat menyelami bahawa perkataan (رَأَوْا) yang bererti melihat adalah sinonim dengan perkataan (أَظْهَرُوا) yang bermaksud menzahirkan. Justeru itu, perkataan (رَأَوْا) dianggap berlawanan makna dengan perkataan (أَسَرُّوا) yang membawa pengertian menyembunyikan. (Al-Suyūṭīy, t.t.)

Perkara yang serupa juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَجَعَلْنَا مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَٰهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ

Maksudnya : *Dan Kami jadikan (sifat tamak kepada harta benda dan pangkat itu sebagai) sekatan (yang menghalang mereka daripada memandang kepada keburukan dunia) di hadapan mereka, dan sekatan (yang menghalang mereka daripada memikirkan azab) di belakang mereka (pada hari kiamat). Lalu Kami tutup pandangan mereka, Justeru itu, mereka tidak dapat melihat (jalan yang benar).*

Sūrah Yasin : (36) : 9

Berpaksikan ayat di atas, frasa (خَلْفِهِمْ) yang bermaksud di belakang mereka sebenarnya berlawanan makna dengan frasa (أَمَامَهُمْ)yang bererti di hadapan mereka. Namun demikian, Allah Ta‘ālā telah meletakkan frasa (بَيْنَ أَيْدِيْهِمْ) bagi menggantikan frasa (أَمَامَهُمْ) untuk membawa pengertian yang lebih mendalam dan memberi kesan ketara kepada hati nurani manusia. Justeru itu, kita dapat menganggap bahawa frasa (بَيْنَ أَيْدِيْهِمْ) adalah bertentangan makna dengan frasa (خَلْفِهِمْ). (Al-Suyūṭīy, t.t.)

Hal ini juga boleh di terokai dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِٱلْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُۥ مُسْوَدًّا

Maksudnya : *Dan apabila seseorang di kalangan mereka diberitahu mengenai (kelahiran) anak perempuan, mukanya terus menjadi hitam.*

Sūrah al-Nahl : (16) : 58

Berpandukan ayat yang tersebut di atas, kita mendapati perkataan (ظَلَّ) hanya digunakan pada waktu siang hari. Apabila disebut serentak dengan warna hitam dalam satu ungkapan, ia terus mengandungi pengertian warna putih (البَيَاضُ). Justeru itu, perkataan

(البَيَاضُ) adalah bertentangan makna dengan perkataan (السَّوَادُ) iaitu hitam. (Al-Zarkashīy, 1972 : 457)

Perkara yang serupa juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا تَكۡذِبُونَ ﴿١٥﴾ قَالُواْ رَبُّنَا يَعۡلَمُ إِنَّآ إِلَيۡكُمۡ لَمُرۡسَلُونَ

Maksudnya : *Kamu hanya membuat pendustaan semata-mata. Mereka (penduduk kota Antochie di Syria) mengatakan : Tuhan kami (murid-murid Nabi Isa) mengetahui bahawa kami adalah utusan-utusan yang dikirimkan kepada kamu.*

Sūrah Yasin : (36) : 15-16

Dalam ayat di atas, frasa (إِنَّا إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُوْنَ) pada zahirnya bererti sesungguhnya kami adalah utusan-utusan yang dikirimkan kepada kamu. Meski pun begitu, ungkapan ini secara tersirat nya membawa pengertian sesungguhnya kami berkata benar (إِنَّا لَصَادِقُوْنَ) . Oleh itu, ia berlawanan makna dengan ungkapan (تَكْذِبُوْنَ) yang bermakna kamu hanya membuat pendustaan. (Al-Suyūṭīy, t.t.)

Kondisi yang sama juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

إِذۡ جَآءُوكُم مِّن فَوۡقِكُمۡ وَمِنۡ أَسۡفَلَ مِنكُمۡ

Maksudnya : *Ketika mereka (tentera musuh) datang melanggar kamu dari sebelah atas (hulu) dan dari sebelah bawah (hilir) (tempat pertahanan) kamu.*

Sūrah al-Ahzab : (33) : 10

Berdasarkan contoh di atas, perkataan (فَوْقَ) yang bermaksud sebelah atas sebenarnya berlawanan makna dengan perkataan (تَحْتَ) yang bererti sebelah bawah. Namun demikian, Allah Ta‘ālā telah menggunakan kebijaksanaanNya mengutamakan perkataan (أَسْفَلَ) di kedudukan perkataan (تَحْتَ) untuk membawa pengertian yang lebih

padu dan memberi konotasi yang jitu kepada orang-orang yang beriman. Justeru itu, kita dapat menganggap bahawa perkataan (فَوْقَ) adalah antonim kepada perkataan (أَسْفَلَ). (Al-Suyūṭīy, t.t.)

2.2.1.10 Al-Ṭibāq Dalam Gambaran Baru

Situasi ini berlaku apabila terdapat satu kata kerja dasar hadir dalam sesuatu ungkapan di mana salah satu daripada keduanya dalam bentuk kata kerja aktif dan satu lagi dalam bentuk kata kerja pasif. Secara zahirnya, tidak wujud sebarang pertentangan makna kerana kedua-duanya berasal daripada satu kata kerja dasar. Namun begitu, pakar retorik tetap menganggapnya sebagai al-Ṭibāq kerana terdapat perbezaan makna antara kata kerja aktif dan kata kerja pasif.

Hal ini dapat di hayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَإِن لَّمۡ تَفۡعَلُواْ فَأۡذَنُواْ بِحَرۡبٖ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۖ وَإِن تُبۡتُمۡ فَلَكُمۡ رُءُوسُ أَمۡوَٰلِكُمۡ لَا تَظۡلِمُونَ وَلَا تُظۡلَمُونَ

Maksudnya : *Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan Rasul Nya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan Yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 279

Berpandukan contoh yang diutarakan di atas, kita dapat meneroboskan fikiran bahawa perkataan (لاَ تَظْلِمُوْنَ) itu bermakna kamu tidak berlaku zalim adalah bertentangan makna dengan perkataan (لاَ تُظْلَمُوْنَ) yang membawa maksud kamu tidak dizalimi. Justeru itu, kita berpendapat bahawa berlaku situasi antonim di sini walau pun

kedua-duanya menggunakan kata dasar yang sama iaitu (ظُلْمٌ) dan berbentuk penafian. (Al-Suyūṭīy, t.t.)

Perkara serupa juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ ۚ يُقَٰتِلُونَ فِى
سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ وَٱلْقُرْءَانِ

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman jiwa dan harta benda mereka (dan sebagai ganjarannya) mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan dibunuh. (balasan syurga Yang demikian ialah) sebagai janji benar yang ditetapkan oleh Allah di Dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran.*

Sūrah al-Taubah : (9) : 111

Daripada ayat di atas, kita dapat menanggapi bahawa perkataan (يَقْتُلُوْنَ) itu membawa makna mereka membunuh adalah bertentangan makna dengan perkataan (يُقْتَلُوْنَ) yang membawa maksud mereka dibunuh. Justeru itu, kita berpandangan bahawa berlaku pertembungan makna di sini walau pun kedua-duanya menggunakan kata dasar yang sama iaitu (قَتَلَ). (Al-Suyūṭīy, t.t.)

Suasana sama juga boleh didapati dalam firman Allah Ta‘ālā :

يُؤْتِى ٱلْحِكْمَةَ مَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُؤْتَ ٱلْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِىَ خَيْرًا كَثِيرًا

Maksudnya : *Allah memberikan hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki Nya (menurut aturan yang ditentukan Nya). dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 269

Berpaksikan spesimen di atas, kita dapat menanggapi bahawa perkataan (يُؤْتِي) membawa makna memberikan adalah bertentangan makna dengan perkataan (يُؤْتَ)

yang membawa maksud diberikan. Justeru itu, kita berpandangan bahawa berlaku pertembungan makna di sini walau pun kedua-duanya menggunakan kata dasar yang sama.

Perkara yang sama juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِذَا حُيِّيتُم بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّواْ بِأَحْسَنَ مِنْهَآ أَوْ رُدُّوهَآ

Maksudnya : *Apabila kamu diberikan salam hormat, balaslah salam hormat itu dengan cara yang lebih baik atau balaslah (dengan cara yang sama).*

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 86

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (حُيِّيْتُمْ) yang membawa maksud diberikan salam hormat adalah berlawanan makna dengan kata kerja (حَيُّوْا) yang bererti balaslah salam hormat. Lantaran itu, kita berpendapat bahawa berlaku pertembungan makna di sini walau pun kedua-duanya menggunakan kata dasar yang sama.

Kondisi yang sama juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِن يَسْتَغِيثُواْ يُغَاثُواْ بِمَآءٍ كَٱلْمُهْلِ يَشْوِى ٱلْوُجُوهَ

Maksudnya : *Jika mereka meminta pertolongan (kerana dahaga), mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka.*

Sūrah al-Kahf : (18) : 29

Melalui pemerhatian ke atas contoh tersebut, kita memahami bahawa kata kerja (يَسْتَغِيْثُوا) yang membawa maksud meminta pertolongan adalah berlawanan makna dengan kata kerja (يُغَاثُوا) yang bererti diberi pertolongan. Lantaran itu, kita mendapati wujud pertembungan makna di sini walau pun kedua-duanya menggunakan kata dasar yang sama.

Suasana ini juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

إِذْ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰٓ أُمِّكَ مَا يُوحَىٰٓ

Maksudnya : *Ketika Kami (Allah Ta‘ālā) ilhamkan kepada ibumu apa yang diilhamkan.*

Sūrah Ṭāhā : (20) : 38

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (أَوْحَيْنَا) yang membawa maksud Kami ilhamkan adalah berlawanan makna dengan kata kerja (يُوْحَى) yang bererti yang diilhamkan. Oleh itu, kita dapat menanggapi berlaku pertembungan makna di sini walau pun kedua-duanya menggunakan kata dasar yang sama.

2.2.1.11 Al-Ṭibāq Secara Positif

Perkara ini berlaku apabila diungkapkan dua perkataan yang berlawanan serta tidak berbeza bentuk positif dan negatifnya (‘Alīy al-Jārim & Muṣṭafā ’Amīn, 1977 : 281).

Perkara ini jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

ثُمَّ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ

Maksudnya : *Di situ (neraka) dia (si celaka) tiada mati (bebas dari penderitaan) dan tiada pula hidup (mendapat kesenangan).*

Sūrah al-’A‘lā : (87) : 13

Berpaksikan contoh di atas, kita mendapati kata kerja (يَمُوْتُ) yang bermaksud mati adalah antonim kepada kata kerja (يَحْيَى) yang membawa pengertian hidup.

Suasana ini juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ أَتَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا

Maksudnya : Katakanlah : "Patutkah kamu menyembah selain Allah, yang tidak memberikan mudarat kepada kamu dan tidak pula memberi manfaat ?

Sūrah al-Māi’dah : (5) : 76

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (ضَرًّا) yang membawa maksud mudarat adalah berlawanan makna dengan kata kerja (نَفْعًا) yang bererti manfaat.

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمۡ لَا يَسۡتَأۡخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسۡتَقۡدِمُونَ

Maksudnya : *Apabila datang tempohnya, mereka tidak dikemudiankan walau sesaat pun, dan tidak pula didahulukan.*

Sūrah al-‘Araf : (7) : 34

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (يَسْتَأْخِرُوْنَ) yang membawa maksud dikemudiankan adalah berlawanan makna dengan kata kerja (يَسْتَقْدِمُوْنَ) yang bererti didahulukan.

Perkara ini juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا يُنفِقُونَ نَفَقَةً صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً

Maksudnya : *Mereka tidak membelanjakan sesuatu perbelanjaan sama ada kecil ataupun besar.*

Sūrah al-Taubah : (9) : 121

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (صَغِيْرَة) yang bermaksud kecil adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَبِيْرَة) yang bererti besar.

Hal yang sama juga dapat di hayati firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا تَجۡهَرۡ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتۡ بِهَا وَٱبۡتَغِ بَيۡنَ ذَٰلِكَ سَبِيلًا

Maksudnya : *Janganlah kamu menyaringkan bacaan sembahyang mu dan janganlah kamu memperlahankannya serta carilah jalan tengah antara keduanya.*

Sūrah al-Isra’ : (17) : 118

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (تَجْهَرْ) yang bermaksud kamu menyaringkan suara adalah berlawanan makna dengan kata kerja (تُخَافِتْ) yang bererti kamu memperlahankan suara.

Keadaan yang serupa dapat diterokai dalam firman Allah Ta‘ālā:

وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَنفَقُواْ لَمۡ يُسۡرِفُواْ وَلَمۡ يَقۡتُرُواْ وَكَانَ بَيۡنَ ذَٰلِكَ قَوَامًا

Maksudnya : *Orang-orang yang apabila membelanjakan hartanya, mereka tidak boros dan tidak kedekut, (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah pertengahan antara keduanya.*

Sūrah al-Furqān : (25) : 67

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (يُسْرِفُوا) yang membawa maksud tidak boros adalah berlawanan makna dengan kata kerja (يَقْتُرُوا) yang bererti tidak kedekut.

Hal ini juga boleh didapati dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَأُوْلَٰٓئِكَ يُبَدِّلُ ٱللَّهُ سَيِّـَٔاتِهِمۡ حَسَنَٰتٍ

Maksudnya : *Mereka itulah orang-orang yang Allah menggantikan keburukan mereka dengan kebaikan.*

Sūrah al-Furqān : (25) : 70

Berpaksikan contoh di atas, kita mendapati perkataan (حَسَنَاتٍ) yang bermaksud perkara-perkara baik adalah antonim kepada perkataan (سَيِّئَاتٍ) yang membawa pengertian perkara-perkara buruk.

Perkara sama juga terjadi dalam firman Allah Ta‘ālā :

بَابٌۢ بَاطِنُهُۥ فِيهِ ٱلرَّحۡمَةُ وَظَٰهِرُهُۥ مِن قِبَلِهِ ٱلۡعَذَابُ

Maksudnya : *Di sebelah dalamnya terdapat rahmat (kurniaan bagi orang-orang beriman) dan di sebelah zahirnya pula terdapat siksaan (bagi orang-orang munafik).*

Sūrah al-Ḥadīd : (57) : 13

Berdasarkan ungkapan di atas, kita mendapati perkataan (ظَاهِرٌ) yang bererti di sebelah zahir (luar) adalah bertentangan makna dengan kata kerja (بَاطِنٌ) yang membawa pengertian di sebelah dalam.

Keadaan ini juga boleh dilihat dalam sabda junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. :

أَفْضَلُ الفَضَائِلِ مَنْ تَصِلُ مَنْ قَطَعَكَ وَتُعْطِي مَنْ حَرَمَكَ وَتَصْفَحُ مَنْ شَتَمَكَ

Maksudnya : *Fadilat yang paling baik ialah kamu menghubungkan silaturrahim dengan orang cuba memutuskannya, memberi pada orang yang tidak memberi (bersikap bakhil) kepada mu dan bersalam (memaafkan) orang yang mencela kamu.*

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa perkataan (قَطَعَ) yang bermakna memutuskan silaturrahim adalah antonim kepada perkataan (تَصِلُ) yang bermaksud menghubungkan silaturrahim.

Kita juga boleh melihat keadaan ini dalam sabda junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. :

أَهْلُ المعْرُوْفِ فِي الدُّنْيَا أَهْلُ المعْرُوْفِ فِي الآخِرَةِ وَأَهْلُ المنْكَرِ فِي الدُّنْيَا أَهْلُ المنْكَرِ فِي الآخِرَةِ

Maksudnya : *Orang-orang yang baik di dunia adalah baik di akhirat dan orang-orang yang mungkar di dunia adalah mungkar di akhirat.*

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati perkataan (الآخِرَةِ) yang bererti akhirat adalah berlawanan makna dengan perkataan (الدُّنْيَا) yang bermakna dunia.

Hal ini juga berlaku dalam puisi ’Imru’ al-Qays :

مِكَرٍّ مِفَرٍّ مُقْبِلٍ مُدْبِرٍ مَعًا كَجُلْمُوْدِ صَخْرٍ حَطَّهُ السَّيْلُ مِنْ عَل

Maksudnya : *Kuda itu berlari kencang dan pantas*
Seperti batu besar yang jatuh dari tempat tinggi

Berpaksikan contoh di atas, kita mendapati perkataan (مِفَرٍّ) yang bererti berlari. adalah berlawanan makna dengan perkataan (مِكَرٍّ) yang bermakna merempuh Manakala perkataan (مُدْبِرٍ) yang bermaksud bergerak ke belakang pula adalah antonim kepada perkataan (مُقْبِلٍ) yang membawa pengertian maju ke depan.

Perkara sama juga terjadi dalam kata-kata pujangga :

غَضَبُ الجَاهِلِ فِي قَوْلِهِ وَغَضَبُ العَاقِلِ فِي فِعْلِهِ

Maksudnya : *Kemarahan si jahil terletak pada kata-katanya dan kemarahan si berakal terletak pada tindakannya.*

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa perkataan (العَاقِلِ) yang bermakna orang yang berakal adalah antonim kepada perkataan (الجَاهِلِ) yang bermaksud orang yang jahil. Manakala perkataan (فِعْلٍ) yang bermaksud perbuatan pula adalah bertentangan makna dengan perkataan (قَوْلٍ) yang membawa pengertian kata-kata.

Begitu juga dengan kata-kata nasihat orang-orang soleh iaitu :

كَدْرُ الجَمَاعَةِ خَيْرٌ مِنْ صَفْوِ الفُرْقَةِ

Maksudnya : *Kekeruhan dalam jemaah lebih baik daripada kejernihan dalam perpecahan.*

Berpandukan ungkapan di atas, kita mendapati perkataan (صَفْوِ) yang bererti kejernihan adalah berlawanan makna dengan perkataan (كَدْرُ) yang bermakna kekeruhan. Manakala perkataan (الفُرْقَةِ) yang bermaksud perpecahan pula adalah antonim kepada perkataan (الجَمَاعَةِ) yang membawa pengertian jemaah (perpaduan).

2.2.1.12 Al-Ṭibāq Secara Negatif

Perkara ini berlaku apabila diungkapkan dua perkataan yang berlawanan serta berbeza bentuk positif dan negatifnya.

Hal ini jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِن يَرَوْاْ سَبِيلَ ٱلرُّشْدِ لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا وَإِن يَرَوْاْ سَبِيلَ ٱلْغَيِّ يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا

Maksudnya : *Dan sekiranya mereka melihat jalan kebenaran, mereka tidak mengambilnya sebagai jalan, dan sekiranya mereka melihat jalan salah, mereka mengambilnya sebagai jalan.*

Sūrah al-‘Arāf : (7) : 146

Berpaksikan contoh di atas, kita mendapati perkataan (يَتَّخِذُوْهُ) yang bermaksud mereka mengambilnya adalah antonim kepada perkataan (لاَ يَتَّخِذُوْهُ) yang membawa pengertian mereka tidak mengambilnya.

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ سَوَآءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya : *Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman (kafir), sama sahaja bagi mereka sama ada kamu memberi peringatan atau tidak memberi peringatan, mereka tetap tidak beriman.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 6

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa perkataan (لَمْ تُنْذِرْ) yang bermakna kamu memberi peringatan adalah antonim kepada perkataan (أَنْذَرْتَ) yang bermaksud kamu tidak memberi peringatan Selain itu, kita mendapati bahawa perkataan (لَمْ تُنْذِرْ) adalah berbentuk negatif. Manakala perkataan (أَنْذَرْتَ) adalah berbentuk positif (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 47).

Perkara ini juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَفِي ٱلْأَرْضِ قِطَعٌ مُّتَجَٰوِرَٰتٌ وَجَنَّٰتٌ مِّنْ أَعْنَٰبٍ وَزَرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنْوَانٌ وَغَيْرُ صِنْوَانٍ

Maksudnya : *Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun.*

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 4

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa perkataan (صِنْوَانٌ) yang bermakna berumpun adalah antonim kepada perkataan (غَيْرُ صِنْوَانٍ) yang bermaksud tidak berumpun.

Kondisi yang sama juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَتَرَى ٱلنَّاسَ سُكَٰرَىٰ وَمَا هُم بِسُكَٰرَىٰ وَلَٰكِنَّ عَذَابَ ٱللَّهِ شَدِيدٌ

Maksudnya : *Engkau akan melihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal mereka sebenarnya tidak mabuk, tetapi azab Allah amatlah berat lagi mengerikan.*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 2

Berdasarkan contoh di atas, kita dapat memerhatikan bahawa perkataan (سُكَارَى) membawa maksud manusia dalam keadaan mabuk. Justeru itu, ianya bertentangan dengan frasa (مَا هُمْ بِسُكَارَى) yang bermaksud mereka tidak mabuk.

Suasana ini juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

تَعۡلَمُ مَا فِي نَفۡسِي وَلَآ أَعۡلَمُ مَا فِي نَفۡسِكَ

Maksudnya : *Engkau (Allah) mengetahui apa yang ada dalam pemikiran ku dan aku tidak mengetahui apa yang ada dalam ilmu Engkau (Allah).*

Sūrah al-Māi’dah : (5) : 116

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati perkataan (لاَ أَعْلَمُ) yang bererti aku tidak mengetahui adalah berlawanan makna dengan perkataan (تَعْلَم) yang bermakna Engkau mengetahui.

Hal yang sama juga dapat di hayati firman Allah Ta‘ālā :

وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعۡلَمُونَ ۝٦ يَعۡلَمُونَ ظَٰهِرٗا مِّنَ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا

Maksudnya : Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya. Mereka hanya mengetahui perkara yang zahir dalam kehidupan dunia.

Sūrah al-Rūm : (30) : 6-7

Berdasarkan ungkapan yang tersebut di atas, kita dapat merenungi bahawa kata kerja (لاَ يَعْلَمُوْن) yang membawa pengertian tidak mengetahui adalah bertentangan makna dengan kata kerja (يَعْلَمُوْن) yang bererti mengetahui. (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy , t.t. : 194)

Perkara yang sama juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

ثُمَّ مِن مُّضۡغَةٖ مُّخَلَّقَةٖ وَغَيۡرِ مُخَلَّقَةٖ لِّنُبَيِّنَ لَكُمۡ

Maksudnya : *Kemudian (kejadian manusia) daripada segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan tidak sempurna kejadiannya untuk Kami (Allah) memperjelaskan kepada kamu.*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 5

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat merenungi bahawa kata nama (مُخَلَّقَةٍ) yang membawa pengertian sempurna kejadiannya adalah bertentangan makna dengan kata nama (غَيْرِ مُخَلَّقَةٍ) yang bererti tidak sempurna kejadiannya.

Suasana sama juga boleh didapati dalam firman Allah Ta‘ālā :

" فَلَا تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلاً كَرِيمًا "

Maksudnya : *Oleh itu, janganlah engkau mengatakan kepada keduanya (ibu bapa)perkataan "cis" dan janganlah mengherdik keduanya.dan katakanlah (ucapkan lah) kepada keduanya perkataan yang sopan.*

Sūrah al-'Isrā' : (17) : 23

Berpaksikan ayat di atas, kita dapat menghayati bahawa kata kerja (لاَ تَقُلْ) yang bermakna janganlah engkau mengatakan adalah bertentangan makna dengan kata kerja (قُلْ) yang bermaksud katakanlah.

Hal ini boleh didapati dalam firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya : *Katakan : adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui.*

Sūrah al-Zumar : 9

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati perkataan (لاَ يَعْلَمُوْنَ) yang bererti orang-orang yang tidak mengetahui adalah berlawanan makna dengan perkataan (يَعْلَمُوْن) yang bermakna orang-orang yang mengetahui (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 70).

Kita juga boleh melihat keadaan ini dalam Allah Ta‘ālā :

تَعْلَمُ مَا فِى نَفْسِى وَلَآ أَعْلَمُ مَا فِى نَفْسِكَ

Maksudnya : *Engkau (Allah) mengetahui apa yang ada dalam pemikiran ku dan aku tidak mengetahui apa yang ada dalam ilmu Engkau (Allah).*

Sūrah al-Mā'idah : (5) : 116

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati perkataan (لاَ أَعْلَمُ) yang bererti aku tidak mengetahui adalah berlawanan makna dengan perkataan (تَعْلَم) yang bermakna Engkau mengetahui.

Kita juga boleh melihat keadaan ini dalam sabda junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. :

كُوْنُوا لِلْعِلْمِ دُعَاةً وَلاَ تَكُوْنُوا لَهُ رُوَاةً

Maksudnya : Jadilah kamu penyeru-penyeru ilmu dan janganlah kamu jadi sekadar pemeriwayat sahaja.

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa perkataan (لاَ تَكُوْنُوا) yang bermakna janganlah kamu jadi adalah antonim kepada perkataan (كُوْنُوا) yang bermaksud jadilah kamu.

Ahmad Hifni Muhammad Ali (1999) memberikan contoh perbandingan dalam bahasa Melayu yang berbunyi : Jangan pandang kepada orang yang berkata tetapi pandanglah kepada apa yang ia kata.

Berdasarkan ungkapan di atas, kita dapat menjiwai bahawa perkataan jangan pandang adalah antonim kepada perkataan pandanglah.

2.2.1.13 Al-Ṭibāq Secara Negatif Dalam Sinonim

Perkara ini berlaku apabila salah satu perkataan yang berlawanan makna berbentuk positif dan satu lagi dalam keadaan negatif iaitu didahului dengan partikel penafian. Namun

begitu, kedua-dua perkataan yang digunakan tidak terdiri daripada kata dasar yang sama. Walau pun kedua duanya berlainan, ianya tetap sinonim.

Perkara ini jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِن تَعُدُّواْ نِعۡمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحۡصُوهَآۗ إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ لَظَلُومٞ كَفَّارٞ

Maksudnya : *Jika kamu menghitung nikmat Allah, pasti kamu tidak dapat menghitung nya. Sesungguhnya manusia itu sangat zalim (banyak kesalahan) dan kufur (tidak tahu menghargai jasa).*

Sūrah ’Ibrāhīm : (14) : 34

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (تَعُدُّوا) yang bererti menghitung adalah berlawanan makna dengan kata kerja (لاَ تُحْصُوا) yang membawa maksud tidak menghitung.

Kondisi yang sama juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِن تَعُدُّواْ نِعۡمَةَ ٱللَّهِ لَا تُحۡصُوهَآۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَغَفُورٞ رَّحِيمٞ

Maksudnya : *Jika kamu menghitung nikmat Allah, pasti kamu tidak dapat menghitungnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.*

Sūrah al-Naḥl : (16) : 18

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (تَعُدُّوا) yang membawa maksud menghitung adalah berlawanan makna dengan kata kerja (لاَ تُحْصُوا) yang bererti tidak dapat menghitung.

Suasana ini juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

أَفَلَمۡ يَدَّبَّرُواْ ٱلۡقَوۡلَ أَمۡ جَآءَهُم مَّا لَمۡ يَأۡتِ ءَابَآءَهُمُ ٱلۡأَوَّلِينَ

Maksudnya : *Apakah mereka tidak memperhatikan kata-kata Tuhan (ajaran Islam) atau datang kepada mereka sesuatu yang tidak pernah*

datang kepada nenek moyang mereka yang terdahulu ?

Sūrah al-Mu'minūn : (23) : 68

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (جَاءَهُمْ) yang bermaksud datang kepada mereka adalah berlawanan makna dengan kata kerja (لَمْ يَأْتِ) yang bererti tidak pernah datang.

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta'ālā :

وَيَعْلَمُ مَا فِي ٱلْأَرْحَامِ ۖ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا ۖ

Maksudnya : *Dia (Allah) mengetahui apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung) dan tiada seorang pun yang mengetahui apa yang akan diusahakannya esok.*

Sūrah Luqmān : (31) : 34

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (يَعْلَمُ) yang membawa maksud mengetahui adalah berlawanan makna dengan kata kerja (مَا تَدْرِي) yang bererti tidak mengetahui.

Suasana ini juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta'ālā :

قَالَتِ ٱلْأَعْرَابُ ءَامَنَّا ۖ قُل لَّمْ تُؤْمِنُوا۟ وَلَـٰكِن قُولُوٓا۟ أَسْلَمْنَا

Maksudnya : *Orang-orang Arad Badwi itu berkata: Kami telah beriman. Katakanlah : Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi katakanlah : Kami telah Islam.*

Sūrah al-Ḥujurāt : (49) : 14

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (لَمْ تُؤْمِنُوْا) yang bermaksud kamu belum beriman adalah berlawanan makna dengan kata kerja (أَسْلَمْنَا) yang bererti kami telah Islam.

Hal yang sama juga dapat dihayati firman Allah Ta'ālā :

أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ ﴿٨﴾ قَالُواْ بَلَىٰ قَدْ جَآءَنَا نَذِيرٌ فَكَذَّبْنَا

Maksudnya : *(Penjaga-penjaga neraka bertanya) : Apakah kamu tidak pernah didatangi seorang Rasul yang memberi peringatan (semasa di dunia dahulu)? Mereka menjawab : " Ya, ada ! Sebenarnya telah datang kepada kami seorang Rasul yang memberi peringatan lalu kami mendustakan nya.*

Sūrah al-Mulk : (67) : 8-9

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata kerja (لَمْ يَأْتِكُمْ) yang membawa maksud tidak datang kepada kamu adalah berlawanan makna dengan kata kerja (جَاءَنَا) yang bererti telah datang kepada kami.

2.2.1.14 Pengukuhan Al-Ṭibāq

Perkara ini jelas kelihatan dalam firman Allah Ta'ālā :

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا

Maksudnya : *Dan antara tanda-tanda kekuasaan Allah, Dia memperlihatkan kepada kamu kilat yang menimbulkan ketakutan (petir yang menyambar) dan pengharapan (turunnya hujan).*

Sūrah al-Rūm : (30) : 24

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat menghayati bahawa apabila kita melihat kilat, fikiran kita terus memahami dua perkara iaitu ketakutan disambar petir dan pengharapan mengenai turunnya hujan serta tiada perkara ketiga yang menerjah fikiran kita. Lantaran itu, perkataan (الخَوْفُ) adalah dianggap bertentangan makna dengan perkataan (الطَّمَعُ).

Kondisi ini juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَمِن رَّحۡمَتِهِۦ جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيۡلَ وَٱلنَّهَارَ لِتَسۡكُنُواْ فِيهِ وَلِتَبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِهِۦ وَلَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ

Maksudnya : *Dan antara rahmat Nya, Dia menjadikan bagi kamu siang dan malam supaya kamu dapat bersenang diri padanya dan mencari kurniaan Tuhan semoga kamu bersyukur.*

Sūrah al-Qasas : (28) : 73

Berpandukan ayat di atas, kita mendapati (اِبْتِغَاءُ الفَضْلِ) yang bermaksud pencarian kuniaan Allah memerlukan pergerakan (الحَرَكَةُ). Lantaran itu, perkataan (الحَرَكَةُ) adalah dianggap bertentangan makna dengan perkataan (السُّكُوْنُ) yang bererti bersenang diri iaitu berehat. (Al-Suyūṭīy, t.t.)

Suasana ini juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَٱدۡعُوهُ خَوۡفًا وَطَمَعًا

Maksudnya : Berdoalah kepada Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya dimakbulkan).

Sūrah al-‘Araf : (7) : 56

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (خَوْفًا) yang bermaksud perasaan bimbang adalah berlawanan makna dengan kata nama (طَمَعًا) yang membawa pengertian perasaan terlalu mengharapkan.

Perkara ini juga dapat diselami dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَلِلَّهِ يَسۡجُدُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ طَوۡعًا وَكَرۡهًا

Maksudnya : *Sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk kepada Allah sama ada secara sukarela ataupun terpaksa.*

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 15

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (طَوْعًا) yang membawa maksud sukarela adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَرْهًا) yang bererti terpaksa.

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta'ālā :

إِنَّهُمْ كَانُوا۟ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا ۖ

Maksudnya : *Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan perasaan mengharapkan (kepada kurniaan Allah) dan perasaan bimbang (terhadap hukuman Nya).*

Sūrah al-Anbiya' : (21) : 90

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (رَغَبًا) yang bermaksud perasaan mengharapkan adalah berlawanan makna dengan kata nama (رَهَبًا) yang bererti perasaan bimbang.

Hal yang sama juga dapat di hayati dalam firman Allah Ta'ālā :

فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ ٱئْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَآ أَتَيْنَا طَآئِعِينَ

Maksudnya : *Lalu Dia (Allah) berfirman kepadanya (langit) dan kepada bumi: "Turut lah kamu berdua perintah Ku sama ada secara sukarela ataupun secara paksa!" Keduanya menjawab: "Kami berdua sedia menurut (patuh) dengan sukarela".*

Sūrah Fussilat : (41) : 11

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (طَوْعًا) yang membawa maksud sukarela adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَرْهًا) yang bererti terpaksa.

Suasana ini juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

قُلۡ أَنفِقُواْ طَوۡعًا أَوۡ كَرۡهًا لَّن يُتَقَبَّلَ مِنكُمۡۖ إِنَّكُمۡ كُنتُمۡ قَوۡمًا فَٰسِقِينَ

Maksudnya : *Katakan: "Dermakan lah harta kamu sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa, ia sekali-kali tidak akan diterima daripada kamu. Sesungguhnya kamu adalah orang-orang yang fasik".*

Sūrah al-Taubah : (9) : 53

Daripada spesimen di atas, kita memahami bahawa kata nama (طَوْعًا) yang membawa maksud sukarela adalah berlawanan makna dengan kata nama (كَرْهًا) yang bererti terpaksa.

2.2.1.15 Al-Ṭibāq Dalam Kesamaran

Perkara ini berlaku apabila sesuatu perkataan itu memberi gambaran pada zahir kedua-dua perkataan yang bertentangan pada lafaz sedangkan ianya tidak berlawanan dari segi makna. Hal ini terjadi kerana perkataan itu tidak digunakan pada makna asal tetapi berpindah kepada makna lain secara kiasan. Perlu ditegaskan di sini, sesuatu al-Ṭibāq itu tidak berlaku pada perkataan yang bertentangan secara lafaz sahaja. Ia mesti berpaksikan kepada pertentangan dari segi makna. Hal ini boleh didapati dalam puisi berikut Qurayṭ ’Ibn ’Unayf :

يُجْزَوْنَ مِنْ ظُلْمِ أَهْلِ الظُّلْمِ مَغْفِرَةً وَمِنْ إِسَاءَةِ أَهْلِ السُّوْءِ إِحْسَانًا

Maksudnya : *Mereka dibalas dengan keampunan terhadap kezaliman orang yang berbuat zalim dan kebaikan terhadap kejahatan yang berbuat kejahatan.*

Dalam puisi di atas, kita mendapati perkataan (ظُلْمٌ) yang bermaksud kezaliman bukan berlawanan makna dengan perkataan (مَغْفِرَةٌ) yang bererti keampunan walaupun ianya memberi gambaran seolah-olah kedua-duanya bertentangan makna.

2.3 Al-Muqābalah

Ia merupakan kehadiran dua perkataan ataupun lebih, kemudian datang perkataan yang berlawanan makna secara tertib.

2.3.1 Bentuk-Bentuk Al-Muqābalah

Ia dapat dibahagikan kepada dua bahagian :

2.3.1.1 Al-Muqābalah Secara Antonim

Situasi ini terjadi apabila dua perkataan yang berlawanan adalah secara antonim. Perkara ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَلْيَضْحَكُواْ قَلِيلاً وَلْيَبْكُواْ كَثِيرًا

Maksudnya : *Maka bolehlah mereka (orang-orang yang enggan berjuang) tertawa sedikit dan menangis banyak.*

Sūrah al-Tawbah : (9) : 82

Berdasarkan contoh di atas, kita dapat memahami bahawa perkataan (يَبْكُوا) yang bererti menangis adalah berlawanan dengan perkataan (يَضْحَكُوا) yang bermaksud ketawa. Manakala perkataan (كَثِيْرًا) yang bermaksud banyak adalah berlawanan makna dengan perkataan (قَلِيْلاً) yang bererti sedikit . Di sini kita mendapati bahawa kedua-dua pasangan perkataan yang berlawanan itu berlaku secara tertib (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy , t.t.: 195).

Hal yang sama juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

تُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَيِّ

Maksudnya : *Dia (Allah) mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup.*

Sūrah al-Rūm : (30) : 19

Daripada ayat tersebut, kita mendapati perkataan (المَيِّتُ) yang bermaksud orang mati adalah berlawanan dengan perkataan (الحَيُّ) yang bererti orang hidup. Manakala perkataan (الحَيُّ) yang bererti orang hidup dalam frasa kedua adalah berlawanan dengan perkataan (المَيِّتُ) yang bermaksud orang mati dalam frasa pertama.

Situasi ini juga dapat direnung dalam firman Allah Ta‘ālā :

لِّكَيْلَا تَأْسَوْا۟ عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا تَفْرَحُوا۟ بِمَآ ءَاتَىٰكُمْ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ

Maksudnya : *Supaya kamu tidak berdukacita atas sesuatu yang terlepas dan tidak merasa bangga atas apa yang dikurniakan oleh Allah kepada kamu dan Allah tidak menyukai setiap orang yang sombong lagi membanggakan diri.*

Sūrah al-Ḥadīd : (57) : 23

Berdasarkan contoh di atas, kita dapat memahami bahawa perkataan (تَأْسَوا) yang bermaksud berdukacita adalah berlawanan makna dengan perkataan (تَفْرَحُوا) yang bererti bergembira. Manakala perkataan (فَاتَكُمْ) yang bererti terlepas daripada kamu adalah berlawanan makna dengan perkataan (ءَاتَاكُمْ) yang bermaksud yang dikurniakan kepada kamu. Di sini kita mendapati bahawa kedua-dua pasangan perkataan yang berlawanan itu berlaku secara tertib

2.3.1.2 Al-Muqābalah Secara Bukan Antonim

Keadaan ini berlaku apabila pasangan perkataan yang berlawanan bukan secara antonim. Hal ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

إِن تَمۡسَسۡكُمۡ حَسَنَةٞ تَسُؤۡهُمۡ وَإِن تُصِبۡكُمۡ سَيِّئَةٞ يَفۡرَحُواْ بِهَا

Maksudnya : *Sekiranya kamu mendapat kebaikan, mereka akan merasa dukacita dan sekiranya kamu ditimpa musibah, mereka akan bergembira.*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 120

Berpandukan ayat di atas, kita memahami bahawa perkataan (حَسَنَةٌ) yang bermaksud kebaikan adalah berlawanan dengan (سَيِّئَةٌ) yang bermakna keburukan. Namun begitu, perkataan musibah hampir menyamai makna keburukan kerana setiap musibah (مُصِيْبَةٌ) mendatangkan keburukan. Justeru itu, terdapat kesesuaian yang jelas antara kebaikan dan musibah sekalipun kedua-duanya bukan pasangan antonim.

Perkara ini juga dapat direnung dalam firman Allah Ta‘ālā :

ٱلشَّيۡطَٰنُ يَعِدُكُمُ ٱلۡفَقۡرَ وَيَأۡمُرُكُم بِٱلۡفَحۡشَآءِۖ وَٱللَّهُ يَعِدُكُم مَّغۡفِرَةٗ مِّنۡهُ وَفَضۡلٗا

Maksudnya : *Syaitan menjanjikan kemiskinan kepada kamu dan menyuruh ke arah melakukan kejahatan dan Allah menjanjikan keampunan dan kurniaan Nya kepada kamu.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 268

Daripada contoh di atas, kita mendapati perkataan (الفَقْرَ) kemiskinan kemudian disusuli dengan perkataan (الفَضْل) kurniaan. Selepas itu, perkataan (الفَحْشَاءِ) kejahatan yang diiringi pula dengan perkataan (المَغْفِرَةً) keampunan. Dalam hal ini, kita melihat keburukan pasti mengakibatkan (العُقُوْبَةُ) hukuman kerana melakukan perkara-perkara keji. Manakala perkataan keampunan pula berlawanan dengan perkataan hukuman. Lantaran itu, terdapat kesesuaian yang jelas antara keampunan dan hukuman sekalipun kedua-duanya bukan pasangan antonim (Al-Zarkashīy, 1972 : 463).

Keadaan yang serupa juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ ۚ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ

Maksudnya : *Muhammad itu Utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras terhadap orang-orang kafir namun bersifat kasih sayang sesama mereka.*

Sūrah al-Fatḥ : (48) : 29

Bersumberkan spesimen di atas, kita mendapati perkataan (الرَّحْمَةُ) sifat kasih sayang bukan antonim kepada perkataan (الشِّدَّةُ) sikap keras. Malah perkataan antonim kepada (الشِّدَّةُ) adalah (اللِّيْنُ) yang bermakna lemah-lembut. Meskipun begitu, kita melihat sifat kasih sayang itu menjadi penyebab kepada sifat lemah-lembut. Justeru itu, terdapat padanan yang nyata antara sikap keras dan sifat kasih sayang sekalipun kedua-duanya bukan pasangan antonim.

Kondisi yang sama juga jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ ٱلْغَٰشِيَةِ ﴿١﴾ وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ خَٰشِعَةٌ ﴿٢﴾ عَامِلَةٌ نَّاصِبَةٌ ﴿٣﴾ تَصْلَىٰ نَارًا
حَامِيَةً ﴿٤﴾ تُسْقَىٰ مِنْ عَيْنٍ ءَانِيَةٍ ﴿٥﴾ لَّيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِن ضَرِيعٍ ﴿٦﴾ لَّا يُسْمِنُ وَلَا
يُغْنِى مِن جُوعٍ ﴿٧﴾
وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاعِمَةٌ ﴿٨﴾ لِّسَعْيِهَا رَاضِيَةٌ ﴿٩﴾ فِى جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿١٠﴾ لَّا تَسْمَعُ فِيهَا لَٰغِيَةً ﴿١١﴾
فِيهَا عَيْنٌ جَارِيَةٌ ﴿١٢﴾ فِيهَا سُرُرٌ مَّرْفُوعَةٌ ﴿١٣﴾ وَأَكْوَابٌ مَّوْضُوعَةٌ ﴿١٤﴾ وَنَمَارِقُ مَصْفُوفَةٌ ﴿١٥﴾
وَزَرَابِىُّ مَبْثُوثَةٌ ﴿١٦﴾

Maksudnya : *Adakah sudah sampai ekpada engkau cerita kejadian yang menyelubungi ? Beberapa muka di hari itu tunduk menekur, bekerja keras dan keletihan, serta masuk ke dalam api neraka, diberi minum dari mata air yang sangat panas. Mereka tidak memperoleh makanan melainkan daripada kayu yang berduri, tidak menyihatkan badan dan tidak menghilangkan rasa lapar.*

Sūrah al-Ghāshiyah : (88) : 1-7

Beberapa muka di hari itu berseri-seri, merasa senang hati dengan segala usahanya, berada di dalam syurga yang tinggi, di situ

tidak kedengaran percakapan kosong, di dalamnya terdapat mata air yang mengalir, di dalamnya ada kerusi (katil) yang panjang, piala yang diletakkan, bantal-bantal yang tersusun dan permaidani yang terbuka.

Sūrah al-Ghāshiyah : (88) : 8-16

Daripada contoh di atas, kita dapat melihat bahawa keseluruhan ayat satu sehingga tujuh menceritakan mengenai kenikmatan orang-orang mukmin manakala ayat keenam pula mengisahkan keadaan azab sengsara orang-orang kafir. Justeru itu, semua juzuk dalam kedua-dua perenggan itu berlawanan makna antara satu sama lain (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 52).

Begitu juga keadaannya dengan firman Allah Ta‘ālā :

مَثَلُ ٱلْفَرِيقَيْنِ كَٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْأَصَمِّ وَٱلْبَصِيرِ وَٱلسَّمِيعِ

Maksudnya : *Perbandingan dua golongan itu umpama orang yang buta dan bisu dengan orang yang dapat melihat dan mendengar.*

Sūrah Hūd : (11) : 24

Berdasarkan contoh di atas, kita dapat memahami bahawa perkataan (البَصِيْرِ) yang bermakna orang yang celik adalah berlawanan dengan perkataan (الأَعْمَى) yang bererti orang yang buta. Manakala perkataan (السَّمِيْعِ) yang bermaksud orang yang dapat mendengar adalah bertentangan dengan perkataan (الأَصَمِّ) yang membawa pengertian orang yang bisu (Al-Zarkashīy, 1972 : 466).

2.3.2. Jenis-Jenis Al-Muqābalah

Ia dapat dibahagikan kepada lima jenis iaitu :

2.3.2.1 Al-Muqābalah Antara Dua Perkataan Dengan Dua Perkataan

Perkara ini berlaku apabila sesuatu ungkapan itu mempunyai dua pasangan perkataan yang berlawanan makna. Ia dapat dilihat dengan jelas dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَهُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ وَعَسَىٰٓ أَن تُحِبُّواْ شَيۡـٔٗا وَهُوَ شَرّٞ لَّكُمۡ

Maksudnya : Boleh jadi sesuatu yang kamu tidak menyukai (benci) itu baik bagi kamu dan boleh jadi sesuatu yang kamu sukai itu buruk bagi kamu.

Sūrah al-Baqarah : (2) : 216

Berdasarkan ayat di atas, kita mendapati perkataan (تُحِبُّوا) yang bererti menyukai adalah berlawanan makna dengan perkataan (تَكْرَهُوا) yang bermakna benci. Manakala perkataan (شَرٌّ) yang bermaksud keburukan pula adalah antonim kepada perkataan (خَيْرٌ) yang membawa pengertian kebaikan (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 50).

Perkara yang sama juga berlaku dalam sabda Nabi Muhammad S.A.W. :

إِنَّكُمْ لَتَكْثُرُوْنَ عِنْدَ الفَزَعِ وَتَقِلُّوْنَ عِنْدَ الطَّمَعِ

Maksudnya : Sesungguhnya kamu beramai-ramai ketika dalam kesusahan dan bersurai ketika dalam kesenangan. (Al-Zamakhsharīy : 1979)

Daripada contoh yang tertera di atas, kita mendapati perkataan (تَقِلُّوْنَ) yang bermaksud bersurai adalah bertentangan makna dengan perkataan (تَكْثُرُوْنَ) yang bererti beramai-ramai. Selain itu, perkataan (الطَّمَعِ) yang membawa pengertian kesenangan pula adalah antonim kepada perkataan (الفَزَعِ) yang bermakna kesusahan (‘Alīy al-Jārim & Muṣṭafā ’Amīn, 1977 : 284-285).

Keadaan ini juga dapat diperhatikan dalam ungkapan seorang laki-laki Arab dalam menggambarkan peribadi rakannya :

لَيْسَ لَهُ صَدِيْقٌ فِي السِّرِّ وَلاَ عَدُوٌّ فِي العَلاَنِيَةِ

Maksudnya : Dia tidak mempunyai kawan dalam rahsia dan tidak juga musuh secara terang-terangan.

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa perkataan (عَدُوٌّ) yang membawa pengertian musuh adalah bertentangan makna dengan perkataan (صَدِيْقٌ) yang bererti kawan. Selain itu, perkataan (العَلاَنِيَةِ) yang bermakna secara terang-terangan pula adalah antonim kepada perkataan (السِّرِّ) yang bermaksud rahsia.

Begitu juga situasinya dalam sabda Nabi Muhammad S.A.W. :

إِنَّ للهَ عِبَادًا جَعَلَهُمْ مَفَاتِيْحَ الخَيْرِ مَغَالِيْقَ الشَّرِّ

Maksudnya : Sesungguhnya hamba-hamba itu milik Allah dan Dia menjadikan mereka sebagai pembuka pintu kebaikan dan penutup pintu kejahatan (Al-Ḥamawīy : 1987).

Berdasarkan ayat di atas, kita mendapati perkataan (مَغَالِيْقَ) yang bererti pembuka adalah berlawanan makna dengan perkataan (مَفَاتِيْحَ) yang bermakna penutup. Manakala perkataan (الشَّرِّ) yang bermaksud keburukan pula adalah antonim kepada perkataan (الخَيْرِ) yang membawa pengertian kebaikan (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 77).

Kondisi serupa dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

تُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِى ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِى ٱلَّيۡلِ

Maksudnya : *"Engkaulah yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang, dan Engkaulah yang memasukkan waktu siang ke dalam waktu malam.*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 27

Bersumberkan contoh di atas, kita memahami bahawa perkataan (اللَّيْلُ) yang membawa pengertian malam adalah bertentangan makna dengan perkataan (النَّهَارُ) yang bererti siang. Selain itu, perkataan (النَّهَارُ) yang bermakna siang pula adalah antonim kepada perkataan (اللَّيْلُ) yang bermaksud malam.

2.3.2.2 Al-Muqābalah Antara Tiga Perkataan Dengan Tiga Perkataan

Keadaan ini berlaku apabila sesuatu ungkapan itu mempunyai tiga pasangan perkataan yang berlawanan makna. Hal ini jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيۡهِمُ ٱلۡخَبَٰٓئِثَ

Maksudnya : *Dia menghalalkan barang-barang yang baik bagi kamu dan mengharamkan barang-barang yang buruk k atas kamu.*

Sūrah al-’A‘rāf : (7) : 157

Daripada sumber di atas, kita mendapati perkataan bahawa perkataan (يُحَرِّمُ) yang membawa pengertian mengharamkan adalah bertentangan makna dengan perkataan (يُحِلُّ) yang bererti menghalalkan. Di samping itu, partikel (لاَمٌ) yang digunakan untuk perkara baik pula adalah antonim kepada partikel (عَلَى) yang digunakan untuk perkara buruk. Manakala perkataan (الخَبَائِثَ) yang membawa pengertian perkara-perkara buruk adalah bertentangan makna dengan perkataan (الطَّيِّبَاتِ) yang bererti perkara-perkara baik (Al-Suyūṭīy, t.t. : 95).

2.3.2.3 Al-Muqābalah Antara Empat Perkataan Dengan Empat Perkataan

Hal ini terjadi apabila sesuatu ungkapan itu mempunyai empat pasangan perkataan yang bertentangan makna. Perkara ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

" فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَٱتَّقَىٰ ﴿٥﴾ وَصَدَّقَ بِٱلْحُسْنَىٰ ﴿٦﴾ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنْۢ بَخِلَ وَٱسْتَغْنَىٰ ﴿٨﴾ وَكَذَّبَ بِٱلْحُسْنَىٰ ﴿٩﴾ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلْعُسْرَىٰ "

Maksudnya : *Justeru itu, sesiapa yang bersedekah (untuk kebaikan), bertakwa (menjauhi kejahatan) dan membenarkan perkara baik (ganjaran syurga bagi kebaikan), pasti Kami (Allah) akan memudahkannya ke jalan yang mudah (mengerjakan kebaikan). Manakala orang yang bakhil, merasakan dirinya sempurna dan mendustakan perkara kebaikan, pasti Kami (Allah) memudahkannya menempuh jalan kesulitan (kejahatan dan kesengsaraan).*

Sūrah al-Layl : (92) : 5-10

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat memerhatikan bahawa perkataan (بَخِلَ) yang membawa pengertian bakhil adalah bertentangan makna dengan perkataan (أَعْطَى) yang bererti memberi sedekah. Di samping itu, perkataan (اِسْتَغْنَى) yang bermakna merasa dirinya sempurna pula adalah antonim kepada perkataan (اِتَّقَى) yang bererti bertakwa. Selain itu, perkataan (كَذَّبَ) yang membawa pengertian mendustakan adalah bertentangan makna dengan perkataan (صَدَّقَ) yang bererti membenarkan (meyakini). Manakala perkataan (العُسْرَى) yang membawa pengertian jalan kesusahan adalah bertentangan makna dengan perkataan (اليُسْرَى) yang bererti jalan kesenangan (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy , t.t. : 196).

Keadaan ini juga dapat direnung pada ungkapan Saidina Abu Bakar dalam wasiatnya ketika menghadapi saat-saat kematian :

هَذَا مَا أَوْصَى بِهِ أَبُو بَكْرٍ عِنْدَ آخِرِ عَهْدِهِ بِالدُّنْيَا خَارِجًا مِنْهَا وَأَوَّلِ عَهْدِهِ بِالآخِرَةِ دَاخِلاً فِيْهَا

Maksudnya : Ini adalah wasiat Abu Bakar di akhir waktu semasa mahu keluar daripada alam dunia dan di awal waktu semasa mahu memasuki alam akhirat.

Berpaksikan ungkapan di atas, kita mendapati bahawa perkataan (أَوَّلِ) yang membawa pengertian awal adalah antonim kepada perkataan (آخِرِ) yang bererti memberi akhir. Di samping itu, perkataan (الآخِرَةِ) yang bermakna akhirat pula adalah bertentangan makna dengan perkataan (الدُّنْيَا) yang bererti dunia . Selain itu, perkataan (دَاخِلاً) yang membawa pengertian memasuki adalah berlawanan makna dengan perkataan (خَارِجًا) yang bererti keluar. Manakala perkataan (فِيْهَا) yang membawa pengertian di dalamnya adalah bertentangan makna dengan perkataan (مِنْهَا) yang bererti daripadanya (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 79).

Keadaan ini juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِى ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِ

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah memerintahkan (pelaksanaan) keadilan, berbuat kebaikan, memberi (sumbangan) kepada kaum kerabat dan melarang perbuatan keji, kemungkaran serta penderhakaan.*

Sūrah al-Naḥl : (16) : 90

Berdasarkan contoh di atas, kita mendapati bahawa perkataan (يَنْهَى) yang membawa pengertian melarang adalah bertentangan makna dengan perkataan (يَأْمُرُ) yang bererti memberi memerintahkan. Di samping itu, perkataan (الفَحْشَاءُ) yang bermakna perbuatan keji pula adalah antonim kepada perkataan (العَدْلُ) yang bererti keadilan. Selain itu, perkataan (المُنْكَرُ) yang membawa pengertian kemungkaran adalah bertentangan makna dengan perkataan (الإِحْسَانُ) yang bererti berbuat kebaikan. Manakala perkataan (البَغْيُ) yang membawa pengertian penderhakaan adalah bertentangan makna

dengan perkataan (إيتاء ذي القربى) yang bererti memberi (sumbangan) kepada kaum kerabat.

2.3.2.4 Al-Muqābalah Antara Lima Perkataan Dengan Lima Perkataan

Hal ini terjadi apabila sesuatu ungkapan itu mempunyai lima pasangan perkataan yang bertentangan makna.

Perkara ini dapat direnung dalam kata-kata Saidina Ali R.A. terhadap Saidina Uthman Ibn ‘Affan R.A.:

إِنَّ الحَقَّ ثَقِيْلٌ مَرِيءٌ وَالبَاطِلَ خَفِيْفٌ وَبِيءٌ, وَأَنْتَ رَجُلٌ إِنْ صَدَّقْتُكَ سَخِطْتَ , وَإِنْ كَذَّبْتُكَ رَضِيْتَ

Maksudnya : *Sesungguhnya kebenaran itu berat lagi enak dan kebatilan itu ringan lagi membawa wabak. Engkau seorang lelaki yang akan marah sekiranya aku membenarkan engkau dan akan reda sekiranya aku membohongi mu.*

Berdasarkan ayat di atas, kita mendapati bahawa perkataan (البَاطِلَ) yang membawa pengertian kebatilan adalah bertentangan makna dengan perkataan (الحَقَّ) yang bererti memberi kebenaran. Di samping itu, perkataan (خَفِيْفٌ) yang bermakna ringan pula adalah antonim kepada perkataan (ثَقِيْلٌ) yang bererti berat . Selain itu, perkataan (وَبِيءٌ) yang bermakna membawa wabak adalah bertentangan makna dengan perkataan (مَرِئ) yang bererti enak. Manakala perkataan (كَذَّبْتُكَ) yang membawa pengertian aku mendustakan kamu adalah antonim kepada perkataan (صَدَّقْتُكَ) yang bererti aku membenarkan kata-kata kamu. Akhirnya, perkataan (رَضِيْتَ) yang bermakna kamu

meredakan pula adalah berlawanan makna dengan perkataan (سَخِطْتَ) yang bererti kamu marah (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 50).

2.3.2.5 Al-Muqābalah Antara Enam Perkataan Dengan Enam Perkataan

Kondisi ini terjadi apabila sesuatu ungkapan itu mempunyai enam pasangan perkataan yang bertentangan makna.

Perkara ini dapat dihayati dalam puisi al-Ṣaḥib Sharaf al-Dīn al-’Irbil :

عَلَى رَأْسِ عَبْدٍ تَاجُ عِزٍّ يُزَيِّنُهُ وَفِي رَجُلِ حُرٍّ قَيْدُ ذُلٍّ يُشِيْنُهُ

Maksudnya : Di atas kepala seorang hamba terdapat mahkota kemuliaan yang menghiasinya
Pada seorang lelaki merdeka terdapat belenggu kehinaan yang mengotorkannya

Bersumberkan puisi di atas, kita mendapati bahawa partikel (فِي) yang membawa pengertian pada adalah bertentangan makna dengan partikel (عَلَى) yang bererti di atas. Di samping itu, perkataan (رِجْلٌ) yang bermakna kaki pula adalah antonim kepada perkataan (رَأْسٌ) yang bererti kepala. Selain itu, perkataan (حُرٌّ) yang membawa pengertian bebas lagi merdeka adalah bertentangan makna dengan perkataan (عَبْدٌ) yang bererti hamba. Manakala perkataan (قَيْدٌ) yang membawa pengertian (rantai) belenggu adalah bertentangan makna dengan perkataan (تَاجٌ) yang bererti mahkota. Tidak ketinggalan juga, perkataan (ذُلٌّ) yang bermakna hina adalah antonim kepada perkataan (عِزٌّ) yang bererti mulia. Akhirnya, perkataan (يُشِيْنُهُ) yang membawa pengertian mengaibkan adalah bertentangan makna dengan perkataan (يُزَيِّنُهُ) yang bererti menghiaskan (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 80).

2.4. Al-Tadbīj

Ia merupakan si penutur menyebut pelbagai bentuk dengan tujuan kiasan ataupun penyembunyian makna (Al-Suyūṭīy, t.t. : 89).

Keadaan ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَمِنَ ٱلۡجِبَالِ جُدَدُۢ بِيضٞ وَحُمۡرٞ مُّخۡتَلِفٌ أَلۡوَٰنُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٞ

Maksudnya : *Dan di antara gunung-ganang itu terdapat garisan-garisan putih dan merah yang bermacam-macam warnanya dan yang sangat hitam rupanya.*

Sūrah Fāṭir : (35) : 27

Berdasarkan contoh di atas, kita dapat melihat bahawa garisan putih adalah jalan yang jelas dan nyata. Seterusnya di sebut garisan merah dan garisan hitam seolah-olah kedua-duanya dalam keadaan samar berbanding dengan garisan putih. Di sini kita memahami bahawa peringkat tertinggi bagi kezahiran adalah putih manakala peringkat terendah bagi kesamaran adalah hitam. Sementara itu, merah berada di tengah-tengah antara keduanya dalam pelbagai bentuk dan susunan. Frasa (مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهَا) yang bermaksud bermacam-macam warnanya adalah ungkapan yang menunjukkan kepelbagaian warna yang tidak terhad (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 53).

Hal yang sama dapat direnung dalam sabda Junjungan Besar S.A.W. :

مَا مِنْ عَبْدٍ يَمُوْتُ فَيَتْرُكُ صَفْرَاء أَوْ بَيْضَاء إِلاَّ جَعَلَ اللهُ بِكُلِّ قِيْرَاطٍ مِنْهَا صَفْحَةً مِنْ نَارٍ

Maksudnya : *Tiada seorang hamba yang meninggal dunia lalu meninggalkan warna kuning (emas) dan warna putih (perak) melainkan Allah menjadikan setiap inci daripadanya lembaran api neraka.*

Bersumberkan hadis di atas, kita dapat memahami bahawa warna kuning adalah kiasan bagi emas, manakala warna putih pula adalah kiasan bagi perak.

Namun begitu, terdapat dalam kalangan ulama yang tidak mensyaratkan sebutan warna bagi tujuan kiasan ataupun penyembunyian makna. Mereka mengatakan bahawa sebutan warna sahaja sudah memadai sebagaimana firman Allah Ta‘ālā :

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُم مِّنَ ٱلشَّجَرِ ٱلْأَخْضَرِ نَارًا

Maksudnya : *Dia (Allah) yang menjadikan bagi kamu api daripada kayu yang hijau (basah).*

Sūrah Yāsīn : (36) : 80

Daripada ayat di atas, kita dapat menghayati bahawa Allah Ta‘ālā menghimpunkan warna hijau dan merah dalam satu ungkapan. Warna merah boleh diadaptasikan daripada warna api.

2.5 Murā‘āt Al-Naẓīr

Ia merupakan himpunan sesuatu ungkapan dengan ungkapan yang sesuai tanpa sebarang pertentangan (Al-Khaṭīb Al- Qazwaynīy, t.t. : 196). Ia terbahagi kepada dua bahagian :

2.5.1 Murā‘āt al-Naẓīr Antara Lafaz Dengan Makna

Keadaan ini dapat diperhatikan dalam sabda Junjungan Besar S.A.W. :

أَلاَ أُخْبِرُكُمْ بِأَهْلِ الجَنَّةِ : كُلُّ ضَعِيْفٍ مُتَضَعِّفٍ أَغْبَرَ ذِي طِمِرَّيْنِ لاَ يُؤْبَهُ بِهِ , لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللهِ لَأَبَرَّهُ . أَلاَ أُخْبِرُكُمْ بِأَهْلِ النَّارِ : كُلُّ عُتُلٍّ جَوَّاظٍ مُتَكَبِّرٍ

Maksudnya : *Hendak kah aku memberitahu tentang ahli syurga : Setiap orang daif, mendaifkan diri, berdebu dan mempunyai kain busuk serta tidak dipedulikan. Hendak kah aku memberitahu tentang ahli neraka : Setiap orang yang keras kepala, degil lagi menyombong diri.*

Dalam hadis di atas, Rasulullah S.A.W. menggunakan kata-kata yang mudah dan lembut mengenai penghuni syurga. Namun apabila bercakap tentang ahli neraka, baginda

menggunakan perkataan yang kasar dan tegas. Di sini, kita melihat terdapat kesesuaian antara penggunaan lafaz dan maknanya (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 55).

2.5.2 Murā‘āt al-Naẓīr Antara Lafaz Dengan Lafaz

Situasi ini boleh dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

ٱلشَّمۡسُ وَٱلۡقَمَرُ بِحُسۡبَانٍ

Maksudnya : *Matahari dan bulan beredar mengikut perhitungan.*

Sūrah al-Raḥmān : (55) : 5

Berdasarkan ayat di atas, kita sedia maklum bahawa matahari adalah petanda bagi siang hari. Manakala bulan pula petunjuk bagi malam. Kedua-dua matahari dan bulan saling bersesuaian dan berkaitan dalam aspek pencahayaan (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 196).

Kondisi ini juga dapat dikesan dalam sabda Junjungan Besar S.A.W. :

ذُوْ الوَجْهَيْنِ فِي الدُّنْيَا ذُوْ اللِّسَانَيْنِ فِي النَّارِ

Maksudnya : *Orang yang mempunyai dua wajah di dunia akan mempunyai dua lidah di dalam neraka.*

Berpaksikan kepada contoh yang diberikan di atas, kita dapat memahami bahawa perkataan (اللِّسَانَيْنِ) yang bermakna dua lidah adalah bersesuaian dengan perkataan (الوَجْهَيْنِ) yang bererti dua wajah. Kedua-duanya pula adalah anggota badan dan saling berkaitan antara satu sama lain.

2.6 ’Īhām al-Tanāsub

Ia merupakan himpunan antara dua perkataan yang tidak mempunyai kesesuaian makna. Namun kadangkala terdapat kesesuaian antara kedua perkataan itu walaupun ia bukan makna sebenar dalam konteks tersebut.

Keadaan ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

ٱلشَّمۡسُ وَٱلۡقَمَرُ بِحُسۡبَانٖ ۝٥ وَٱلنَّجۡمُ وَٱلشَّجَرُ يَسۡجُدَانِ

Maksudnya : *Matahari dan bulan beredar mengikut perhitungan dan tanaman-tanaman serta pokok-pokok, kedua-keduanya tunduk sujud (kepada Allah).*

Sūrah al-Raḥmān : (55) : 5-6

Berpandukan ayat di atas, kita melihat perkataan (النَّجْم) membawa pengertian tanaman-tanaman. Walaupun ia tidak sesuai dengan (الشَّمْسُ) dan (القَمَر) yang bermaksud matahari dan bulan, namun kadangkala ia bermakna bintang yang bersesuaian dengan keduanya (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 173).

2.7 Tashābuh al-’Aṭrāf

Ia merupakan ungkapan yang diakhiri dengan sesuatu perkara yang mempunyai kesesuaian makna dengan ungkapan terdahulu (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t.: 197).

Situasi ini boleh dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

لَّا تُدۡرِكُهُ ٱلۡأَبۡصَٰرُ وَهُوَ يُدۡرِكُ ٱلۡأَبۡصَٰرَۖ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلۡخَبِيرُ

Maksudnya : *Penglihatan tidak mungkin sampai (mencapai) kepada Nya, namun Dia (Allah) mengetahui segala penglihatan. Dia Maha Lemah Lembut lagi Maha Mengetahui.*

Sūrah al-’An‘ām : (6) : 103

Berdasarkan ayat yang diutarakan di atas, kita dapat memerhatikan bahawa sifat lemah-lembut (اللَّطِيْفُ) bersesuaian dengan perkara yang tidak dapat dicapai oleh penglihatan. Manakala sifat mengetahui (الخَبِيْرُ) sesuai dengan orang yang dapat melihat sesuatu perkara. Justeru itu, orang yang dapat melihat sesuatu perkara akan mengetahui selok-belok mengenainya (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 173).

Keadaan yang sama juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَهُوَ ٱلْغَنِىُّ ٱلْحَمِيدُ

Maksudnya : *Kepunyaan Allah segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi dan sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 64

Bersumberkan ayat di atas, frasa (الغَنِيُّ الحَمِيْدُ) menunjukkan Allah Ta‘ālā tidak memerlukan orang lain dalam menjalankan sebarang urusan. Malahan Allah itu Maha Kaya dan Maha Pemurah dalam memberi rezeki kepada hamba Nya. Justeru itu, apabila Allah itu Maha Pemurah, sudah semestinya akan dipuji oleh hambanya yang mendapat rezeki (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 197).

Hal yang sama juga jelas dalam firman Allah Ta‘ālā :

أَوَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّنَ ٱلْقُرُونِ يَمْشُونَ فِى مَسَٰكِنِهِمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ ۖ
أَفَلَا يَسْمَعُونَ ﴿٢٦﴾ أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا نَسُوقُ ٱلْمَآءَ إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلْجُرُزِ فَنُخْرِجُ بِهِۦ زَرْعًا
تَأْكُلُ مِنْهُ أَنْعَٰمُهُمْ وَأَنفُسُهُمْ ۖ أَفَلَا يُبْصِرُونَ

Maksudnya : *Bukankah Allah telah menunjukkan kepada mereka betapa banyak keturunan sebelum mereka yang telah Kami (Allah) binasakan ketika mereka sedang berjalan-jalan di dalam rumah. Sesungguhnya hal yang sedemikian adalah menjadi keterangan yang jelas. Mengapa mereka*

tidak mahu mendengar (pengajaran)? Tidakkah mereka perhatikan bahawa Kami (Allah) menghalakan hujan ke bumi tang tandus lalu Kami menumbuhkan tanaman-tanaman yang menjadi makanan binatang ternakan dan mereka sendiri. Mengapa mereka tidak mahu memerhatikan?

Sūrah al-Sajadah : (32) : 26-27

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat merenung bahawa frasa (أَفَلاَ يَسْمَعُوْنَ) yang mengakhiri ayat pertama adalah bersesuaian dengan (أَوَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ) yang merupakan awalan ayat kerana pengajaran itu berbentuk sesuatu yang didengar (سَمْعِيَّةٌ). Manakala frasa (أَفَلاَ يُبْصِرُوْنَ) yang mengakhiri ayat kedua adalah bersesuaian dengan frasa awalan iaitu (أَوَلَمْ يَرَوْا) kerana pengajaran itu dalam bentuk sesuatu yang dilihat (بَصَرِيَّةٌ) (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 57).

Keadaan ini juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَإِن زَلَلْتُم مِّنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْكُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ فَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya : *Sekiranya kamu tersesat (menyeleweng) selepas datangnya kepada mu segala keterangan yang nyata, maka ketahuilah sesungguhnya Allah itu Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 209

Dalam ayat di atas, Allah Ta‘ālā tidak menyatakan (أَنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَحِيْمٌ) yang bermaksud sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. Ini adalah kerana (حَكِيْمٌ) yang bererti Maha Bijaksana tidak menyebut keampunan ketika menyeleweng sebagai suatu dorongan (إِغْرَاءٌ) kepadanya. Justeru itu, berlaku kesesuaian makna antara kedua frasa tersebut.

Selain itu, pengulangan makna terdahulu juga membawa pengertian pengulangan perkataan akhir sesuatu frasa sebagai perkataan awalan bagi frasa yang berikutnya.

Kondisi ini jelas dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَعْدَ ٱللَّهِ ۖ لَا يُخْلِفُ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ۝٦ يَعْلَمُونَ ظَٰهِرًا مِّنَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا

Maksudnya : *(Itulah) janji Allah, Allah tidak pernah menyalahi janji Nya tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. Mereka hanya mengetahui perkara yang zahir dalam kehidupan dunia.*

Sūrah al-Rūm : (30) : 6-7

Dalam ayat di atas, kita dapat memerhatikan bahawa Allah Ta‘ālā mengulangi perkataan akhir (يَعْلَمُوْنَ) sebagai perkataan pertama bagi frasa berikutnya.

Hal yang sama juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ مَثَلُ نُورِهِۦ كَمِشْكَوٰةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۖ ٱلْمِصْبَاحُ فِى زُجَاجَةٍ ۖ ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّىٌّ

Maksudnya : *Allah itu mempunyai cahaya langit dan bumi. Perumpamaan cahaya Nya itu ibarat sebuah lubang yang di dalamnya terdapat pelita. Pelita itu pula terletak di dalam kaca. Kaca itu bagaikan bintang yang bergemerlapan.*

Sūrah al-Nūr : (24) : 35

Berdasarkan ayat tersebut, kita melihat bahawa perkataan akhir (مِصْبَاحٌ) dalam frasa pertama diulangi dalam frasa berikutnya sebagai perkataan awalan. Begitu juga dengan perkataan (زُجَاجَةٍ) di mana ia disebut semula dalam frasa berikutnya.

2.8 Al-Tafwīf

Ia merupakan si penutur membawa pelbagai teknik ayat di mana setiap teknik berada dalam frasa berasingan serta semua frasa mempunyai rima yang sama.

Situasi ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

ٱلَّذِى خَلَقَنِى فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٧٨﴾ وَٱلَّذِى هُوَ يُطْعِمُنِى وَيَسْقِينِ ﴿٧٩﴾ وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٨٠﴾ وَٱلَّذِى يُمِيتُنِى ثُمَّ يُحْيِينِ ﴿٨١﴾ وَٱلَّذِىٓ أَطْمَعُ أَن يَغْفِرَ لِى خَطِيٓـَٔتِى يَوْمَ ٱلدِّينِ ﴿٨٢﴾ رَبِّ هَبْ لِى حُكْمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّـٰلِحِينَ

Maksudnya : *Dia (Allah) yang mencipta aku lalu 85ember hidayat kepadaku dan Dialah yang memberi makan dan minum kepada ku. Apabila aku sakit, Dialah yang menyembuhkan aku. Dialah yang mematikan aku kemudian menghidupkan kembali. Dialah yang aku harapkan agar mengampunkan kesalahan ku pada hari pembalasan. Wahai Tuhanku, berilah hikmah (pengetahuan) dan masukkanlah aku ke dalam kumpulan orang-orang yang soleh.*

Sūrah al-Shu‘arā’ : (26) : 78-83

Berdasarkan ayat di atas, kita mendapati semua frasa mempunyai perkataan yang diakhiri dengan huruf yang sama iaitu nun. Lalu ia membentuk teknik bunyi yang sama di akhir frasa (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 57).

Keadaan ini juga dapat dilihat dengan nyata dalam firman Allah Ta‘ālā :

تُولِجُ ٱلَّيْلَ فِى ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِى ٱلَّيْلِ ۖ وَتُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَىِّ

Maksudnya : *Engkau (Allah) memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam, dan Engkau mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup.*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 27

Berpandukan ungkapan di atas, ia juga mencetuskan rasa terhibur di akal fikiran manusia selain daripada teknik persamaan perkataan dalam ayat.

2.9 Al-'Irṣād

Ia merupakan frasa yang terdahulu mempunyai petunjuk awal kepada frasa yang terkemudian (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 198).

Keadaan ini seringkali terdapat dalam ayat-ayat al-Quran seperti firman Allah Ta'ālā :

مَثَلُ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوۡلِيَآءَ كَمَثَلِ ٱلۡعَنكَبُوتِ ٱتَّخَذَتۡ بَيۡتًاۖ وَإِنَّ أَوۡهَنَ ٱلۡبُيُوتِ لَبَيۡتُ ٱلۡعَنكَبُوتِۖ لَوۡ كَانُواْ يَعۡلَمُونَ

Maksudnya : *Perumpamaan orang-orang yang mengambil selain daripada Allah sebagai pelindung adalah seperti labah-labah membuat rumah. Sesungguhnya rumah yang paling daif adalah rumah labah-labah sekiranya mereka mengetahui.*

Sūrah al-'Ankabūt :(29) : 41

Berdasarkan ayat di atas, kita mendapati sekiranya pembaca berhenti pada frasa (وَإِنَّ أَوْهَنَ البُيُوْتِ), ia akan mengetahui bahawa frasa (بَيْتُ العَنْكَبُوْتِ) akan menyusul selepas itu kerana sudah terdapat petunjuk awal.

Situasi ini juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta'ālā :

فَكُلًّا أَخَذۡنَا بِذَنۢبِهِۦۖ فَمِنۡهُم مَّنۡ أَرۡسَلۡنَا عَلَيۡهِ حَاصِبًا وَمِنۡهُم مَّنۡ أَخَذَتۡهُ ٱلصَّيۡحَةُ وَمِنۡهُم مَّنۡ خَسَفۡنَا بِهِ ٱلۡأَرۡضَ وَمِنۡهُم مَّنۡ أَغۡرَقۡنَاۚ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيَظۡلِمَهُمۡ وَلَٰكِن كَانُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ يَظۡلِمُونَ

Maksudnya : *Masing-masing kami (Allah) kerana dosanya, Sesetengahnya kami kirimkan angin kencang yang mengandungi pasir, sesetengahnya pula diseksa dengan suara yang keras, sebahagiannya*

pula kami benamkan ke dalam bumi dan sebahagian yang lain kami tenggelamkan ke dalam air. Allah tidak menganiaya mereka tetapi mereka yang menganiaya diri mereka sendiri.

Sūrah al-‘Ankabūt :(29) : 40

Dalam ayat di atas, sekiranya pendengar berhenti pada ayat (وَلَكِنْ كَانُوا), ia pasti dapat meneka penzaliman terhadap diri sendiri (أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُوْنَ) kerana ungkapan sebelum sudah menunjukkannya secara jelas (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 198).

Perkara yang sama juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

هَلْ جَزَآءُ ٱلْإِحْسَـٰنِ إِلَّا ٱلْإِحْسَـٰنُ

Maksudnya : *Balasan membuat kebaikan pastinya adalah kebaikan jua.*

Sūrah al-Raḥmān : (55) : 60

Di sini kita dapat merenung bahawa pendengar sudah dapat meneka bahawa frasa yang menyusul selepas (هَلْ جَزَاءُ الإِحْسَانِ) yang bererti Balasan membuat kebaikan adalah (إِلاَّ الإِحْسَانُ) yang bermaksud pastinya adalah kebaikan jua kerana terdapat kesesuaian yang nyata (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 60).

Kita juga dapat memerhatikan keadaan yang serupa pada puisi Zuhayr :

وَأَعْلَمُ مَا فِي اليَوْمِ الأَمْسِ قَبْلَهُ وَلَكِنَّنِي عَنْ عِلْمٍ مَا فِي غَدٍ عَمٌ

Maksudnya : Aku mengetahui apa yang berlaku hari ini dan semalam tetapi aku tidak mengetahui apa yang akan berlaku esok.

Sudah sedia maklum, masa terbahagi kepada tiga iaitu masa lalu, masa kini dan masa hadapan. Apabila penyair sudah menyebut mengenai masa lalu dan masa kini dalam frasa (وَأَعْلَمُ مَا فِي اليَوْمِ الأَمْسِ قَبْلَهُ), pasti pendengar dapat meneka bahawa penyair pasti

menyebut tentang masa hadapan dan apa yang akan berlaku iaitu ia tidak mengetahui mengenainya (وَلَكِنَّنِي عَنْ عِلْمٍ مَا فِي غَدٍ عَمٌ) (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 61).

Perkara yang sama berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

أَفَرَءَيْتُمُ ٱلْمَآءَ ٱلَّذِى تَشْرَبُونَ ﴿٦٨﴾ ءَأَنتُمْ أَنزَلْتُمُوهُ مِنَ ٱلْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ ٱلْمُنزِلُونَ

Maksudnya : *Adakah kamu perhatikan air yang kamu minum, adakah kamu yang menurunkannya daripada awan atau Kami yang menurunkannya.*

Sūrah al-Wāqi‘ah : (56) : 68-69

Dalam ayat tersebut, perkataan air (المَاءُ) sudah memberi gambaran awal kepada hujan yang turun daripada awan dengan kekuasaan Allah.

2.10 Al-Mushākalah

Ia merupakan penggunaan perkataan lain bagi menunjukkan sesuatu perkara kerana mempunyai persamaan makna.

Keadaan ini jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَجَزَٰٓؤُاْ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا

Maksudnya : *Balasan sesuatu keburukan (kejahatan) hendaklah dengan hukuman yang setimpal.*

Sūrah al-Shūrā : (42) : 40

Berdasarkan contoh di atas, kita memahami balasan sesuatu kejahatan itu sebenarnya bukan kejahatan yang setimpal tetapi hukuman yang setimpal. Justeru itu, asal ayat tersebut ialah (وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ عُقُوْبَةٌ مِثْلُهَا). Namun perkataan (سَيِّئَةٌ) digunakan bagi menggantikan perkataan (عُقُوْبَةٌ) kerana kedua-duanya mempunyai persamaan makna (Al-Suyūṭīy, t.t. : 94).

Hal yang sama juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

تَعْلَمُ مَا فِى نَفْسِى وَلَآ أَعْلَمُ مَا فِى نَفْسِكَ

Maksudnya : *Engkau (Allah) mengetahui apa yang ada dalam pemikiran ku (diriku) dan aku tidak mengetahui apa yang ada dalam ilmu Engkau (Allah).*

Sūrah al-Mā’idah : (5) : 116

Dalam contoh di atas, kita dapat memerhatikan bahawa perkataan (نَفْسُكَ) tidak layak digunakan bagi menunjukkan kepada Allah Ta‘ālā. Lantaran itu asal bagi ayat ini ialah (تَعْلَمُ مَا فِي نَفْسِي وَلاَ أَعْلَمُ مَا عِنْدَكَ). Tetapi perkataan (نَفْسُكَ) digunakan bagi menggantikan perkataan (عِنْدَكَ) kerana kedua-duanya mempunyai persamaan makna (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 199).

Keadaan yang serupa boleh dilihat pada sabda Junjungan Besar S.A.W :

" أَحَبُّ الأَعْمَالِ إِلَى اللهِ أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ , فَعَلَيْكُمْ مِنَ الأَعْمَالِ بِمَا تُطِيْقُوْنَ فَإِنَّ اللهَ لاَ يَمَلُّ حَتَّى تَمَلُّوا "

Maksudnya : *Sebaik-baik amalan di sisi Allah adalah amalan yang berterusan (konsisten) walaupun sedikit. Justeru itu kamu mesti melakukan sesuatu amalan mengikut kemampuan kamu. Sesungguhnya Allah tidak akan merasa jemu sehingga kamu sendiri yang merasa jemu.*

Dalam hadis di atas, kita memerhatikan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. mengungkapkan mengenai penghentian pahala kepada manusia dengan menggunakan istilah jemu. Justeru itu, perkataan (يَمَلُّ) digunakan bagi menggantikan perkataan (قَطْعُ الثَّوَابِ) yang bermaksud penghentian pahala kerana kedua-duanya mempunyai persamaan makna (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 62).

Perkara ini juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

" فَمَنِ ٱعۡتَدَىٰ عَلَيۡكُمۡ فَٱعۡتَدُواْ عَلَيۡهِ بِمِثۡلِ مَا ٱعۡتَدَىٰ عَلَيۡكُمۡ "

Maksudnya : Maka sesiapa yang mencerobohi (menyerang) kamu, ceroboh lah (serang lah) mereka sepertimana mereka mencerobohi (menyerang) kamu.

Sūrah al-Baqarah : (2) : 194

Berdasarkan ayat di atas, kita boleh melihat bahawa orang Islam tidak menceroboh hak orang lain walaupun mereka dicerobohi. Namun mereka diizinkan untuk membalas perbuatan mereka dengan hukuman yang setimpal. Justeru itu, ayat asal ialah (فَعَاقِبُوْهُ بِمِثْلِ مَا اعْتَدَى عَلَيْكُمْ). Justeru itu, perkataan (فَاعْتَدُوا) digunakan bagi menggantikan perkataan (فَعَاقِبُوْهُ) kerana kedua-duanya mempunyai persamaan makna.

2.11 Al-Muzāwajah

Perkara ini berlaku apabila seseorang itu mencampurkan dua makna dalam ungkapan syarat dan ungkapan balas (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 63).

Hal ini boleh diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَٱتۡلُ عَلَيۡهِمۡ نَبَأَ ٱلَّذِيٓ ءَاتَيۡنَٰهُ ءَايَٰتِنَا فَٱنسَلَخَ مِنۡهَا فَأَتۡبَعَهُ ٱلشَّيۡطَٰنُ فَكَانَ مِنَ ٱلۡغَاوِينَ

Maksudnya : *Dan bacakan lah kepada mereka berita orang yang telah Kami berikan segala keterangan lalu dibuangnya. Justeru itu, dia didatangi syaitan dan termasuk ke dalam golongan yang sesat.*

Sūrah al-’A‘rāf : (7) : 175

Dalam menghuraikan ayat di atas, bahawa Allah Ta‘ālā telah mencampurkan antara kedatangan segala keterangan dan perbuatan mengikut syaitan dalam ungkapan syarat dan

ungkapan balas di mana kedua-duanya diikuti dengan kesesatan. Malahan perbuatan membuang segala keterangan itu sendiri merupakan suatu kesesatan (Al-Suyūṭīy, t.t. : 94).

2.12 Al-‘Aks Wa Al-Tabdīl

Ia merupakan sebahagian perkataan didahulukan dalam sesuatu frasa dan ianya dikemudiankan dalam frasa yang berikut (Al-Suyūṭīy, t.t. : 92).

Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas dalam firman Allah Ta‘ālā :

تُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِي ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِي ٱلَّيۡلِ

Maksudnya : *Engkau (Allah) memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam.*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 27

Daripada contoh di atas, kita dapat memerhatikan bahawa perkataan (اللَّيْلُ) didahulukan berbanding perkataan (النَّهَارُ) dalam frasa pertama dan dikemudiankan dalam frasa kedua (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 64).

Hal yang sama juga dapat direnung dalam sabda Junjungan Besar S.A.W. :

جَارُ الدَّارِ أَحَقُّ مِنْ دَارِ الجَارِ

Maksudnya : *Jiran sebelah rumah lebih berhak daripada rumah jiran.*

Berdasarkan hadis tersebut, kita melihat bahawa perkataan (جَارٌ) berada lebih awal berbanding perkataan (الدَّارُ) dalam frasa pertama dan dikemudiankan dalam frasa kedua.

Kondisi yang sama juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَمَن يَعۡمَلۡ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن ذَكَرٍ أَوۡ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤۡمِنٞ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَدۡخُلُونَ ٱلۡجَنَّةَ وَلَا يُظۡلَمُونَ نَقِيرٗا ١٢٤ وَمَنۡ أَحۡسَنُ دِينٗا مِّمَّنۡ أَسۡلَمَ وَجۡهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ مُحۡسِنٞ

Maksudnya : *Sesiapa yang mengerjakan perkara kebaikan sama ada lelaki atau perempuan dalam keadaan beriman, pasti mereka akan memasuki syurga dan tidak dirugikan sedikit pun. Siapakah yang lebih baik keagamaannya berbanding orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah dan berbuat kebajikan.*

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 124-125

Daripada ayat di atas, susunan frasa akhir berlaku di sebalik susunan frasa pertama. Perkara ini terjadi apabila perkataan (العَمَلُ) yang bermaksud mengerjakan kebaikan didahulukan berbanding perkataan (الإِيْمَانُ) yang bererti beriman dalam frasa pertama. Manakala dalam frasa kedua pula, ia dikemudiankan berbanding perkataan (الإِسْلاَمُ)

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَتُخۡرِجُ ٱلۡحَيَّ مِنَ ٱلۡمَيِّتِ وَتُخۡرِجُ ٱلۡمَيِّتَ مِنَ ٱلۡحَيِّ

Maksudnya : *(Allah) mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup.*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 27

Berpaksikan ayat di atas, kita melihat bahawa perkataan (الحَيُّ) berada lebih awal berbanding perkataan (المَيِّتُ) dalam frasa pertama dan dikemudiankan dalam frasa kedua (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 200).

Kita juga dapat menghayati keadaan ini berlaku dalam percakapan seharian. Contohnya perbualan antara si pelawat dengan pesakit :

كَيْفَ أَنْتَ ؟ فَقَالَ : أَجِدُ مَا لاَ أَشْتَهِي وَأَشْتَهِي مَا لاَ أَجِدُ. وَأَنَا فِي زَمَانِ سُوْءٍ, مَنْ وَجَدَ لَمْ يَجُدْ وَمَنْ جَادَ لَمْ يَجِدْ.

Maksudnya : *Dikatakan kepada seorang pesakit : Bagaimana keadaan kamu? Lalu beliau menjawab : Aku memperoleh apa yang aku tidak menyukainya dan aku menyukai apa yang aku tidak peroleh. Aku berada dalam masa yang buruk. Sesiapa yang memperolehnya pasti tidak merasa seronok dan sesiapa yang seronok pasti tidak memperolehnya.*

Berdasarkan petikan perbualan di atas, kita mendapati perkataan (أَجِدُ) didahulukan berbanding perkataan (أَشْتَهِي) dalam frasa pertama dan dikemudiankan dalam frasa kedua. Demikian juga dengan ungkapan seterusnya di mana perkataan (وَجَدَ) berada lebih awal berbanding perkataan (يَجُدْ) dalam frasa pertama dan dikemudiankan dalam frasa akhir.

Kondisi sama terdapat dalam sabda Rasulullah S.A.W. :

إِنَّ الإِنْسَانَ لَيَسُرُّهُ دَرْكٌ مَا لَمْ يَكُنْ لِيَفُوْتَهُ , وَيَسُوْؤُهُ فَوْتٌ مَا لَمْ يَكُنْ لِيَدْرُكَهُ

Maksudnya : *Seseorang manusia itu pasti gembira apabila memperoleh sesuatu yang tidak terlepas daripadanya dan menjadi resah apabila terlepas sesuatu yang tidak diperolehnya.*

Bersandarkan hadis tersebut, kita dapat memerhatikan bahawa perkataan (دَرْكٌ) didahulukan berbanding perkataan (يَفُوْتُ) dalam frasa pertama dan dikemudiankan dalam frasa akhir.

Demikian juga situasinya dalam firman Allah Ta‘ālā :

بَعْدِهِۦ مِنْ لَهُۥ مُرْسِلَ فَلَا يُمْسِكْ وَمَا لَهَا مُمْسِكَ فَلَا رَّحْمَةٍ مِن لِلنَّاسِ ٱللَّهُ يَفْتَحِ مَّا

Maksudnya : *Rahmat yang dibukakan Allah kepada manusia, tiada sesiapa pun yang dapat menahannya. Dan apa yang ditahan Allah, tiada sesiapa pun yang dapat menganugerahkan nya.*

Sūrah Fāṭir : (35) : 2

Bersumberkan ayat di atas, kita mendapati perkataan (يَفْتَحِ) berada lebih awal berbanding perkataan (مُمْسِكَ) dalam frasa pertama dan perkataan sinonim nya iaitu (مُرْسِلَ) dikemudiankan dalam frasa kedua.

2.13 Al-Tawriyah

Ia merupakan sesuatu perkataan itu mempunyai dua makna iaitu makna dekat atau makna zahir dan makna jauh atau makna tersembunyi. Manakala makna yang dikehendaki oleh seseorang penutur itu ialah makna jauh atau makna tersembunyi (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 201).

Keadaan ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَهُوَ ٱلَّذِى يَتَوَفَّىٰكُم بِٱلَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِٱلنَّهَارِ

Maksudnya : *Dialah (Allah) yang mematikan kamu pada malam hari dan mengetahui apa (dosa) yang kamu lakukan di siang hari.*

Sūrah al-’An‘ām : (6) : 60

Pemerhatian berdasarkan ayat di atas, penyembunyian makna berlaku pada perkataan (جَرَحْتُمْ). Ia mempunyai dua makna iaitu makna dekat yang membawa pengertian melukakan anggota badan dan makna jauh yang bermaksud melakukan dosa.

Perkara yang sama juga boleh direnung dalam puisi Badr Al-Dīn Al-Ḥammāmīy :

أَبْيَاتُ شِعْرِكَ كَالقَصْـ ـور وَلاَ قُصُور بِهَا يَعُوق

وَمِنَ العَجَائِبِ لَفْظُهَا حُرّ وَمَعْنَاهَا " رَقِيق "

Maksudnya : *Bait-bait syair mu umpama gedung*
Tiada gedung yang tidak dapat dinikmati keindahannya
Antara yang menghairankan ialah lafaznya
Bebas tetapi maknanya nipis (menusuk kalbu)

Dalam puisi tersebut, ia berlaku pada perkataan (رَقِيْقٌ). Ia mengandungi dua makna iaitu makna dekat yang bermaksud hamba abdi kerana fikiran kita terus terlintas yang ianya adalah berlawanan dengan perkataan (حُرٌّ) yang bermaksud bebas lagi merdeka. Manakala makna jauhnya adalah lembut dan pengertian menusuk kalbu. Di sini penyair berjaya menyembunyikan makna jauh di bawah bayangan makna dekat (‘Alīy al-Jārim & Muṣṭafā ’Amīn, 1977 : 276-277).

Begitu juga dengan firman Allah Ta‘ālā :

قَالُواْ تَٱللَّهِ إِنَّكَ لَفِى ضَلَٰلِكَ ٱلْقَدِيمِ

Maksudnya : *Mereka (saudara-saudara Nabi Yusuf) mengatakan : Demi Allah, sesungguhnya kamu (ayahanda, Nabi Yaakob) masih berada dalam kesesatan yang lama dahulu.*

Sūrah Yūsuf : (12) : 95

Bersandarkan ayat di atas, kita melihat bahawa perkataan (ضَلَالٍ) yang bermaksud kesesatan membawa dua pengertian : makna dekat iaitu tidak mendapat petunjuk dan makna jauh iaitu kasih sayang Nabi Yaakob terhadap anaknya Nabi Yusuf. Di sini, mereka menyembunyikan kasih sayang baginda di bawah makna kesesatan (Al-Suyūṭīy, t.t. : 84).

Situasi ini juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَقَالَ لِلَّذِى ظَنَّ أَنَّهُۥ نَاجٍ مِّنْهُمَا ٱذْكُرْنِى عِندَ رَبِّكَ فَأَنسَىٰهُ ٱلشَّيْطَٰنُ ذِكْرَ رَبِّهِۦ فَلَبِثَ فِى ٱلسِّجْنِ بِضْعَ سِنِينَ

Maksudnya : *Beliau (Nabi Yusuf) mengatakan kepada salah seorang daripada keduanya yang menyangka akan terlepas (dari penjara) : Ingatkan lah aku kepada tuan mu. Namun syaitan membuatnya terlupa untuk menyebutkan kepada tuannya. Lalu tinggallah beliau di dalam penjara selama beberapa tahun.*

Sūrah Yūsuf : (12) : 42

Berpaksikan ayat tersebut, kita dapat merenung bahawa perkataan (رَبِّ) membawa dua pengertian : makna dekat iaitu Allah Ta‘ālā dan makna jauh iaitu raja Mesir. Di sini, mereka menyembunyikan makna raja Mesir di bawah bayangan makna Tuhan Yang Maha Esa (Al-Zarkashīy, 1972 : 446).

Hal yang sama jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَٰنٌ مُّخَلَّدُونَ إِذَا رَأَيْتَهُمْ حَسِبْتَهُمْ لُؤْلُؤًا مَّنثُورًا

Maksudnya : *Dan beredar (melayani) anak-anak bujang yang memakai anting-anting, sekiranya kamu melihat mereka, pasti engkau menyangka mutiara yang bertaburan.*

Sūrah al-’Insān : (76) : 19

Daripada ayat ini, kita memahami bahawa perkataan (مُخَلَّدُوْنَ) membawa dua pengertian : makna dekat iaitu kekal muda dan makna jauh iaitu memakai anting-anting. Di sini, mereka menyembunyikan makna memakai anting-anting baginda di bawah bayangan makna kekal muda (Al-Zarkashīy, 1972 : 445).

Perkara ini juga nyata dalam firman Allah Ta‘ālā :

يُبَشِّرُهُمْ رَبُّهُم بِرَحْمَةٍ مِّنْهُ وَرِضْوَٰنٍ وَجَنَّٰتٍ

Maksudnya : *Tuhan mereka mmberi khabar gembira dengan memperolehi rahmat dan keredhaanNya serta ganjaran syurga.*

Sūrah al-Tawbah : (9) : 21

Bersumberkan ayat ini, kita melihat bahawa perkataan (رِضْوَانٍ) yang disebut seiring dengan (جَنَّاتٍ) iaitu syurga akan mengelirukan para pendengar lalu terus menyangka bahawa ia membawa pengertian malaikat Ridwan iaitu penjaga syurga. Padahal sebenarnya ia membawa makna jauh iaitu keredhaan Allah Ta‘ālā. Di sini, makna

keredhaan Allah Ta‘ālā disembunyi dan diletakkan di bawah bayangan makna dekat iaitu malaikat Ridwan.

Keadaan ini juga dapat direnung dalam puisi Sirāj Al-Dīn Al-Warrāq :

أَصُونُ أَدِيمَ وَجْهِي عَن أُنَاسٍ لِقاء المَوْتِ عِنْدَهُم الأدِيب

وَرَبّ الشِّعْرِ عِنْدَهم بَغِيض وَلَو وَافَى به لَهُم " حَبِيْبٌ "

Maksudnya : *Aku memelihara kulit mukaku daipada orang ramai*
Bertemu mati menurut mereka adalah sesuatu yang beradab
Pengarang syair menurut mereka adalah seorang yang dibenci
Walaupun yang datang membawa mereka adalah orang yang dikasihi.

Bedasarkan puisi di atas, kita dapat menghayati bahawa perkataan (حَبِيْبٌ) membawa dua pengertian iaitu (المَحْبُوْبُ) yang bermaksud orang dikasihi Ia merupakan makna dekat yang terus menerjah fikiran manusia kerana terdapat sebelumnya perkataan (بَغِيْض) yang bererti orang yang dibenci. Padahal sebenarnya ia membawa makna jauh iaitu nama penyair ’Abū Tammām : Ḥabīb ’Ibn ’Aws. Namun makna jauh ini disembunyikan di sebalik makna dekat (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 116).

Situasi ini juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

ٱلرَّحۡمَٰنُ عَلَى ٱلۡعَرۡشِ ٱسۡتَوَىٰ

Maksudnya : *Tuhan Yang Maha Pemurah itu menguasai singgahsana (arasy).*

Sūrah Ṭaha : (20) : 5

Dalam ayat di atas, perkataan (اِسْتَوَى) membawa dua makna iaitu makna dekat yang bermaksud berada di sesuatu tempat dan makna jauh yang bermaksud menguasai dan memiliki (Al-Zamakhsharīy, 1977 : 530) . Berdasarkan firman Allah Ta‘ālā tersebut, kita

tidak melihat terdapat sebarang bayangan maksud kepada makna dekat ataupun makna jauh.

Keadaan ini juga boleh dilihat dalam sabda Rasulullah S.A.W. ketika menjawab pertanyaan : Kamu daripada kalangan kaum mana ?

مِنْ مَاءٍ

Maksudnya : Daripada air.

Jawapan ini mempunyai dua makna iaitu makna dekat yang bermaksud: daripada kaum mā' iaitu nama satu kabilah Arab dan makna jauh yang bermaksud : Aku dicipta daripada air. Di sini kita dapat melihat bahawa Rasulullah S.A.W. menyembunyikan makna sebenar di bawah bayangan salah satu kabilah Arab.

Hal ini juga boleh direnung dalam firman Allah Ta'ālā :

وَٱلسَّمَآءَ بَنَيۡنَٰهَا بِأَيۡيْدٖ

Maksudnya : *Langit yang Kami bina dengan dengan tangan (penuh kekuatan).*

Sūrah al-Dhāriyāt : (51) : 47

Berdasarkan ayat di atas, perkataan (بأييد) mungkin membawa makna dekat iaitu tangan kerana disebut bayangannya iaitu perkataan (بنينا) sebagai bayangan hiasan kepada tangan. Ia juga membawa makna jauh iaitu kekuatan dan kekuasaan Pencipta. Justeru itu, makna sebenar adalah kekuatan kerana Allah Ta'ālā itu Maha Suci daripada makna pertama

Situasi ini juga dapat diperhatikan dalam kata-kata Saidina Ali R.A. :

إِنَّهُ كَانَ يَحُوْكُ الشِّمَالِ بِاليَمِيْنِ

Maksudnya : *Sesungguhnya si polan (’Ash‘ath Ibnu Qays) mengait kain selimut dengan (tangan) kanan.*

Dalam ungkapan di atas, kita mendapati perkataan (الشِّمَالُ) membawa dua pengertian : makna dekat iaitu kiri yang berlawanan dengan kanan dan makna jauh iaitu kain selimut. Perlu diingatkan bahawa sekiranya Saidina Ali tidak menyebut perkataan (اليَمِيْنُ) pasti pendengar tidak menduga yang ianya bermakna tangan (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 122).

2.14 Al-’Istikhdām

Mengikut pengertian ilmu badī‘, ia mempunyai dua kategori :

i) Penyampaian perkataan yang mempunyai dua makna ataupun lebih namun hanya satu makna yang dikehendakki, Kemudian diberi ganti namanya yang membawa makna lain atau dua gantinama yang membawa maknanya dan makna yang lain (Al-Suyūṭīy, t.t. : 84).

Keadaan ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ مِن سُلَـٰلَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَـٰهُ نُطْفَةً فِى قَرَارٍ مَّكِينٍ

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami (Allah) mencipta manusia daripada sari tanah. Kemudian Kami jadikannya (sari tanah) sebagai air mani yang berada di tempat yang teguh.*

Sūrah al-Mu’minūn : (23) : 12-13

Daripada ayat di atas, kita dapat memahami bahawa perkataan (الإِنْسَانُ) membawa banyak makna iaitu manusia dan Nabi Adam. Namun makna yang dikehendakki di sini

ialah Nabi Adam. Kemudian ganti nama pada perkataan (جَعَلْنَاهُ) pula memabawa maksud manusia iaitu anak-cucu Nabi Adam (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 70).

Hal yang sama juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَسْـَٔلُوا۟ عَنْ أَشْيَآءَ إِن تُبْدَ لَكُمْ تَسُؤْكُمْ وَإِن تَسْـَٔلُوا۟ عَنْهَا حِينَ يُنَزَّلُ ٱلْقُرْءَانُ تُبْدَ لَكُمْ عَفَا ٱللَّهُ عَنْهَا ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٠١﴾ قَدْ سَأَلَهَا قَوْمٌ مِّن قَبْلِكُمْ ثُمَّ أَصْبَحُوا۟ بِهَا كَـٰفِرِينَ

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman ! Janganlah kamu asyik bertanyakan perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu pasti ianya akan menyusahkan kamu. Jika kamu bertanyakan mengenainya ketika diturunkan al-Quran sudah tentu ianya akan diterangkan kpada kamu. Allah telah memaafkan kamu mengenai perkara itu dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyantun. Sesungguhnya terdapat suatu kaum sebelum kamu telah bertanya mengenainya kemudian menjadi orang-orang yang mengingkarinya.*

Sūrah al-Mā’idah : (5) : 101-102

Berdasarkan contoh di atas, kita dapat perhatikan bahawa ganti nama pada perkataan (سَأَلَهَا) adalah merujuk kepada perkataan (أَشْيَاءٌ). Kita memahami bahawa perkara yang ditanya oleh orang-orang terdahulu adalah berbeza dengan perkara yang ditanya oleh para sahabat Rasulullah S.A.W. dan mereka dilarang daripada berbuat demikian. (Al-Suyūṭīy, t.t. : 84)

ii) Penyampaian perkataan yang mempunyai banyak makna. Kemudian dua perkataan yang dapat difahami kedua-dua maknanya secara berasingan. (Al-Suyūṭīy, t.t. : 84).

Keadaan ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ , يَمْحُواْ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ وَيُثْبِتُ ۖ وَعِندَهُۥٓ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ

Maksudnya : *Tiap-tiap masa ada ketentuannya, Allah menghapuskan apa yang dikehendaki Nya dan menetapkan apa yang disukai Nya dan di sisi Nya terdapat kitab induk (undang-undang Allah yang diwahyukan).*

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 38-39

Dalam ayat di atas, kita dapat memerhatikan bahawa perkataan (كِتَابٌ) membawa kemungkinan makna masa yang ditetapkan dan kitab yang termaktub. Ia juga terletak di tengah perkataan (أَجَلٍ) dan perkataan (يَمْحُو). Justeru itu, perkataan (أَجَلٍ) membawa makna masa yang ditetapkan dan perkataan(يَمْحُو) memberi kesan kepada makna kitab yang termaktub (Al-Zarkashīy, 1972 : 447).

Walau bagaimana pun , orang ramai masih terkeliru antara penyembunyian makna dan penggunaan dua makna. Perbezaan antara keduanya ialah penyembunyian makna menggunakan perkataan yang mempunyai dua makna di mana hanya satu makna diguna pakai manakala makna yang satu lagi diabaikan. Namun penggunaan dua makna menyampaikan satu perkataan yang mempunyai dua makna dan kedua-duanya diguna pakai (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 70).

2.15 Al-Mubālaghah

Ia merupakan gambaran sesuatu perkara secara keterlaluan dan melampau serta boleh berlaku pada kebiasaannya dan menghampiri realiti (Al-Khafājīy,1994 : 257).

Situasi ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّآ أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا

Maksudnya : *Pada hari itu, engkau dapat melihat perempuan yang sedang menyusukan anak melupakan anak yang disusukan dan setiap perempuan mengandung akan melahirkan kandungannya.*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 2

Daripada ayat di atas, situasi perempuan melupakan anak yang disusunnya dan perempuan mengandung melahirkan anaknya adalah keterlaluan dalam menggambarkan kedahsyatan hari kiamat. Kedua-duanya boleh berlaku pada kebiasaannya dan dapat diterima akal (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 84).

Keadaan ini juga boleh direnung dalam sabda Junjungan Besar S.A.W. :

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَخَلُوْفُ فَمِ الصَّائِمِ عِنْدَ اللهِ أَطْيَبُ مِنْ رِيْحِ المِسْكِ

Maksudnya : *Demi Tuhan yang diri Muhammad berada ditangan Nya, sesungguhnya bau busuk mulut orang yang berpuasa di sisi Allah adalah lebih baik berbanding bau kasturi.*

Berdasarkan ayat di atas, puasa dihubungkan terus kepada Allah dan bukannya amalan-amalan lain adalah bertujuan keterlaluan dalam mengagungkan dan memuliakan hikmah berpuasa dan ganjaran pahalanya.

Kita juga dapat memerhatikan dalam al-Quran makna melampau yang berhubung dengan partikel perumpamaan seperti firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّهَا تَرْمِي بِشَرَرٍ كَٱلْقَصْرِ ﴿٣٢﴾ كَأَنَّهُۥ جِمَٰلَتٌ صُفْرٌ

Maksudnya : *Sesungguhnya ia (nyalaan api neraka) akan melemparkan bunga api bagaikan sebuah gedung besar, seolah-olah ianya umpama unta-unta yang menguning warnanya.*

Sūrah al-Mursalāt : (77) : 32-33

Situasi ini juga dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

سَوَآءٌ مِّنكُم مَّنْ أَسَرَّ ٱلْقَوْلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍۭ بِٱلَّيْلِ وَسَارِبٌۢ بِٱلنَّهَارِ

Maksudnya : Sama sahaja (bagi Allah) orang yang merahsiakan kata-kata atau menerangkannya secara terbuka, dan orang yang bersembunyi pada malam hari atau yang keluar pada siang hari.

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 10

Dalam ayat di atas, Allah menjadikan orang yang merahsiakan kata-kata umpama orang yang menerangkannya secara terbuka dan orang yang bersembunyi pada malam hari seperti orang yang keluar pada siang hari. Perumpamaan ini membawa pengertian bahawa ianya nyata dan boleh dilihat oleh semua orang. Makna melampau ini adalah berkaitan dengan kita sebagai manusia dan bukannya Allah Ta‘ālā. Kedua-dua contoh di atas mempunyai makna melampau yang paling tinggi nilai dan susunan ungkapannya.

Kondisi ini juga boleh dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

أَوْ كَظُلُمَـٰتٍ فِى بَحْرٍ لُّجِّىٍّ يَغْشَىٰهُ مَوْجٌ مِّن فَوْقِهِۦ مَوْجٌ مِّن فَوْقِهِۦ سَحَابٌ ۚ ظُلُمَـٰتٌۢ بَعْضُهَا فَوْقَ بَعْضٍ إِذَآ أَخْرَجَ يَدَهُۥ لَمْ يَكَدْ يَرَىٰهَا

Maksudnya : Atau keadaan mereka (orang-orang kafir) ibarat kegelapan di lautan dalam yang dipukul ombak demi ombak dan di atasnya awan serta kegelapan itu bertindih-tindih. Apabila ia mengeluarkan tangannya, hampir-hampir tidak kelihatan.

Sūrah al-Nūr : (24) : 40

Daripada ayat tersebut, makna ungkapan sudah dapat difahami daripada frasa (أَوْ كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُجِّيٍّ يَغْشَاهُ مَوْجٌ). Namun begitu, Allah Ta‘ālā terus memberi gambaran secara bombastik mengenai kegelapan untuk menambahkan situasi kedahsyatan.

2.16 Al-'Ighrāq

Ia merupakan sesuatu perkara yang mungkin boleh dicapai dari segi logik namun pada kebiasaannya amat sukar dicapai.

Situasi ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta'ālā :

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱسۡتَكۡبَرُواْ عَنۡهَا لَا تُفَتَّحُ لَهُمۡ أَبۡوَٰبُ ٱلسَّمَآءِ وَلَا يَدۡخُلُونَ ٱلۡجَنَّةَ حَتَّىٰ يَلِجَ ٱلۡجَمَلُ فِي سَمِّ ٱلۡخِيَاطِۚ

Maksudnya : *Maksudnya : Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan segala keterangan Kami (Allah) dan memandang rendah (bersikap angkuh) terhadapnya, pasti tidak akan dibuka pintu-pintu langit untuk mereka (tidak beroleh ketinggian dan keluhuran jiwa). Mereka tidak akan dapat memasuki syurga sehingga unta dapat memasuki lubang jarum.*

Sūrah al-'A'rāf : (7) : 40

Berdasarkan contoh di atas, kita memahami bahawa perkataan (الجَمَلُ) membawa dua makna iaitu unta dan tali yang kasar. Ayat tersebut membawa pengertian amalan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah tidak akan diterima dan segala permintaan mereka tidak akan diperkenankan. Justeru itu, mereka tidak akan dapat memasuki syurga dengan apa cara sekali pun. Sudah sedia maklum, unta atau tali yang kasar begitu susah untuk memasuki lubang jarum. Begitu juga keadaannya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah amat sukar untuk memasuki syurga (Al-Suyūṭīy, t.t. : 94)

3.17 Al-Ghuluww

Ia merupakan gambaran sesuatu perkara yang mustahil akan berlaku. Ia berkaitan perkara mustahil dengan sesuatu yang berada di luar kebenaran selaras dengan firman Allah Ta‘ālā:

قُلۡ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لَا تَغۡلُواْ فِي دِينِكُمۡ غَيۡرَ ٱلۡحَقِّ

Maksudnya : *Katakanlah : Wahai ahli kitab ! janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agamamu di luar kebenaran.*

Sūrah al-Mā’idah : (5) : 77

Keadaan ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَكَادُ سَنَا بَرۡقِهِۦ يَذۡهَبُ بِٱلۡأَبۡصَٰرِ

Maksudnya : *Cahaya kilatnya hampir-hampir dapat membutakan mata.*

Sūrah al-Nūr : (24) : 43

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat memerhatikan bahawa hubungan ungkapan ini dengan perkataan (يَكَادُ) seolah-olah melencongkan nya kepada realiti lalu perkara yang mustahil seolah-olah bertukar menjadi perkara yang boleh berlaku (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 86).

Situasi ini juga terjadi dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِن يَكَادُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَيُزۡلِقُونَكَ بِأَبۡصَٰرِهِمۡ لَمَّا سَمِعُواْ ٱلذِّكۡرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُۥ لَمَجۡنُونٞ

Maksudnya : *Sesungguhnya orang-orang kafir itu (musyrikin Mekah) hampir-hampir menjatuhkan kamu (pada pandangan umum) dengan pandangan mata (sinis) mereka ketika mendengar peringatan dan mengatakan : sesungguhnya beliau adalah seorang yang gila.*

Sūrah al-Qalam : (68) : 51

Berpandukan kepada ayat di atas, kita dapat merenung bahawa pandangan mata musyrikin Mekah yang penuh dengan kebencian dan permusuhan itu seolah-olah dapat memusnahkan dakwah Nabi Muhammad S.A.W.

Seterusnya Al-Ghuluww boleh dibahagikan kepada dua bahagian :

i) Al-Ghuluww Al-Ḥasan Al-Maqbūl

Ia merupakan ungkapan mustahil yang berhubung dengan partikel-partikel yang mendekatkannya kepada kesahihan seperti partikel (لَوْ) dan (لَوْ لاَ) untuk tegahan, (يَكَادُ) untuk perumpamaan serta (كَأَنَّ) untuk mendekatkan.

Perkara ini dapat dilihat melalui firman Allah Ta‘ālā :

" يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيٓءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ "

Maksudnya : *Minyaknya hampir-hampir dapat memancarkan cahayanya sendiri sekali pun tidak disentuh oleh api.*

Sūrah al-Nūr : (24) : 35

Berpandukan ayat di atas, kita sedia maklum bahawa minyak yang dapat memancarkan cahaya tanpa menyentuh api adalah perkara mustahil dan tidak boleh diterima akal. Namun partikel (يَكَادُ) mendekatkan perkara itu seolah-olah ianya adalah realiti dan menjadikannya boleh diterima akal jika dilihat secara sepintas lalu (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 207).

Kadangkala makna mustahil menjadi baik dan dapat diterima walaupun tidak disertai dengan partikel yang boleh mendekatkannya kepada realiti seperti (يَكَادُ). Keadaan ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَبَلَغَتِ ٱلۡقُلُوبُ ٱلۡحَنَاجِرَ

Maksudnya : *Hati telah naik sampai ke kerongkong (kegelisahan dan ketakutan telah memuncak sehingga menyesakkan dada).*

Sūrah al-Aḥzāb : (33) : 10

Dalam ayat di atas, kita memang mengetahui bahawa hati tidak dapat naik ke kerongkong dalam keadaan manusia masih hidup. Tetapi jika sekali pandang, ianya seolah-olah perkara realiti.

ii) Al-Ghuluww Ghayr Al-Maqbūl

Keadaan ini dapat dilihat dalam puisi Al-Mutanabbi :

فَتًى أَلْفُ جُزْءٍ رَأْيِهِ فِي زَمَانِهِ أَقَلُّ جُزْيَءِ بَعْضِهِ الرَّأْيُ أَجْمَعُ

Maksudnya : *Pandangan pemuda ini adalah seribu juzuk dalam hal-ehwal zamannya*
Setiap juzuk sekurang-kurangnya menyamai juzuk semua manusia

Dalam puisi tersebut, penyair menyatakan bahawa pemuda pandangan yang menyamai seribu juzuk mengenai segala hal-ehwal di zamannya. Selain itu, suatu juzuk pandangan menyamai semua juzuk pandang an masyarakat secara keseluruhannya.

2.18 Al-’Istiḍrād

Ia merupakan penambahan makna terhadap sesuatu ungkapan untuk melengkapkan kesempurnaan rima (القَافِيَةُ) sesuatu puisi atau rentak perkataan akhir sesuatu prosa (الفَاصِلَةُ).

Keadaan ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ لَفَٰسِقُونَ ﴿٤٩﴾ أَفَحُكْمَ ٱلْجَٰهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ

Maksudnya : *Sesungguhnya kebanyakan manusia itu terdiri daripada orang-orang yang fasik. Apakah hukum jahiliah yang mereka cari ? Hukum siapakah yang lebih baik berbanding hukum Allah bagi orang-orang yang yakin ?*

Sūrah al-Mā’idah : (5) : 49-50

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat memerhatikan bahawa ungkapan tersebut sudah lengkap pengertiannya dengan frasa (وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللهِ حُكْمًا). Seterusnya ia memerlukan suatu rentak akhir yang bersesuaian dengan rentak pertama iaitu (يَبْغُوْنَ). Apabila rentak akhir itu wujud iaitu (لِقَوْمٍ يُوْقِنُوْنَ) yang bermaksud bagi orang-orang yang yakin, ia terus memberikan penambahan makna terhadap ungkapan tersebut. Secara pengertiannya, seseorang itu hanya mengetahui undang-undang Allah lebih baik daripada segala undang-undang apabila ia meyakini bahawa Allah Ta‘ālā adalah Maha Bijaksana lagi Maha Adil.

Situasi yang serupa juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۖ إِنَّكَ عَلَى ٱلْحَقِّ ٱلْمُبِينِ ﴿٧٩﴾ إِنَّكَ لَا تُسْمِعُ ٱلْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ ٱلصُّمَّ ٱلدُّعَآءَ إِذَا وَلَّوْا۟ مُدْبِرِينَ

Maksudnya : *Justeru itu, bertawakal lah kepada Allah, sesungguhnya Engkau berada di atas landasan kebenaran yang jelas. Sesungguhnya engkau tidak akan mampu menjadikan orang yang mati itu dapat mendengar dan tidak akan mampu menjadikan orang yang tuli itu dapat mendengar panggilan apabila mereka berpaling k belakang.*

Sūrah al-Naml : (27) : 79-80

Bersumberkan ayat di atas, kita dapat melihat bahawa ungkapan tersebut sudah lengkap pengertiannya dengan frasa (وَلاَ تُسْمِعُ الصُّمَّ الدُّعَاءَ). Apabila wujud frasa (إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِيْنَ), ia bertujuan untuk menyempurnakan rentak akhir ungkapan dan memberikan penambahan makna. Tegasnya, ia adalah gambaran bombastic mengenai keengganan orang-orang kafir yang diumpamakan sebagai orang-orang yang mati di mana kedua-duanya tidak mengambil manfaat daripada segala bukti yang wujud di sekeliling mereka.

2.19 Al-Tatmīm

Ia merupakan kehadiran sesuatu perkataan dalam karya atau prosa untuk melengkapkan makna. Ini bermakna jika ia digugurkan, pasti sesuatu ungkapan itu mengalami kepincangan kualiti atau maksud.

2.19.1 Bentuk-Bentuk Al-Tatmīm

Ia terbahagi kepada dua bahagian :

i) Al-Tatmīm Secara Makna

Ia biasanya hadir untuk menunjukkan makna keterlaluan dan berjaga-jaga di pertengahan sesuatu ungkapan ataupun di hujungnya.

Keadaan ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

مَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُۥ حَيَوٰةً طَيِّبَةً

Maksudnya : *Sesiapa yang beramal soleh daripada kalangan lelaki atau perempuan dalam keadaan ia beriman, maka sesungguhnya Kami (Allah) akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik.*

Sūrah al-Naḥl : (16) : 97

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat memahami bahawa kedua-dua frasa (مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى) dan (وَهُوَ مُؤْمِنٌ) adalah aspek penjagaan penyempurnaan makna bagi memberi suatu pengertian secara mendalam. Kehadiran kedua-dua frasa itu menjadikan ayat tersebut sempurna dan sah. Sekiranya salah satu atau kedua-duanya digugurkan daripada ungkapan itu, pasti ia mengalami kepincangan dan struktur ayat.

Hal yang sama juga dapat dilihat dalam sabda Rasulullah S.A.W. :

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُصَلِّي لِلهِ كُلَّ يَوْمٍ اِثْنَتَى عَشَرَةَ رَكْعَةً مِنْ غَيْرِ الفَرَائِضِ إِلاَّ بَنَى اللهُ لَهُ بَيْتًا فِي الجَنَّةِ

Maksudnya : *Sesiapa di kalangan Muslim yang mendirikan sembahyang dua belas rakaat setiap hari tidak termasuk sembahyang fardu, pasti Allah akan membina sebuah istana untuknya di syurga.*

Daripada hadis yang diutarakan di atas, kita dapat menghayati bahawa penyempurnaan makna berlaku dalam empat kedudukan iaitu frasa (مُسْلِمٌ), (لِلهِ), (كُلَّ يَوْمٍ) dan (مِنْ غَيْرِ الفَرَائِضِ). Sekiranya kita menggugurkan mana-mana frasa itu, ia menyebabkan kepincangan makna hadis dan ketinggian nilai retorik nya (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 110-111).

ii) Al-Tatmīm Secara Lafaz

Kehadirannya adalah menyeimbangkan wazan sesuatu puisi di mana jika digugurkan, ia tidak akan menjejaskan makna sesuatu ungkapan.

Perkara ini dapat diperhatikan dalam puisi Al-Mutanabbī :

وَخَفُوْقُ قَلْبٍ لَوْ رَأَيْتَ لَهِيْبَهُ يَا جَنَّتِي لَظَنَنْتَ فِيْهِ جَهَنَّمَا

Maksudnya : *Hati yang gementar sekiranya kamu melihat pucuknya*
Wahai syurga ku, kamu pasti menyangka ada neraka jahanam

Dalam contoh di atas, kita memerhatikan kehadiran frasa (يَا جَنَّتِي) hanya untuk keseimbangan wazan puisi tersebut. Namun dalam masa yang sama, ia menyempurnakan al-Ṭibāq antara (الجَنَّةُ) yang bererti syurga dan (جَهَنَّمَ) yang bermaksud neraka jahanam (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 112)

2.20. Al-Tajrīd

Ia merupakan suatu ungkapan yang pada zahirnya ditujukan kepada orang lain sedangkan pada hakikatnya dihalakan kepada diri sendiri. Justeru itu, ia bermakna suatu pengalihan ungkapan daripada diri sendiri kepada orang lain. Ketahuilah bahawa sesungguhnya fasal ini adalah antara fasal-fasal Arab yang baik lagi unik (’Ibn Jinnīy ,1987 : 475).

Keadaan ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ فِي خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ لَءَايَٰتٍ لِّأُوْلِي ٱلْأَلْبَٰبِ

Maksudnya : Sesungguhnya kejadian langit dan bumi serta penggantian malam dan siang pasti menjadi keterangan yang jelas bagi orang-orang yang mengerti.

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 190

Berpandukan contoh di atas, kita mendapati ayat itu pada zahirnya menunjukkan bahawa kejadian alam semesta mempunyai tanda-tanda keterangan yang jelas. Namun begitu, pada realitinya kejadian alam itu sendiri menjadi tanda-tanda keterangan yang jelas dan bukti kebesaran serta keagungan Allah Ta‘ālā (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 80).

Hal yang sama berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَإِذَا ٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَكَانَتۡ وَرۡدَةٗ كَٱلدِّهَانِ

Maksudnya : *Apabila langit telah terbelah, ia mnjadi merah seperti kulit yang merah.*

Sūrah al-Raḥmān : (55) : 37

Dalam ayat di atas, qiraat yang menomenatifkan perkataan (وَرْدَةً) menyebabkan berlaku pengalihan makna lalu ia membawa pengertian (سَمَاءٌ وَرْدَةٌ) yang bermaksud langit yang merah (Al-Zamakhsharīy, 1977 : 48).

Keadaan ini boleh dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَٱعۡلَمۡ أَنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya : *Ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 260

Dalam contoh di atas, ayat ini ditujukan kepada ganti nama pertama lalu ia digambarkan sebagai mengganti ungkapan (وَاعْلَمْ أَنِّي عَزِيْزٌ حَكِيْمٌ) yang bermaksud : Ketahuilah bahawa sesungguhnya Aku Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana (Al-Zarkashīy, 1972 : 448).

Situasi yang serupa juga boleh diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

لَهُمۡ فِيهَا دَارُ ٱلۡخُلۡدِ

Maksudnya : *Di sana mereka memperoleh tempat tinggal yang kekal.*

Sūrah Fuṣṣilat : (41) : 28

Bersumberkan ayat di atas, kita memahami bahawa syurga itu tidak terbahagi kepada tempat tinggal kekal dan tidak kekal malah ianya tetap kekal buat selama-lamanya (Al-Jurjānīy : 1979 : 310). Justeru itu, kita mengalihkan keseluruhan makna dengan

menyebut satu perkataan sahaja iaitu tempat tinggal kekal selama-lamanya (Al-Suyūṭi : t.t. : 90). Manakala Ibn Jinnīy pula mengatakan bahawa syurga itu sendiri merupakan tempat tinggal yang kekal. (’Ibn Jinnīy, 1987 : 476)

Kondisi ini juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَرِثُنِي وَيَرِثُ مِنْ ءَالِ يَعْقُوبَ

Maksudnya : *Orang yang akan mewarisiku (Nabi Zakaria) dan mewarisi keluarga Yaakob.*

Sūrah Maryam : (19) : 6

Daripada ayat tersebut, kita boleh memerhatikan bahawa Nabi Zakaria ingin mengatakan : Kurniakan lah kepada ku seorang pewaris yang dapat meneruskan salasilah keluarga Nabi Yaakob. Dalam hal ini, baginda seolah-olah terlupa bahawa baginda sendiri adalah pewarisnya. Justeru itu, baginda mengalihkan keseluruhan makna dengan pewaris yang meneruskan kesinambungan keluarga Nabi Yaakob (Al-Zarkashīy, 1972 : 448).

Hal ini juga jelas kelihatan dalam ungkapan berikut :

لِي مِنْ فُلاَنٍ صَدِيْقٌ حَمِيْمٌ

Maksudnya : *Aku memperoleh sahabat karib daripada si polan*

Berdasarkan ungkapan di atas, kita memahami bahawa persahabatannya dengan si polan telah mencapai tahap tertinggi. Bagaimana pun beliau mengalihkan makna dengan menyatakan bahawa beliau mendapat sahabat karib daripada si polan sedangkan realitinya sahabat karib beliau adalah si polan itu sendiri (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t.: 206).

Kondisi ini juga dapat diperhatikan dalam kata-kata orang Arab :

لَئِنْ سَأَلْتَ فُلاَنًا لَتَسْأَلُنَّ بِهِ البَحْرَ

Maksudnya : *Sekiranya kamu bertanyakan si polan, pastinya kamu bertanyakan sebuah lautan.*

Daripada kata-kata di atas, kita dapat menghayati bahawa mereka ingin menggambarkan bahawa si polan mempunyai kemuliaan dan pengetahuan yang luas umpama lautan. Namun, mereka menyatakan pertanyaan itu ditujukan kepada lautan sedangkan hakikatnya lautan itu adalah si polan itu sendiri.

2.21. Al-Laff Wa Al-Nashr

Ia merupakan sebutan pelbagai perkara secara terperinci ataupun secara umum. Kemudian disebut perkara yang berkaitan tanpa sebarang penentuan dengan keyakinan bahawa si pendengar dapat membalasnya kerana sudah mengetahui hal tersebut berdasarkan kenyataan secara lafaz ataupun secara makna.

2.21.1 Kategori Al-Laff Wa Al-Nashr

Ia terbahagi kepada dua kategori :

2.21.1.1 Pernyataan pelbagai perkara secara terperinci

Perkara ini dibahagikan kepada dua bentuk :

a) Al-Nashr mengikut ketertiban Al-Laff

Perkara ini berlaku apabila perkara pertama dalam penghuraian adalah menjelaskan perkara pertama dalam kenyataan dan begitulah seterusnya (Al-Suyūṭīy, t.t. : 93).

Perkara ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَمِن رَّحۡمَتِهِۦ جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيۡلَ وَٱلنَّهَارَ لِتَسۡكُنُواْ فِيهِ وَلِتَبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِهِۦ وَلَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ

Maksudnya : *Dan antara rahmat kurniaan Allah, dijadikan bagi kamu malam dan siang supaya kamu dapat bersenang diri_dan supaya kamu dapat mencari (rezeki) kurniaan Nya dan mudah-mudahan kamu bersyukur.*

Sūrah al-Qaṣaṣ : (28) : 73

Berdasarkan contoh di atas, kita dapat menanggapi bahawa keadaan bersenang diri dan ketenangan itu merujuk kepada waktu malam dan pencarian kurniaan Allah merujuk kepada waktu siang mengikut tertib (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t.: 202).

Begitu juga keadaannya dengan firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا تَجۡعَلۡ يَدَكَ مَغۡلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبۡسُطۡهَا كُلَّ ٱلۡبَسۡطِ فَتَقۡعُدَ مَلُومًا مَّحۡسُورًا

Maksudnya : *Janganlah engkau jadikan tangan engkau terbelenggu ke leher (bersifat bakhil) dan jangan membukanya seluas-luasnya (bersikap boros) lalu kamu terduduk dalam keadaan tercela dan menyesal.*

Sūrah al-’Isrā’ : (17) : 29

Berpaksikan ayat tersebut, kita dapat memahami bahawa keadaan tercela itu merujuk kepada sifat bakhit dan keadaan menyesal pula merujuk kepada sifat boros kerana keadaan menyesal itu membawa pengertian harta yang habis tanpa meninggalkan sebarang baki .

Hal yang sama juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

أَلَمۡ يَجِدۡكَ يَتِيمًا فَـَٔاوَىٰ ۝٦ وَوَجَدَكَ ضَآلًّا فَهَدَىٰ ۝٧ وَوَجَدَكَ عَآئِلًا فَأَغۡنَىٰ ۝٨ فَأَمَّا ٱلۡيَتِيمَ فَلَا تَقۡهَرۡ ۝٩ وَأَمَّا ٱلسَّآئِلَ فَلَا تَنۡهَرۡ ۝١٠ وَأَمَّا بِنِعۡمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثۡ

Maksudnya : *Bukankah Dia (Allah) mendapati engkau (Muhammad) sorang yang yatim lalu di dijadikan Nya orang yang memberikan perlindungan, dan Dia (Allah) mendapati engkau seorang yang tidak*

mengetahui jalan (untuk memimpin umat) lalu diberikan Nya petunjuk, serta Dia (Allah) mendapati engkau seorang yang memerlukan (miskin) dan diberikan Nya kekayaan. Justeru itu, janganlah engkau menengking anak yatim dan janganlah engkau mengherdik orang yang meminta (sedekah atau ilmu pengetahuan) serta sebarkan lah nikmat kurniaan Tuhan mu (mengenai kenabian, al-Quran dan Islam).

Sūrah al-Ḍuḥā : (93) : 6-11

Daripada spesimen di atas, kita dapat merenungi bahawa frasa (فَأَمَّا الْيَتِيْمَ فَلاَ تَقْهَرْ) yang bermaksud janganlah engkau menengking anak yatim adalah merujuk kepada frasa (أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيْمًا فَآوَى) yang bererti bukankah Dia (Allah) mendapati engkau (Muhammad) sorang yang yatim lalu di dijadikan Nya orang yang memberikan perlindungan. Manakala frasa (وَأَمَّا السَّائِلَ فَلاَ تَنْهَرْ) yang bermakna janganlah engkau mengherdik orang yang meminta pula merujuk kepada frasa (وَوَجَدَكَ ضَالاًّ فَهَدَى) yang membawa pengertian Dia (Allah) mendapati engkau seorang yang tidak mengetahui jalan (untuk memimpin umat) lalu diberikan Nya petunjuk. Perkara ini berdasarkan kenyataan pakar-pakar tafsir yang menghuraikan bahawa maksud orang yang meminta itu adalah orang yang meminta ilmu pengetahuan (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 72).

b) Penghuraian tidak mengikut ketertiban kenyataan.

Perkara ini berlaku apabila penghuraian yang diberikan dalam keadaan terbalik iaitu tidak mengikut kronologi kenyataan. Dalam erti kata lain, perkara pertama dalam penghuraian menjelaskan perkara kedua dalam kenyataan dan begitulah sebaliknya.

Hal ini dapat direnung dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌ ۚ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ٱسْوَدَّتْ وُجُوهُهُمْ أَكَفَرْتُم بَعْدَ إِيمَـٰنِكُمْ فَذُوقُوا۟
ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿١٠٦﴾ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ ٱبْيَضَّتْ وُجُوهُهُمْ فَفِى رَحْمَةِ ٱللَّهِ هُمْ فِيهَا خَـٰلِدُونَ

Maksudnya : *Pada hari itu, ada orang yang putih mukanya (gembira) dan ada yang hitam mukanya (sedih dan kecewa). Manakala orang yang hitam mukanya, (dikatakan kepadanya) : mengapa kamu menjadi kafir sesudah beriman ? Maka rasailah azab sengsara kerana keingkaran mu. Manakala orang yang putih mukanya, mereka berada dalam rahmat Allah dan kekal di dalamnya.*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 106-107

Berdasarkan contoh yang diberikan di atas, kita dapat melihat bahawa frasa pertama (فَأَمَّا الَّذِيْنَ اسْوَدَّتْ وُجُوْهُهُمْ أَكَفَرْتُمْ بَعْدَ إِيْمَانِكُمْ) yang mengisahkan keadaan orang hitam mukanya menghuraikan perkara kedua iaitu (تَسْوَدُّ وُجُوْهٌ) yang bermaksud ada yang hitam mukanya. Manakala frasa kedua (فَأَمَّا الَّذِيْنَ ابْيَضَّتْ وُجُوْهُهُمْ فَفِي رَحْمَةِ اللهِ) yang menceritakan keadaan orang yang putih mukanya menjelaskan perkara pertama iaitu (تَبْيَضُّ وُجُوْهٌ) yang bererti ada orang yang putih mukanya (gembira) (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 73).

Keadaan yang serupa juga dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُم مَّثَلُ ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلِكُم ۖ مَّسَّتْهُمُ ٱلْبَأْسَآءُ
وَٱلضَّرَّآءُ وَزُلْزِلُوا۟ حَتَّىٰ يَقُولَ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ مَتَىٰ نَصْرُ ٱللَّهِ ۗ أَلَآ إِنَّ نَصْرَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ

Maksudnya : *Apakah kamu menyangka akan memasuki syurga sedangkan belum datang kepada kamu sebagaimana yang dideritai oleh orang-orang sebelum kamu iaitu mereka ditimpa kesengsaraan, kemelaratan dan digoncang sehingga Rasul dan orang-orang beriman bersama baginda mengatakan : Bilakah datangnya pertolongan Allah? Ketahuilah ! sesungguhnya pertolongan sudah dekat.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 214

Bersumberkan contoh di atas, kita melihat bahawa ucapan pertama (مَتَى نَصْرُ اللهِ) yang bermaksud bilakah datangnya pertolongan Allah adalah penghuraian kepada subjek kedua (الَّذِيْنَ آمَنُوا) yang bererti orang-orang yang beriman. Manakala ungkapan kedua (أَلاَ إِنَّ نَصْرَ اللهِ قَرِيْبٌ) yang bermakna ketahuilah ! sesungguhnya pertolongan sudah dekat merupakan kata-kata subjek pertama (الرَّسُوْلُ) iaitu Rasulullah S.A.W.

2.21.1.2 Pernyataan pelbagai perkara secara umum

Hal ini berlaku apabila pelbagai pernyataan yang dilakukan adalah secara umum dan tidak terperinci. Ia boleh dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَقَالُواْ لَن يَدۡخُلَ ٱلۡجَنَّةَ إِلَّا مَن كَانَ هُودًا أَوۡ نَصَٰرَىٰ

Maksudnya : *Mereka mengatakan : Tidak ada yang akan masuk syurga melainkan orang Yahudi atau orang Kristian.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 111

Berpaksikan ayat di atas, kita dapat memahami bahawa ganti nama dalam perkataan (يَدْخُلُ) yang bererti masuk adalah merujuk kepada golongan Yahudi dan Kristian. Lalu dinyatakan kedua-dua golongan itu secara umum seterusnya perkara yang berkaitan dengan kedua-duanya (Shawqīy Dīf, 1965 : 266). Justeru itu, ayat ini membawa pengertian; orang-orang Yahudi berkata: Tidak ada yang akan masuk syurga melainkan orang Yahudi dan orang-orang Kristian berkata: Tidak ada yang akan masuk syurga melainkan orang Kristian (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 170).

Kenyataan ini dibuat secara umum dengan keyakinan bahawa si pendengar dapat memahami perbalahan antara kedua golongan tersebut dan saling mendakwa bahawa kumpulan mereka sahaja yang berhak memasuki syurga.

Keadaan yang serupa juga dapat difahami dalam kata-kata pujangga :

الغِنَى وَالفَقْرُ وَالعِلْمُ وَالجَهْلُ بِهَا تَحْيَا الشُّعُوْبُ وَبِهَا تَمُوْتُ

Maksudnya : *Kekayaan, kemiskinan, ilmu pengetahuan dan kejahilan ; bangsa menjadi hidup dengannya dan dengannya juga bangsa menjadi mati.*

Berdasarkan contoh di atas, frasa (الغِنَى وَالفَقْرُ) yang bermaksud kekayaan dan kemiskinan adalah kenyataan pertama, manakala frasa (العِلْمُ وَالجَهْلُ) yang bererti ilmu pengetahuan dan kejahilan merupakan kenyataan kedua. Seterusnya, kita melihat bahawa frasa (بِهَا تَحْيَا الشُّعُوْبُ) yang bermakna bangsa menjadi hidup dengannya adalah penghuraian yang merujuk kepada (الغِنَى) kekayaan dalam kenyataan pertama dan (العِلْمُ) ilmu pengetahuan dalam kenyataan kedua. Begitu juga frasa (بِهَا تَمُوْتُ) yang bererti dengannya juga bangsa menjadi mati merujuk kepada (الفَقْرُ) kemiskinan dalam kenyataan pertama dan (الجَهْلُ) kejahilan dalam kenyataan kedua (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 170).

Hal yang sama juga dapat dilihat dalam sabda Rasulullah S.A.W. :

إِنَّ المَرْءَ بَيْنَ يَوْمَيْنِ : يَوْمٌ قَدْ مَضَى أَحْصَى فِيْهِ عَمَلَهُ فَحَتَمَ عَلَيْهِ , وَيَوْمٌ قَدْ بَقِىَ لاَ يَدْرِي لَعَلَّهُ لاَ يَصِلُ إِلَيْهِ

Maksudnya : *sesungguhnya manusia berada di antara dua hari : hari yang telah berlalu di mana segala amalan telah dihisab dan ditentukan ke atasnya, hari yang masih berbaki di mana dia sendiri tidak mengetahui sama ada dapat sampai kepadanya.*

Melihat kepada hadis di atas, kita dapat menanggapi bahawa frasa (بَيْنَ يَوْمَيْنِ) yang bermakna di antara dua hari adalah suatu kenyataan. Kemudian baginda S.A.W.

menghuraikan dengan frasa (يَوْمٌ قَدْ مَضَى أَحْصَى فِيْهِ عَمَلَهُ) yang bererti hari yang telah berlalu di mana segala amalan telah dihisab di mana ia merangkumi masa lalu. Begitu juga ia dijelaskan dengan frasa (وَيَوْمٌ قَدْ بَقِىَ لاَ يَدْرِي لَعَلَّهُ لاَ يَصِلُ إِلَيْهِ) yang membawa pengertian hari yang masih berbaki di mana dia sendiri tidak mengetahui sama ada dapat sampai kepadanya di mana ia merangkumi masa hadapan (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 74).

2.22 Al-’Iltifāt

Ia merupakan pelancongan pertuturan daripada satu gaya bahasa kepada gaya bahasa yang lain. Ia membawa pengertian pelencongan daripada ganti nama pertama atau ganti nama kedua atau ganti nama ketiga kepada gaya bahasa yang lain selepas ungkapan pertama. (Al-Suyūṭi, t.t. : 85)

Ia juga dinamakan keberanian Arab kerana seorang lelaki yang berani akan menunggang sesuatu yang tidak mampu dilakukan oleh orang lain. Keadaan ini sama seperti pelencongan makna dalam sesuatu ungkapan. Bahasa Arab mempunyai kelebihan ini berbanding bahasa-bahasa lain.

Situasi ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۖ فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِ ٱلنَّبِىِّ ٱلْأُمِّىِّ ٱلَّذِى يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَكَلِمَٰتِهِۦ وَٱتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Maksudnya : *Katakanlah : Wahai manusia ! Sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada kamu seluruhnya (semua bangsa hingga akhir zaman). Tuhan yang mempunyai kerajaan langit dan bumi. Tidak ada tuhan selain daripada Nya, Yang menghidupkan dan Yang mematikan. Justeru itu, beriman lah kepada Allah dan rasul Nya, Nabi yang ummi*

(tidak tahu membaca dan menulis) yang percaya kepada Allah dan kalimat-kalimat Nya. Ikutilah nya (rasul) agar kamu mendapat petunjuk.

Sūrah al-'A'rāf : (7) : 158

Dalam ayat di atas, kita memerhatikan Allah berfirman (فَآمِنُوا بِاللهِ وَرَسُوْلِهِ) dan tidak berfirman (فَآمِنُوا بِاللهِ وَبِي : beriman lah kepada Allah dan kepada aku) sebagai kesinambungan firman Nya (إِنِّي رَسُوْلُ اللهِ إِلَيْكُمْ). Perkara ini berlaku supaya mereka mengetahui bahawa insan yang mereka wajib beriman dan mentaatinya ialah insan yang digambarkan sebagai nabi ummi yang beriman kepada Allah dan kalimat-kalimat Nya berbanding aku atau selain daripada ku. Hal ini untuk menyerlahkan keinsafan dan menjauhkan sifat fanatik.

Kondisi ini juga dapat direnung dalam firman Allah Ta'ālā :

وَقَالُواْ ٱتَّخَذَ ٱلرَّحۡمَٰنُ وَلَدٗا ﴿٨٨﴾ لَّقَدۡ جِئۡتُمۡ شَيۡـًٔا إِدّٗا

Maksudnya : *Mereka mengatakan : Tuhan yang maha pemurah mengambil (mempunyai) anak. Sesungguhnya kamu telah melakukan suatu perkara (kesalahan) besar.*

Sūrah Maryam : (19) : 88-89

Berdasarkan ayat di atas, kita mendapati (لَقَد جِئْتُمْ) iaitu ucapan terhadap orang-orang yang di depan mata berada selepas ungkapan (وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَنُ وَلَدًا) iaitu ucapan terhadap orang-orang yang tiada di hadapan mata. Ianya berlaku untuk menambahkan rakaman kebiadaban mereka terhadap Allah Ta'ālā dan mendedahkan mereka terhadap kemurkaan Nya serta menyedarkan tentang besarnya dosa pendustaan kata-kata mereka. Ianya seolah-olah mengatakan sesuatu kepada kumpulan yang berada di hadapan mata sambil menunjukkan bantahan dan kejian ('Abd al-'Azīz 'Atīq, 1974 : 140).

Keadaan pelencongan makna kata kerja kala depan kepada kata kerja suruhan boleh dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

قَالُواْ يَـٰهُودُ مَا جِئْتَنَا بِبَيِّنَةٍ وَمَا نَحْنُ بِتَارِكِىٓ ءَالِهَتِنَا عَن قَوْلِكَ وَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾ إِن نَّقُولُ إِلَّا ٱعْتَرَىٰكَ بَعْضُ ءَالِهَتِنَا بِسُوٓءٍ ۗ قَالَ إِنِّىٓ أُشْهِدُ ٱللَّهَ وَٱشْهَدُوٓاْ أَنِّى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ

Maksudnya : *Mereka mengatakan : Wahai Hud ! Engkau tidak membawa keterangan yang nyata kepada kami. Kami tidak akan meninggalkan tuhan-tuhan kami hanya kerana kata-kata engkau dan kami tidak sekali-kali mempercayai engkau. Kami hanya mengatakan bahawa antara tuhan kami, ada yang mendatangkan musibah terhadap engkau. Ia berkata sesungguhnya aku menjadikan Allah sebagai saksi dan bersaksi lah kamu bahawa aku berlepas diri (tiada kena-mengena) dengan apa yang kamu mempersekutukan.*

Sūrah Hūd : (11) : 53-54

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat memerhatikan bahawa Allah Ta‘ālā berfirman (إِنِّي أُشْهِدُ اللهَ وَاشْهَدُوا) yang bererti sesungguhnya aku menjadikan Allah sebagai saksi dan tidak berfirman (وَأُشْهِدُكُمْ) yang bermaksud aku menjadikan kamu sebagai saksi yang sepadan dengan ayat terdahulu. Ini adalah kerana penyaksian Allah untuk mengelakkan kesyirikan adalah tepat dan betul manakala penyaksian mereka adalah sia-sia dan menunjukkan ketidakpedulian mereka terhadap sesuatu perkara. Keadaan ini sama seperti seseorang itu berkata kepada orang yang tidak mempunyai hubungan baik dengannya : Aku menjadikan diriku sebagai saksi bahawa aku menyukai mu. Ianya adalah persendaan dan penghinaan terhadap dirinya.

Manakala pelencongan makna kata kerja kala lampau kepada kata kerja suruhan boleh dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ أَمَرَ رَبِّى بِٱلْقِسْطِ ۖ وَأَقِيمُواْ وُجُوهَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَٱدْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ ۚ كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ

Maksudnya : *Katakan : Tuhanku menyuruh melaksanakan keadilan. Hadapkan lah muka mu (mengadap Tuhan) pada setiap kali sembahyang dan seru lah Tuhan dengan tulus ikhlas serta beragama untuk Nya semata-mata. Sebagaimana kamu diciptakan pada awalnya, seperti itu juga kamu akan kembali.*

Sūrah al-'A'rāf : (7) : 29

Bersumberkan ayat di atas, kita melihat dengan jelas bahawa ia dapat diandaikan nya sebagai (قُلْ أَمَرَ رَبِّي بِالقِسْطِ وبِإِقَامَةِ وُجُوْهِكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ) yang bermaksud : Katakan : Tuhanku menyuruh melaksanakan keadilan dan penghadapan muka mu pada setiap kali sembahyang. Tetapi Allah Ta'ālā melencongkan kepada kata kerja suruhan untuk menguatkan perkara tersebut agar tersemat kukuh dalam jiwa kerana sembahyang adalah fardu yang paling ditekankan oleh Allah kepada hamba-hamba Nya. Kemudian disusuli pula dengan keikhlasan kerana semua amalan hanya sah apabila disertai dengan niat yang ikhlas.

Kadangkala pelencongan berlaku dengan menggunakan kata kerja kala depan menggantikan tempat kata kerja lampau seperti firman Allah Ta'ālā :

وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ ٱلسَّمَآءِ فَتَخْطَفُهُ ٱلطَّيْرُ أَوْ تَهْوِى بِهِ ٱلرِّيحُ فِى مَكَانٍ سَحِيقٍ

Maksudnya : *Sesiapa yang mempersekutukan Allah, ia seolah-olah jatuh daripada langit lalu disambar burung atau dibawa angin ke tempat jauh.*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 31

Dalam ayat di atas, pada awalnya Allah menggunakan kata kerja kala lampau iaitu (خَرَّ مِنَ السَّمَاءِ) kemudian disusuli dengan kata kerja kala depan iaitu (فَتَخْطَفُهُ) dan (تَهْوِي). Hal ini berlaku kerana Allah Ta'ālā mahu menghadirkan keadaan orang kafir yang disambar burung atau dibawa angin seolah-olah ianya terjadi di hadapan mata pendengar (Al-Suyūṭīy, t.t. : 87).

Selain itu, ia juga berlaku dengan penggunaan kata kerja kala depan yang menunjukkan sesuatu itu berlaku secara berterusan dan tidak berakhir. Contohnya firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ

Maksudnya : *Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman dan menghalang (orang lain) daripada jalan Allah.*

Sūrah al-Ḥajj : (22) : 25

Dalam ayat di atas, kata kerja kala depan (يَصُدُّوْنَ) terletak selepas kata kerja kala lampau (كَفَرُوا) . Keadaan ini berlaku kerana kekafiran itu hanya terjadi sekali sahaja dan tidak diperbaharui bagi kali kedua. Manakala sifat menghalang jalan Allah sentiasa dilakukan sepanjang masa dan tidak akan berakhir (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974: 146).

Tidak ketinggalan juga penggunaan kata kerja kala lampau menggantikan tempat kata kerja depan seperti firman Allah Ta‘ālā :

وَيَوْمَ يُنفَخُ فِي ٱلصُّورِ فَفَزِعَ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِي ٱلْأَرْضِ

Maksudnya : *Pada hari sangkakala ditiupkan, maka terkejutlah orang-orang di langit dan orang-orang di bumi.*

Sūrah al-Naml : (27) : 87

Berdasarkan ayat di atas, kata kerja kala lampau (فَزِعَ) terletak selepas kata kerja depan (يُنْفَخُ). Perkara ini menunjukkan bahawa perasaan terkejut dan tergamam itu pasti berlaku tanpa sebarang syak kerana kata kerja kala lampau menunjukkan sesuatu perlakuan itu memang wujud.

2.23 Al-Jam‘

Ia merupakan himpunan pelbagai perkara dalam satu makna (Al-Khaṭīb Al- Qazwaynīy, t.t. : 203). Perkara ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

ٱلۡمَالُ وَٱلۡبَنُونَ زِينَةُ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا

Maksudnya : *Harta benda dan anak pinak adalah perhiasan kehidupan dunia.*

Sūrah al-Kahf : (18) : 46

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat mendapati Allah Ta‘ālā menghimpunkan harta benda dan anak pinak dalam makna perhiasan (Al-Suyūṭīy, t.t. : 92).

Begitu juga dalam firman Allah Ta‘ālā yang lain :

ٱلشَّمۡسُ وَٱلۡقَمَرُ بِحُسۡبَانٖ ۝٥ وَٱلنَّجۡمُ وَٱلشَّجَرُ يَسۡجُدَانِ

Maksudnya : Matahari dan bulan beredar mengikut perhitungan dan tanaman-tanaman serta pokok-pokok, kedua-keduanya tunduk sujud (kepada Allah).

Sūrah al-Raḥmān : (55) : 5-6

Dalam ayat tersebut, Allah Ta‘ālā menggabungkan matahari dan bulan dalam makna perhitungan iaitu pengiraan secara terperinci. Hal yang sama berlaku apabila Allah Ta‘ālā menghimpunkan tanaman dan pokok-pokok dalam makna sujud iaitu kepatuhan kepada kehendak Allah (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 75).

Situasi ini juga terjadi dalam puisi ’Abū Al-‘Itāhīyyah :

إِنَّ الفَرَاغَ وَالشَّبَابَ وَالجِدَةَ مَفْسَدَةٌ لِلْمَرْءِ أَيَّ مَفْسَدَةٍ

Maksudnya : *Sesungguhnya masa lapang, masa muda dan masa tua dapat memberi kebinasaan kepada seseorang dengan pelbagai cara kebinasaan.*

Apabila kita memerhatikan puisi di atas, kita mendapati penyair telah menghimpunkan masa terluang, masa muda dan masa tua dalam makna kebinasaan dalam erti kata perkara-perkara ini membawa tuannya ke arah kebinasaan (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 149).

2.24 Al-Tafrīq

Ia adalah meletakkan perbezaan ketara antara dua perkara yang sama dalam aspek pujian, kejian dan sebagainya (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t.: 203).

Keadaan ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَمَا يَسْتَوِى ٱلْبَحْرَانِ هَـٰذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ سَآئِغٌ شَرَابُهُۥ وَهَـٰذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ

Maksudnya : *Tidaklah sama antara dua lautan (dua jenis air : air sungai dan air laut). Yang ini tawar, manis dan mudah diminum dan yang satu lagi masin dan pahit rasanya.*

Sūrah Fāṭir : (35) : 12

Berpandukan ayat di atas, kita melihat perbezaan yang ketara antara dua jenis air walaupun terdiri daripada unsur yang sama. Jenis yang pertama adalah tawar, manis dan mudah diminum manakala jenis yang satu lagi masin dan pahit (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 75).

2.25 Al-Taqsīm

Ia merupakan si penutur menyebut semua bahagian sesuatu perkara secara menyeluruh dan sempurna tanpa meninggalkan suatu bahagian pun.

Hal ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَكُنتُمْ أَزْوَٰجًا ثَلَٰثَةً ﴿٧﴾ فَأَصْحَٰبُ ٱلْمَيْمَنَةِ مَآ أَصْحَٰبُ ٱلْمَيْمَنَةِ ﴿٨﴾ وَأَصْحَٰبُ ٱلْمَشْـَٔمَةِ مَآ أَصْحَٰبُ ٱلْمَشْـَٔمَةِ ﴿٩﴾ وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلسَّٰبِقُونَ

Maksudnya : *Kamu menjadi tiga golongan ; kaum kanan, siapakah kaum kanan itu dan kaum kiri, siapakah kaum kiri itu serta kaum dan orang-orang paling ke depan, orang-orang paling ke depan.*

Sūrah al-Wāqi‘ah : (56) : 7-10

Berdasarkan ayat tersebut di atas, kita mendapati Allah Ta‘ālā kepada tiga kumpulan secara menyeluruh ; kaum kanan iaitu orang-orang yang mengamalkan kesederhanaan, kaum kiri iaitu orang-orang yang menzalimi diri mereka sendiri dan orang-orang paling ke depan iaitu orang-orang yang berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan (Al-Zarkashīy, 1972 : 471).

Situasi ini juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

لَهُۥ مَا بَيْنَ أَيْدِينَا وَمَا خَلْفَنَا وَمَا بَيْنَ ذَٰلِكَ ۚ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا

Maksudnya : *Bagi Nya apa yang berada di hadapan, apa yang berada di belakang dan yang berada antara keduanya. Tuhan kamu itu tidak pernah lupa.*

Sūrah Maryam : (19) : 64

Berteraskan ayat di atas, Allah Ta‘ālā menyebut ketiga-tiga bahagian masa iaitu masa lampau, masa kini serta masa hadapan.

Keadaan ini juga boleh direnung dalam firman Allah Ta‘ālā :

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا

Maksudnya : *Dialah (Allah) yang memperlihatkan kepada kamu kilat yang dapat menimbulkan ketakutan (petir yang menyambar) dan pengharapan (turunnya hujan).*

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 12

Di sini kita dapat memerhatikan bahawa apabila manusia melihat kilat , tidak terlintas di fikiran mereka melainkan ketakutan akibat petir yang menyambar dan pengharapan turunnya hujan (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 126).

Kondisi ini juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمٗا وَقُعُودٗا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمۡ

Maksudnya : *Orang-orang yang sentiasa mengingati Allah ketika berdiri dan duduk serta ketika berbaring.*

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 191

Berpandukan ayat di atas, kita dapat memerhatikan ketiga-tiga keadaan manusia ketika berzikir mengingati Allah iaitu dalam keadaan berdiri, duduk dan berbaring (Al-Zarkashīy, 1972 : 472).

Perkara yang sama terjadi dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَهَبُ لِمَن يَشَآءُ إِنَٰثٗا وَيَهَبُ لِمَن يَشَآءُ ٱلذُّكُورَ ﴿٤٩﴾ أَوۡ يُزَوِّجُهُمۡ ذُكۡرَانٗا وَإِنَٰثٗاۖ وَيَجۡعَلُ مَن يَشَآءُ عَقِيمًاۚ إِنَّهُۥ عَلِيمٞ قَدِيرٞ

Maksudnya : *Diberikan Nya (anak-anak) perempuan kepada sesiapa yang dikehendaki dan diberikan Nya (anak-anak) lelaki kepada sesiapa yang dikehendaki atau diberikan kedua-duanya sekali, (anak-anak) lelaki dan (anak-anak) perempuan. Sesiapa yang dikehendaki Nya akan dijadikan sebagai mandul. Sesungguhnya Dia (Allah) Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa.*

Sūrah al-Shūrā : (42) : 49-50

Berdasarkan ayat di atas, Allah Ta‘ālā telah membahagikan keadaan suami-isteri kepada empat bahagian iaitu anugerah anak-anak perempuan, anugerah anak-anak lelaki,

anugerah anak-anak lelaki dan perempuan dan tidak mempunyai seorang anak pun (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 77).

Demikian juga keadaannya dengan firman Allah Ta‘ālā :

ثُمَّ أَوۡرَثۡنَا ٱلۡكِتَٰبَ ٱلَّذِينَ ٱصۡطَفَيۡنَا مِنۡ عِبَادِنَاۖ فَمِنۡهُمۡ ظَالِمٞ لِّنَفۡسِهِۦ وَمِنۡهُم مُّقۡتَصِدٞ وَمِنۡهُمۡ سَابِقُۢ بِٱلۡخَيۡرَٰتِ بِإِذۡنِ ٱللَّهِ

Maksudnya : *Kemudian Kami mewariskan kitab itu kepada orang-orang yang Kami pilih di kalangan hamba-hamba Kami lalu sesetengah mereka menzalimi diri sendiri, sebahagiannya mengamalkan kesederhanaan dan sebahagiannya pula berlumba-lumba mengerjakan kebaikan dengan izin Allah.*

Sūrah Fāṭir : (35) : 32

Bersumberkan ayat tersebut, kita mendapati bahawa Allah telah membahagikan keadaan orang-orang yang mewarisi kitab kepada tiga bahagian iaitu orang-orang yang menzalimi diri sendiri, orang-orang yang mengamalkan kesederhanaan dan orang-orang yang berlumba-lumba mengerjakan kebaikan (Shawqīy Dīf, 1965 : 268).

Hal ini juga dapat diperhatikan dalam kata-kata Thabit Al-Bannānīy :

اَلْحَمْدُ لِلهِ وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ " وَلَمَّا سُئِلَ : لِمَ خَصَّهُمَا ؟ قَالَ : " لَأَنِّي بَيْنَ نِعْمَةٍ وَذَنْبٍ فَأَحْمَدُ اللهَ عَلَى النِّعْمَةِ وَأَسْتَغْفِرُهُ مِنَ الذُّنُوْبِ.

Maksudnya : *Segala pujian bagi Allah dan aku memohon keampunan Allah. Apabila ditanya : Kenapa mengkhususkan keduanya ? Beliau menjawab : Kerana aku berada antara kenikmatan dan dosa lalu aku memuji Allah di atas nikmat Nya serta aku memohon ampun daripada dosa.*

Berdasarkan ungkapan di atas, kita mendapati si penutur telah membahagikan kepada dua bahagian sahaja iaitu pujian bagi Allah dan memohon keampunan Nya.

2.26 Al-Jam‘ Ma‘a Al-Tafrīq

Ia merupakan himpunan dua perkara di bawah satu makna kemudian membezakan kedua-duanya (Al-Suyūṭīy, t.t. : 92).

Keadaan ini dapat direnung dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَجَعَلْنَا ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ءَايَتَيْنِ ۖ فَمَحَوْنَآ ءَايَةَ ٱلَّيْلِ وَجَعَلْنَآ ءَايَةَ ٱلنَّهَارِ مُبْصِرَةً

Maksudnya : *Kami (Allah) jadikan malam dan siang itu sebagai dua keterangan yang jelas. Lalu Kami kelam kan keterangan malam dan Kami jadikan keterangan siang itu terang benderang.*

Sūrah al-’Isrā’ : (17) : 12

Berpaksikan ayat di atas, Allah Ta‘ālā telah menghimpunkan kejadian malam dan siang di bawah satu makna iaitu sebagai tanda kebesaran dan keagungan Nya. Kemudian Allah membezakan kedua-duanya di mana malam itu gelap serta kelam manakala siang hari itu terang benderang (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 204).

Situasi ini juga dapat diperhatikan dalam puisi Rashīd al-Dīn al-Waṭwāṭ :

فَوَجْهُكَ كَالنَّارِ فِي ضَوْئِهَا * وَقَلْبِي كَالنَّارِ فِي حَرِّهَا

Maksudnya *: Wajah mu bercahaya seperti * hatiku panas umpama api.*

Dalam puisi di atas, kita mendapati penyair telah menghimpunkan wajah kekasih dan hatinya di bawah satu makna iaitu diumpamakan seperti api. Kemudian beliau membezakan kedua-duanya di mana wajah kekasihnya bercahaya dan bergemerlapan seperti api manakala hatinya panas dan membakar ibarat api (‘Abd al-Muta‘āl Al-Ṣa‘īdīy,t.t. : 39).

2.27 Al-Jam‘ Ma‘a Al-Taqsīm

Ia merupakan himpunan pelbagai perkara di bawah satu makna kemudian membahagikannya atau sebaliknya (Al-Suyūṭīy,t.t. : 92). Kita dapat membahagikan perkara ini kepada dua bahagian :

i) Menghimpunkan Beberapa Perkara Kemudian Membahagikannya

Keadaan ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

ثُمَّ أَوۡرَثۡنَا ٱلۡكِتَٰبَ ٱلَّذِينَ ٱصۡطَفَيۡنَا مِنۡ عِبَادِنَاۖ فَمِنۡهُمۡ ظَالِمٞ لِّنَفۡسِهِۦ وَمِنۡهُم مُّقۡتَصِدٞ وَمِنۡهُمۡ سَابِقُۢ بِٱلۡخَيۡرَٰتِ

Maksudnya : *Kemudian Kami mewariskan kitab itu kepada orang-orang yang Kami pilih di kalangan hamba-hamba Kami lalu sesetengah mereka menzalimi diri sendiri, sebahagiannya mengamalkan kesederhanaan dan sebahagiannya pula berlumba-lumba mengerjakan kebaikan.*

Sūrah Fāṭir : (35) : 32

Berdasarkan ayat di atas, Allah Ta‘ālā telah menghimpunkan orang-orang yang mewarisi al-Quran serta mengamalkan ajarannya di kalangan mereka yang terpilih. Kemudian Allah membahagikan mereka kepada tiga bahagian iaitu orang-orang yang menzalimi diri mereka sendiri dalam erti kata melakukan dosa-dosa kecil yang membawa kepada pengurangan pahala, orang-orang yang mengamalkan kesederhanaan dalam urusan agama serta tidak cenderung ke arah sikap melampau dan orang-orang yang mengerjakan kebaikan serta mengutamakan kebaikan berbanding keburukan. Akhirnya, kesemua golongan ini terdiri di kalangan ahli syurga (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 78).

ii) Membahagikan Beberapa Perkara Kemudian Menghimpunnya

Hal ini dapat diperhatikan dalam puisi Ḥassān Al-Thābit :

قَوْمٌ إِذَا حَارَبُوا ضَرُّوا عَدُوَّهُمُو أَوْ حَاوَلُوا النَّفْعَ فِي أَشْيَاعِهِمْ نَفَعُوا

سَجِيَّةٌ تِلْكَ مِنْهُمْ غَيْرُ مُحْدَثَةٍ إِنَّ الخَلاَئِقَ فَاعْلَمْ شَرُّهَا البِدَعُ

Maksudnya : *Apabila kaum itu berperang, mereka pasti memudaratkan musuh*
Apabila mereka memberi manfaat kepada kawan, mereka pasti mendapat manfaat
Itulah tabiat mereka bukannya rekaan
Sesungguhnya itulah perangai mereka, ketahuilah keburukan mereka adalah rekaan.

Dalam puisi di atas, kita mendapati bahawa penyair telah membahagikan sifat orang yang disanjung itu kepada dua bahagian iaitu memudaratkan musuh dalam peperangan dan memberikan manfaat kepada golongan mereka. Selepas itu, beliau menghimpunkan nya dalam frasa (سَجِيَّةٌ تِلْكَ) yang bermaksud : itulah tabiat dan perangai mereka (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 204).

Kesimpulannya, kaedah pertama lebih digemari berbanding kaedah kedua kerana ia lebih baik dan lebih menusuk sanubari manusia.

2.28 Al-Jam‘ Ma‘a Al-Tafrīq Wa Al-Taqsīm

Ia merupakan himpunan pelbagai perkara di bawah satu makna kemudian melalui proses pembezaan antara mereka seterusnya dibahagikan mengikut kesesuaian (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 154).

Keadaan ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلَّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ فَمِنْهُمْ شَقِىٌّ وَسَعِيدٌ ﴿١٠٥﴾ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ شَقُوا۟ فَفِى ٱلنَّارِ
لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَشَهِيقٌ ﴿١٠٦﴾ خَٰلِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ إِلَّا مَا شَآءَ رَبُّكَ ۚ
إِنَّ رَبَّكَ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾ ۞ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ سُعِدُوا۟ فَفِى ٱلْجَنَّةِ خَٰلِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ
ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ إِلَّا مَا شَآءَ رَبُّكَ ۖ عَطَآءً غَيْرَ مَجْذُوذٍ

Maksudnya : *Setelah hari datang, tidak ada sesiapa pun dapat bercakap melainkan dengan keizinan Nya. Lalu di antara mereka, ada yang bernasib malang (celaka) dan ada yang bernasib baik (bahagia). Manakala orang-orang yang bernasib malang, tempat mereka adalah di dalam neraka. Di sana mereka mengerang dan menarik nafas panjang. Mereka kekal di dalamnya selagi wujud langit dan bumi melainkan menurut kehendak Tuhan. Sesungguhnya Tuhan kamu Maha Berkuasa melakukan apa yang dikehendaki Nya. Manakala orang-orang yang bernasib baik, tempat mereka adalah di dalam syurga, mereka kekal di dalamnya selagi wujud langit dan bumi melainkan menurut kehendak Tuhan mu sebagai kurniaan yang tidak akan pernah terputus.*

Sūrah Hūd : (11) : 105-108

Berdasarkan ayat di atas, himpunan berlaku pada perkataan (نَفْسٌ) kerana penggunaan kata nama *‘al-nakirah’* adalah meliputi semua individu. Kemudian dibezakan antara mereka di mana sesetengahnya berbahagia dan sesetengahnya pula mendapat nasib malang. Seterusnya Allah melakukan pembahagian di mana orang-orang yang bernasib malang mendapat azab neraka dan orang-orang yang bernasib baik mendapat kenikmatan syurga (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t.: 205).

Syeikh ’Alawīy mengatakan bahawa ketiga-tiga unsur ini adalah antara faktor ketinggian nilai retorik Arab. Apabila berlaku dalam sesuatu ungkapan, ia mencetuskan suatu tahap kehebatan dalam penyusunan kata-kata dan kefasihan (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 79).

2.29 Al-Madhhab Al-Kalāmīy

Ia merupakan penyampaian hujah terhadap sesuatu perkara mengikut kaedah mazhab teologi (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t.: 208).

Perkara ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

قُلۡ إِن كَانَ لِلرَّحۡمَٰنِ وَلَدٞ فَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلۡعَٰبِدِينَ

Maksudnya : *Katakanlah (wahai Muhammad) : jika benar Tuhan Yang Maha Pemurah itu mempunyai anak, maka akulah orang yang pertama menyembahnya.*

Sūrah al-Zukhruf : (43) : 81

Berdasarkan contoh di atas, kita dapat memerhatikan bahawa sekiranya benar Tuhan mempunyai anak dengan bukti-bukti kukuh pasti akulah (Nabi Muhammad S.A.W.) orang yang pertama menyanjung anak itu dan mentaatinya sebagaimana seseorang itu mengagungkan anak rajanya. Apabila perkara ini ternafi, sudah tentu perkara Tuhan mempunyai anak ternafi dengan sendirinya (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 89).

Hal yang sama juga dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

لَوۡ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَا

Maksudnya : *Sekiranya di langit dan di bumi terdapat tuhan-tuhan selain daripada Allah, sudah tentu kedua-duanya menjadi rosak binasa.*

Sūrah al-’Anbiyā’ : (21) : 22

Dalam ayat ini, ia menunjukkan bukti yang jelas terhadap keesaan Allah Ta‘ālā. Apabila kebinasaan langit dan bumi tidak terjadi, pasti secara automatiknya kewujudan tuhan-tuhan selain daripada Allah Ta‘ālā juga tidak berlaku (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 164).

Keadaan ini juga terjadi dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَلَا يَدۡخُلُونَ ٱلۡجَنَّةَ حَتَّىٰ يَلِجَ ٱلۡجَمَلُ فِي سَمِّ ٱلۡخِيَاطِ

Maksudnya : *Mereka tidak akan dapat memasuki syurga sehingga unta dapat memasuki lubang jarum.*

Sūrah al-’A‘rāf : (7) : 40

Ayat ini menunjukkan bahawa unta tidak akan dapat memasuki lubang jarum selama-lamanya. Ironinya ia membawa pengertian bahawa orang-orang kafir tidak akan dapat memasuki syurga selama-lamanya sebagaimana unta itu tadi.

Begitu juga keadaannya dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَفِي ٱلۡأَرۡضِ قِطَعٞ مُّتَجَٰوِرَٰتٞ وَجَنَّٰتٞ مِّنۡ أَعۡنَٰبٖ وَزَرۡعٞ وَنَخِيلٞ صِنۡوَانٞ وَغَيۡرُ صِنۡوَانٖ يُسۡقَىٰ بِمَآءٖ وَٰحِدٖ وَنُفَضِّلُ بَعۡضَهَا عَلَىٰ بَعۡضٖ فِي ٱلۡأُكُلِۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ

Maksudnya : *Di atas muka bumi ini, terdapat beberapa bahagian yang berdekatan, kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman, pokok-pokok kurma yang bercabang dan yang tidak bercabang dan disiram dengan ai yang samar. Kami melebihkan sebahagian buahnya berbanding sebahagian yang lain. Sesungguhnya keadaan itu menjadi kenyataan yang jelas bagi orang-orang yang mahu berfikir.*

Sūrah al-Ra‘d : (13) : 4

Berpandukan ayat di atas, kita memerhatikan bahawa Allah Ta‘ālā menjelaskan kekuasaan Nya dengan menjadikan muka bumi ini mempunyai bahagian-bahagian yang berdekatan antara satu sama lain dan disirami dengan air yang sama serta buah-buahannya mempunyai rasa yang berlainan. Ini berbeza dengan pandangan manusia yang mendakwa bahawa kelainan rasa buah-buahan itu merujuk kepada perbezaan jenis tanah ataupun jenis air.

Demikian juga halnya dengan firman Allah Ta‘ālā :

وَهُوَ ٱلَّذِى يَبۡدَؤُاْ ٱلۡخَلۡقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ وَهُوَ أَهۡوَنُ عَلَيۡهِ

Maksudnya : *Dialah (Allah) yang memulakan penciptaan (makhluk) dan mengulanginya kembali. Keadaan itu adalah mudah bagi Nya.*

Sūrah al-Rūm : (30) : 27

Bersumberkan ayat tersebut, kita dapat menanggapi bahawa Allah amat berkuasa untuk memulakan penciptaan makhluk di muka bumi ini. Justeru itu, sekiranya Dia mampu bagi memulakan penciptaan, sudah tentu Dia akan mampu mengembalikannya malah perkara itu adalah lebih mudah (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t.: 208).

Keadaan sama juga berlaku dalam firman Allah Ta‘ālā :

إِنَّكُمۡ وَمَا تَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ حَصَبُ جَهَنَّمَ أَنتُمۡ لَهَا وَٰرِدُونَ ﴿٩٨﴾ لَوۡ كَانَ هَٰٓؤُلَآءِ ءَالِهَةً مَّا وَرَدُوهَاۖ وَكُلٌّ فِيهَا خَٰلِدُونَ

Maksudnya : *Sesungguhnya kamu dan apa yang kamu sembah selain daripada Allah adalah kayu api neraka jahanam di mana kamu akan masuk ke dalamnya. Sekiranya berhala-berhala yang disembah itu benar-benar sebagai tuhan, mereka tidak akan memasukinya (neraka). Namun mereka semua kekal di dalamnya.*

Sūrah al-’Anbiyā’ : (21) : 98-99

Daripada ayat ini, kita dapat memahami bahawa segala berhala dan perkara taghut yang disembah orang-orang kafir akan menjadi kayu api bahan bakar api neraka. Justeru itu, sekira ia (berhala) benar-benar menjadi tuhan, sudah pasti tidak akan menjadi kayu api neraka jahanam. Berdasarkan kepada fakta ini, ia bukanlah layak menjadi tuhan.

2.30 Ḥusn Al-Ta‘līl

Ia merupakan seseorang sasterawan itu menolak sebab sebenar berlakunya sesuatu perkara tetapi membawa datang sebab lain berunsurkan sastera yang bersesuaian dengan tujuannya.

Keadaan ini dapat dilihat dalam kata-kata Al-Mu‘arrī dalam puisi rintihannya :

وَمَا كُلْفَةُ البَدْرِ المنُيْرِ قَدِيْمَةً وَلَكِنَّهَا فِي وَجْهِهِ أَثَرُ اللَّطَمِ

Maksudnya *: Bukanlah kekelaman bulan purnama itu terjadi secara semula jadi tetapi ia adalah kesan tamparan di mukanya.*

Berdasarkan contoh di atas, Abū A‘lā Al-Mu‘arrī merintih kematian orang yang disayanginya dan kesedihan itu melangkaui kebanyakan kejadian muka bumi. Justeru itu, beliau mendakwa bahawa kekelaman bulan purnama bukannya kerana faktor tabii. Tetapi ianya adalah kesan lebam di mukanya akibat tamparan bertalu-talu sehingga menyebabkan bulan purnama yang asalnya terang menjadi kelam (‘Alīy al-Jārim & Muṣṭafā ’Amīn, 1977 : 288-289).

Hal yang sama juga dapat diperhatikan dalam syair ’Ibn al-Rūmīy :

أَمَّا ذُكَاءُ فَلَمْ تَصْفَرَّ إِذْ جَنَحَتْ إِلاَّ لِفُرْقَةِ ذَاكَ المرْظَرِ الحَسَن

Maksudnya : *Adapun matahari tidak kekuningan kerana ia condong ke barat. Tetapi kerana tidak sanggup berpisah dengan raja yang baik hati.*

Daripada puisi tersebut, Ibu Rumi berpendapat bahawa matahari menjadi kekuning-kuningan ketika condong ke barat bukan kerana asal kejadian tabii yang diketahui umum. Namun ia menjadi kekuning-kuningan kerana bimbang akan berpisah dengan sultan yang mempunyai wajah yang menarik.

Keadaan ini juga terjadi dalam puisi berikut :

مَا قَصَّرَ الغَيْثُ عَنْ مَصْرٍ وَتُرْبَتِهَا طَبْعًا وَلَكِنْ تَعَدَّاكُمْ مِنَ الخَجَلِ

Maksudnya : *Bukanlah hujan itu terlalai daripada turun ke bumi Mesir berlaku secara tabii. Namun ia kerana ia malu dek terlalu banyak kebaikan raja.*

Bersumberkan puisi di atas, penyair menyangkal faktor geografi mengenai kekurangan hujan di negara Mesir. Lalu beliau menerobos sebab lain iaitu hujan sebenarnya malu untuk turun di negara yang dipenuhi kurniaan dan anugerah raja yang baik hati kerana tidak berupaya untuk bersaing dengan raja tersebut dalam berbuat kebajikan dan kebaikan.

2.31 Ta'kīd Al-Madḥ Bimā Yushbih Al-Dhamm

Ia merupakan suatu konsep ayat untuk menguatkan pujian dengan cara yang menyerupai kejian. Pakar retorik membahagikannya kepada dua bahagian iaitu :

i) Sesuatu sifat kejian yang ternafi dikecualikan dengan sifat pujian dengan mengandaikannya termasuk dalam sifat kejian .

Keadaan ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta'ālā :

لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا وَلَا تَأْثِيمًا ﴿٢٥﴾ إِلَّا قِيلًا سَلَامًا سَلَامًا

Maksudnya : *(Di situ) mereka tidak mendengar percakapan kosong dan tidak juga kata-kata yang menimbulkan dosa melainkan hanyalah ucapan: selamat, selamat !*

Sūrah al-Wāqi'ah : (56) : 25-26

Berdasarkan contoh di atas, perkara tidak kedengaran percakapan kosong dan kata-kata dusta adalah sifat kejian yang ternafi. Apabila datang partikel pengecualian iaitu (إِلاَّ) yang diiringi sifat pujian, ia menguatkan pujian yang terdahulu kerana terletak selepas pujian. Perkara ini boleh diumpamakan dakwaan yang disertai dengan bukti kukuh (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t. : 211).

Perkara yang sama juga dapat diperhatikan firman Allah Ta‘ālā :

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ هَلْ تَنقِمُونَ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلُ وَأَنَّ أَكْثَرَكُمْ فَٰسِقُونَ

Maksudnya : *Katakanlah : wahai ahli-ahli kitab, adakah kamu membenci (ingin membalas dendam) terhadap kami hanya kerana kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami dan apa yang diturunkan pada masa dahulu ? Sesungguhnya kebanyakan kamu adalah orang-orang yang fasik (jahat).*

Sūrah al-Mā’idah : (5) : 59

Dalam ayat di atas, kita dapat memahami bahawa partikel pertanyaan (هَلْ) bermaksud penafian lalu membawa pengertian : Kamu tidak membenci kami. Selepas itu, pendengar akan menyangka kehadiran sifat kejian selepas partikel pengecualian. Sebaliknya sifat pujian yang menyusul selepasnya iaitu keimanan kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada mereka. Keadaan ini pastinya pujian selepas pujian (Al-Suyūṭīy, t.t. : 89).

ii) Menetapkan sifat pujian terhadap sesuatu perkara yang diiringi dengan partikel pengecualian serta disusuli sifat pujian lain.

Hal ini dapat diperhatikan dalam sabda Rasulullah S.A.W. **:**

أَنَا أَفْصَحُ العَرَبِ بَيْدَ أَنِّي مِنْ قُرَيْشٍ

Maksudnya : *Aku adalah orang Arab yang paling fasih tetapi aku daripada bangsa Quraisy.*

Berpandukan contoh di atas, kita dapat menghayati bahawa manfaat gaya bahasa ini adalah menetapkan segala kebaikan dan menafikan semua keburukan lalu kebaikan akan menjadi berganda-ganda. Kita juga memahami bahawa kebaikan diperkuatkan terhadap

Rasulullah S.A.W. kerana setiap manusia sekali pun dipenuhi dengan sifat-sifat baik, pasti tidak terlepas daripada sesetengah keburukan (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t.: 211).

Perkara ini juga dapat dihayati dalam syair Al-Nābighah Al-Ja‘dīy :

فَتًى كَمُلَتْ أَخْلاَقُهُ غَيْرَ أَنَّهُ جَوَادٌ وَلاَ يُبْقِى مِنَ المَالِ بَاقِيَا

Maksudnya : *Akhlak pemuda itu sempurna tetapi ianya pemurah dan hartanya tidak tersisa lagi.*

Daripada contoh di atas, kita mendapati akhlak pemuda yang sempurna lalu diiringi dengan partikel pengecualian iaitu (غَيْرَ أَنَّهُ) yang menyebabkan pendengar menyangka sesuatu sifat buruk akan menyusul selepas itu. Sebaliknya sifat pujian yang dibawa datang lalu menguatkan pujian yang terdahulu (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 156).

2.32 Ta’kīd Al-Dhamm Bimā Yushbih Al-Madḥ

Ia merupakan suatu ayat yang bertujuan bagi menguatkan kejian dengan cara yang menyerupai pujian. Pakar retorik membahagikannya kepada dua bahagian iaitu :

i) Sesuatu sifat pujian yang ternafi dikecualikan dengan sifat kejian dengan mengandaikan nya termasuk dalam sifat pujian.

Keadaan ini dapat dilihat dalam frasa berikut :

فُلاَنٌ لاَ خَيْرَ فِيْهِ إِلاَّ أَنَّهُ يُسِيءُ إِلَى مَنْ أَحْسَنَ إِلَيْهِ

Maksudnya : *Si polan itu tidak mempunyai apa-apa kebaikan melainkan ia berbuat jahat terhadap orang yang berbuat baik kepadanya.*

Daripada contoh di atas, kita mendapati seseorang itu tidak mempunyai apa-apa kebaikan lalu diiringi dengan partikel pengecualian iaitu (إِلاَّ أَنَّهُ) yang menyebabkan

pendengar menyangka sesuatu sifat baik akan menyusul selepas itu. Sebaliknya sifat pujian yang dibawa datang lalu menguatkan kejian yang terdahulu (‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq, 1974 : 162).

ii) Menetapkan sifat kejian terhadap sesuatu perkara yang diiringi dengan partikel pengecualian serta disusuli sifat kejian lain.

Kondisi ini dapat diperhatikan dalam kata-kata orang Arab :

فُلاَنٌ فَاسِقٌ إِلاَّ أَنَّهُ جَاهِلٌ

Maksudnya : *Si polan itu seorang yang fasik tetapi ianya jahil*

Berdasarkan contoh di atas, kita mendapati frasa seorang yang fasik itu disusuli dengan partikel pengecualian seolah-olah diandaikan bahawa si penutur akan menyebut perkara yang baik. Namun sebaliknya ia menyebut perkara yang buruk dan keadaan ini menguatkan lagi kejian yang terdahulu.

2.33 Al-Tawjiyah

Ia merupakan ungkapan yang membawa dua kemungkinan sama ada pujian mahupun kejian (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t.: 213).

Perkara ini dapat diperhatikan dalam sabda Junjungan Besar S.A.W. :

إِذَا لَمْ تَسْتَحِ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ

Maksudnya : *Apabila kamu tidak merasa malu, maka lakukan lah apa sahaja yang kamu mahu.*

Dalam hadis di atas, kita melihat ianya membawa dua kemungkinan ; makna pujian iaitu jika kamu tidak melakukan sesuatu perkara kerana malu, maka lakukan lah apa sahaja yang kamu mahu. Manakala makna kejian pula bermaksud : jika kamu tidak mempunyai

perasaan malu yang dapat menegah kamu, maka lakukan lah apa sahaja yang kamu suka (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 96).

Kita juga dapat memerhatikan kondisi serupa dalam sabda Rasulullah S.A.W. :

مَنْ جُعِلَ قَاضِيًا فَقَدْ ذُبِحَ بِغَيْرِ سِكِّيْنٍ

Maksudnya : *Sesiapa yang dilantik menjadi kadi (pemerintah), maka sesungguhnya beliau telah disembelih tanpa menggunakan pisau.*

Di sini, ungkapan tersebut membawa dua kemungkinan ; makna pujian iaitu tanggungjawab yang besar dalam menunaikan hak-hak rakyat jelata menyebabkannya merasa amat penat seperti penatnya orang yang disembelih tanpa pisau. Manakala makna kejian pula membawa pengertian pemerintah itu terjerumus dalam melakukan kezaliman terhadap orang ramai lalu ia menjadi rosak binasa seperti orang yang disembelih tanpa pisau.

2.34 Al-Hazal ’Alladhi Yurādu Bihi Al-Jidd

Ia merupakan ungkapan seseorang yang mempunyai sesuatu tujuan sama ada pujian, kejian ataupun aduan. Lalu ia melencongkan maksudnya dalam bentuk gurauan yang menghiburkan namun penuh penegasan.

Perkara ini dapat diperhatikan dalam puisi berikut :

يَا ذَاهِبًا فِي دَارِهِ جَائِيًا بِغَيْرِ مَا مَعْنَى وَلاَ فَائِدَةٍ
قَدْ جَنَّ أَضْيَافُكَ مِنْ جُوْعِهِمْ فَاقْرَأْ عَلَيْهِمْ سُوْرَةَ المائِدَةِ

Maksudnya : *Wahai orang yang pergi ke rumahnya*
Tanpa sebarang makna dan faedah
Tetamu engkau menjadi kelaparan
Bacalah sūrah al-Mā’idah untuk mereka

Berdasarkan puisi di atas, penyair telah menyatakan bahawa beliau telah dijemput ke suatu majlis bagi menikmati jamuan. Namun tuan rumah telah menangguhkan majlis hingga ke petang menyebabkannya mundar-mandir kerana kelaparan.

Keadaan yang sama berlaku dalam syair berikut ’Ibn Al- Hubāriyyah :

يَقُوْل أَبُو سَعِيد إِذْ رَآنِي عَفِيْفًا مُنْذُ عَامٍ مَا شَرِبْتُ

عَلَى يَدِ أَيِّ شَيْخٍ تُبْتَ ؟ قُلْ لِي فَقُلْتُ : عَلَى يَدِ الإِفْلاَسِ تُبْتُ

Maksudnya : *Berkata Abu Said ketika melihat ku*
Menjauhkan diri, sudah setahun aku tak minum
Engkau serik dengan siapa, cakaplah
Aku berkata : aku serik dengan bankrap.

Bersumberkan puisi tersebut, kita dapat memerhatikan bahawa walaupun ungkapan itu pada zahirnya kelihatan gurauan namun secara tersirat nya ia bermaksud penegasan iaitu aduan mengenai dirinya yang bankrap.

2.35 Al-Tahakkum

Ia merupakan ucapan frasa kemuliaan pada kedudukan hina, perkhabaran baik pada kedudukan memberi amaran, janji baik pada situasi janji buruk, pujian pada keadaan mempersendakan dan keizinan pada kondisi cacian.

Pada situasi kemuliaan pada kedudukan hina, kita dapat memerhatikan firman Allah Ta‘ālā :

ذُقۡ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡكَرِيمُ

Maksudnya : *Rasailah (wahai si ingkar), sesungguhnya engkau seorang yang perkasa lagi mulia.*

Sūrah al-Dukhān : (44) : 49

Dalam ayat di atas, kita melihat bahawa Allah Ta‘ālā menghina orang yang ingkar kepada Nya, namun ia ditujukan dalam nada mulia iaitu (ذُقْ) (Al-Zarkashīy,1972 : 58).

Di samping itu, kita boleh merenung perkhabaran baik pada kedudukan memberi amaran melalui firman Allah Ta‘ālā :

بَشِّرِ ٱلْمُنَـٰفِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا

Maksudnya : *Berilah khabar gembira kepada orang-orang munafik bahawa mereka akan mendapat seksaan yang amat pedih.*

Sūrah al-Nisā’ : (4) : 138

Berdasarkan frasa di atas, kita memerhatikan bahawa Allah Ta‘ālā ingin memberi amaran kepada orang-orang munafik tetapi ia diucapkan dalam bentuk perkhabaran baik iaitu (بَشِّرِ) dengan tujuan mempersendakan mereka.

Keadaan yang sama dapat direnung dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Maksudnya : Justeru itu, berilah khabar gembira kepada mereka (orang-orang yang tidak beriman) bahawa mereka akan beroleh azab yang amat pedih.

Sūrah Āl ‘Imrān : (3) : 21

Berpandukan ayat di atas, Allah Ta‘ālā mempersendakan orang-orang yang tidak beriman dengan menyatakan bahawa mereka akan mendapat azab yang pedih namun dalam nada perkhabaran baik iaitu (بَشِّرْهُمْ).

Manakala ungkapan janji baik pada situasi janji buruk dapat dilihat dengan jelas dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِن يَسْتَغِيثُواْ يُغَاثُواْ بِمَآءٍ كَٱلْمُهْلِ يَشْوِى ٱلْوُجُوهَ

Maksudnya : *Apabila mereka meminta bantuan supaya diberi minum, mereka diberi minum dengan air yang bagaikan tembaga yang dihancurkan yang mampu menghanguskan muka.*

Sūrah al-Kahf : (18) : 29

Dalam ayat di atas, kita melihat bahawa penghuni neraka meminta bantuan agar mereka diberi minuman bagi meredakan kepanasan, lalu mereka dijanjikan untuk diberi minuman. Namun mereka diberikan air yang bagaikan tembaga yang dihancurkan yang mampu menghanguskan muka (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982: 99).

2.36 Tajāhul al-‘Aārif

Ia merupakan seseorang penutur mengemukakan pertanyaan yang membayangkan seolah-olah beliau tidak mengetahui mengenai perkara itu. Keadaan ini berlaku berdasarkan beberapa unsur. Antaranya ialah :

i) Berunsurkan Rasa Terkejut

Perkara ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

فَقَالُوٓاْ أَبَشَرًا مِّنَّا وَٰحِدًا نَّتَّبِعُهُۥٓ

Maksudnya : *Mereka (kaum Thamūd) mengatakan : Apakah kami akan mengikut seorang manusia di kalangan kami sendiri ?*

Sūrah al-Qamar : (54) : 24

Daripada ayat di atas, kita dapat memerhatikan bahawa kaum Thamūd tidak berkehendakkan jawapan daripada persoalan yang dikemukakan. Mereka hanya ingin melahirkan rasa terkejut kerana terpaksa mengikut ajaran seorang rasul daripada kalangan mereka sendiri.

ii) Berunsurkan Celaan

Situasi ini dapat diperhatikan dalam firman Allah Ta‘ālā :

قَالُواْ يَـٰشُعَيۡبُ أَصَلَوٰتُكَ تَأۡمُرُكَ أَن نَّتۡرُكَ مَا يَعۡبُدُ ءَابَآؤُنَآ أَوۡ أَن نَّفۡعَلَ فِيٓ أَمۡوَٰلِنَا مَا نَشَٰٓؤُاْ

Maksudnya : *Mereka mengatakan : Wahai Syuaib ! Adakah agama kamu menyuruh kami meninggalkan apa yang disembah oleh nenek-moyang kami dan tidak membolehkan kami melakukan apa sahaja yang kami mahu terhadap harta benda kami.*

Sūrah Hūd : (11) : 87

Berdasarkan ayat di atas, kita dapat melihat bahawa mereka mengeluarkan pertanyaan yang berorientasikan celaan terhadap Nabi Syuaib yang menyeru ke arah beriman kepada Allah dan tidak mempersekutukan Nya (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 :101).

iii) Berbentuk Pengesahan

Kondisi ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

قَالُوٓاْ ءَأَنتَ فَعَلۡتَ هَـٰذَا بِـَٔالِهَتِنَا يَـٰٓإِبۡرَٰهِيمُ

Maksudnya : *Mereka mengatakan : adakah engkau yang melakukan semua ini terhadap tuhan-tuhan kami (memecahkan berhala-berhala), wahai Ibrahim !*

Sūrah al-’Anbiyā’ : (21) : 62

Berdasarkan ayat di atas, mereka hanya ingin mengesahkan bahawa Nabi Ibrahim lah yang bertanggungjawab memusnahkan patung-patung berhala mereka.

iv) Menunjukkan Keterlaluan Dalam Pujian

Hal ini dapat direnung dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَقُلۡنَ حَـٰشَ لِلَّهِ مَا هَـٰذَا بَشَرًا إِنۡ هَـٰذَآ إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ

Maksudnya : *Mereka (perempuan-perempuan sahabat Zulaikha) mengatakan : Maha Sempurna Allah , Apakan gerangan manusia ini , ia tidak lain melainkan malaikat yang mulia.*

Sūrah Yūsuf : (12) : 31

Dalam ayat di atas, Allah Ta‘ālā menceritakan bahawa Nabi Yusuf mempunyai kecantikan yang luar biasa dan cahaya wajah baginda memancar-mancar. Wajah baginda yang penuh ketenangan dapat menenteramkan jiwa sesiapa saja yang memandang. Justeru perbandingan baginda dengan malaikat yang mulia adalah tepat dan realistik daripada pelbagai sudut.

v) Berunsurkan Penghinaan

Perkara ini dapat dihayati dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ هَلۡ نَدُلُّكُمۡ عَلَىٰ رَجُلٖ يُنَبِّئُكُمۡ إِذَا مُزِّقۡتُمۡ كُلَّ مُمَزَّقٍ إِنَّكُمۡ لَفِي خَلۡقٖ جَدِيدٍ

Maksudnya : *Orang-orang yang tidak beriman itu mengatakan : adakah kamu mahu kami tunjukkan kepada seorang lelaki yang akan memberitahu kamu bahawa ketika kamu telah hancur terkoyak rabak, kamu (akan dibangkitkan semula) dalam ciptaan baru.*

Sūrah al-Saba’ : (34) : 7

Bersumberkan petikan ayat di atas, lelaki yang dimaksudkan ialah Nabi Muhammad S.A.W.. Namun digambarkan bahawa mereka seolah-olah tidak mengenali baginda. Hakikatnya mereka mengenali Nabi lebih daripada mereka mengenali matahari.

vi) Berunsurkan Pembentangan

Kondisi ini jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَإِنَّآ أَوۡ إِيَّاكُمۡ لَعَلَىٰ هُدًى أَوۡ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ

Maksudnya : Sesungguhnya kami atau kamu yang menurut pimpinan yang benar atau dalam kesesatan yang nyata.

Sūrah al-Saba’ : (34) : 24

Ayat di atas mendedahkan bahawa orang-orang kafir berada dalam kesesatan dan Rasulullah berada di atas landasan petunjuk. Sekiranya mereka memikirkan keadaan diri

mereka yang sentiasa berperang, melakukan pelbagai kejahatan serta memutuskan silaturrahim dan keadaan Rasulullah bersama orang-orang mukmin yang mengutamakan kesejahteraan serta menghubungkan silaturrahim, pasti mereka akan mengetahui bahawa mereka berada dalam kesesatan dan Rasulullah berada di dalam hidayah (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t.: 215) .

2.37 Al-'Iṭṭirād

Ia merupakan seseorang itu menyebut nama orang yang disanjung dan nama nenek moyangnya mengikut kronologi. Perkara ini bertujuan agar ia menjadi lebih jelas dan berada dalam susunan yang bersistematik ('Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 106).

Keadaan ini dapat diperhatikan dalam sabda Junjungan Besar S.A.W. :

الكَرِيْمُ بنُ الكَرِيْمِ بنُ الكَرِيْمِ بنُ الكَرِيْمِ : يُوْسُفُ بنُ يَعْقُوْب بنُ إِسْحَق بنُ إِبْرَاْهِيْم

Maksudnya : *Yang Mulia anak Yang Mulia anak Yang Mulia anak Yang Mulia : Yusuf bin Yaakob bin Ishaq bin Ibrahim*

Berdasarkan hadis di atas, kita melihat Nabi Muhammad S.A.W. memuji Nabi Yusuf A.S. dengan menyebut nama nenek moyangnya agar pendengar mendapat lebih penjelasan mengenai keturunan yang mulia dan lebih mengetahui bahawa baginda daripada salasilah Nabi Ibrahim (Al-Khaṭīb Al-Qazwaynīy, t.t.: 216).

Hal yang sama juga dapat dihayati dalam percakapan seharian umpama kata-kata kamu dalam menjejaki keturunan Al-Imam Zain Al-"Abidin :

عَلِيٌّ بنُ الحُسَيْنِ بنُ عَلِيّ بنُ أَبِي طَالِبٍ

Maksudnya : *Ali Ibnu Husain Ibnu Ali Ibnu Abi Talib*

Daripada ungkapan di atas, kita memahami bahawa si penutur ingin memuji imam tersebut dengan menyebut keturunannya yang mulia dan sampai kepada Abi Talib iaitu bapa saudara Rasulullah S.A.W.

Hal yang serupa juga jelas kelihatan dalam firman Allah Ta‘ālā :

وَٱتَّبَعْتُ مِلَّةَ ءَابَآءِىٓ إِبْرَٰهِيمَ وَإِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ

Maksudnya : *Aku (Nabi Yusuf) mengikut agama bapa-bapa ku ; Ibrahim, Ishaq dan Yaakob.*

Sūrah Yūsuf : (12) : 38

Melalui ayat tersebut, kita dapat merenungi bahawa ia tidak dimulakan dengan bapa Nabi Yusuf dengan disusuli nenek moyangnya sebagaimana kaedah biasa iaitu (يَعْقُوْبَ وَإِسْحَاقَ وَإِبْرَاهِيْمَ) kerana ia semata-mata sebutan keturunan sahaja. Namun, ayat ini lebih memfokuskan kepada agama suci anutan baginda yang dimulakan Nabi Ibrahim dan diikuti oleh Nabi Ishaq dan Nabi Yaakob (Al-Suyūṭīy, t.t. : 87).

Konsep ini juga terdapat dalam firman Allah Ta‘ālā :

قَالُوا۟ نَعْبُدُ إِلَٰهَكَ وَإِلَٰهَ ءَابَآئِكَ إِبْرَٰهِـۧمَ وَإِسْمَٰعِيلَ وَإِسْحَٰقَ

Maksudnya : *Mereka (anak-anak Nabi Yaakob) mengatakan : kami akan menyembah Tuhan mu dan Tuhan bapa-bapa mu; Ibrahim, Ismail dan Ishaq.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 133

Daripada ayat di atas, kita dapat menanggapi bahawa sebutannya adalah mengikut agama suci anutan mereka yang dimulakan oleh Nabi Ibrahim dan diwarisi oleh Nabi Ismail dan Nabi Ishāq A.S.

Bagaimana pun, Ṣafīy Al-Dīn al-Ḥalīy membenarkan kita menyebut nama orang disanjung, gelaran, pangkat, nenek moyang dan kabilah nya dalam satu frasa seperti puisi berikut:

مُؤَيِّدُ الدِّيْنِ أَبُو جَعْفَر مُحَمَّدٌ بنُ العَلْقَمِّي الوَزِيْرُ

Maksudnya : Pembela agama Abu Jaafar Muhammad Ibnu al-'Alqamiyy al-wazir (menteri)

Dalam bait di atas, kita melihat bahawa penyair mencampuradukkan gelaran, nama orang yang disanjung, nama bapa dan pangkatnya. Namun begitu, pendapat ini tidak masyhur dan kurang mendapat perhatian ramai ('Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 108).

2.38 'Uslūb Al-Ḥakīm

Ia merupakan suatu pemberitahuan kepada pendengar mengenai sesuatu yang tidak dinanti-nantikan sama ada meninggalkan soalannya dan menjawab soalan yang tidak ditanya ataupun melencongkan topik perbualan ke arah yang tidak dimaksudkan. Ianya sebagai isyarat bahawa si penanya sepatutnya bertanya soalan begini ataupun bermaksud begini ('Abd al-'Azīz 'Atīq, 1974 : 174).

Misalnya ditujukan soalan kepada orang tua : Berapa usia pakcik ? Lalu ia menjawab : Saya sihat walafiat.

Daripada contoh di atas, kita dapat melihat bahawa orang tua itu tidak menjawab soalan yang ditanya kepadanya dan secara lembut membawa topik perbualan ke arah lain serta memberitahu bahawa kesihatannya baik. Ia sebagai suatu isyarat bahawa pertanyaan mengenai kesihatan adalah lebih baik dan lebih patut.

Kita dapat melihat perkara ini dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَهِلَّةِ ۖ قُلْ هِىَ مَوَٰقِيتُ لِلنَّاسِ وَٱلْحَجِّ

Maksudnya : *Mereka bertanyakan engkau mengenai peredaran anak bulan. Katakan bahawa ianya untuk menentukan waktu bagi kehidupan manusia dan mengerjakan haji.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 189

Dalam ayat di atas, kita mendapati sahabat-sahabat Rasulullah bertanyakan mengenai peredaran anak bulan, kenapa ia kelihatan kecil kemudian bertambah besar sehingga menjadi bulan purnama. Kemudian ia semakin malap hingga tidak kelihatan langsung.

Perkara ini merupakan antara persoalan sains astronomi yang memerlukan kajian yang mendalam untuk memahaminya. Lalu al-Quran al-Karim melencong daripada membahaskan perkara ni dengan menerangkan bahawa peredaran anak bulan adalah cara untuk menentukan masa bagi segala urusan dalam muamalat keduniaan dan peribadatan. Ia menunjukkan bahawa mereka sepatutnya bertanya mengenai persoalan ini. Ia juga memberi isyarat bahawa penyelidikan mengenai sains wajib ditangguhkan sementara sehingga negara Islam menjadi stabil dan mantap (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 105).

Keadaan ini juga boleh dilihat puisi Ibn Ḥajjāj :

قَالَ ثَقَّلْتُ إِذْ أَتَيْتُ مِرَارًا قُلْتُ ثَقَّلْتَ كَاهِلِي بِالأَيَادِي

قَالَ طَوَّلْتُ قُلْتُ أَوْلَيْتَ طَوْلاً قَالَ أَبْرَمْتُ قُلْتُ حَبْلَ وِدَادِي

Maksudnya : *Dia berkata : Aku membebankan kamu kerana kerap kali datang*
Aku menjawab : Kamu membebankan kedua bahuku dengan bermacam hadiah
Dia berkata : Aku telah lama berada di sini
Aku menjawab : Engkau sepatutnya berada lebih lama
Dia berkata : Aku telah mencucukkan (menyakiti) kamu
Aku menjawab : Engkau menyusuk tali kasih sayangku

Dalam ungkapan di atas, kita mendapati bahawa kawan Ibn Hajjaj menyatakan bahawa beliau telah banyak menyusahkan nya kerana kerap kali berkunjung k erumah. Namun Ibn Hajjaj melencongkan kata-katanya secara beradab dan sopan dan memetik kalimatnya ke arah makna yang lain dengan menyatakan bahawa kawannya menyusahkan nya dengan pelbagai hadiah dan pemberian (‘Alīy al-Jārim & Muṣṭafā ’Amīn,1977 : 295-296).

Kita juga dapat memerhatikan perkara ini dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَسْـَٔلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ ۖ قُلْ مَآ أَنفَقْتُم مِّنْ خَيْرٍ فَلِلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ وَٱلْيَتَـٰمَىٰ وَٱلْمَسَـٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ ۗ

Maksudnya : *Mereka bertanyakan engkau : apakah yang mereka infak kan? Katakan bahawa apa sahaja kebaikan yang kamu infak kan adalah untuk ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang yang dalam musafir.*

Sūrah al-Baqarah : (2) : 215

Berdasarkan ayat di atas, kita mendapati sahabat-sahabat Rasulullah mengenai apa yang patut mereka infak kan. Lalu Allah menerangkan mengenai tempat-tempat dan pihak-pihak yang patut mereka infakkan.dan perkara inilah yang sewajarnya mereka bertanya tentangnya. Ini adalah kerana sesuatu infak itu tidak akan diambil kira sehingga ia jatuh ke tangan orang yang menerima. Seterusnya apa-apa sahaja perkara baik, ia boleh diinfakkan.

2.39 Al-Qawl Bilmūjab

Ia merupakan penetapan sesuatu sifat kepada sesuatu objek dan memindahkan sifat ini kepada objek yang lain tanpa mengesahkan atau menafikan sifat itu pada objek yang pertama

Keadaan ini dapat dilihat dalam firman Allah Ta‘ālā :

يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَآ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ ٱلْأَعَزُّ مِنْهَا ٱلْأَذَلَّ ۚ وَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِۦ وَلِلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya : *Mereka (orang-orang munafik) mengatakan : sekiranya kami kembali ke Madinah, pasti orang yang berkuasa akan mengusir orang yang lemah. Namun kekuasaan itu hanya kepunyaan Allah, Ras ulNya dan orang-rang yang beriman.*

Sūrah al-Munāfiqūn : (63) : 8

Dalam ayat di atas kita mendapati orang–orang munafik mengaitkan orang yang berkuasa itu (الأَعَزُّ) sebagai kumpulan mereka dan mengaitkan orang lemah itu (الأَذَلَّ) dengan kumpulan orang mukmin serta menetapkan orang yang berkuasa itu (الأَعَزُّ) berkemampuan untuk mengusir (الإِخْرَاجُ). Justeru itu, Allah menetapkan kekuasaan itu hanyalah bagi Nya, bagi rasul Nya dan bagi orang-orang mukmin tanpa mengesahkan atau menafikan kekuasaan itu terdapat pada orang-orang munafik (‘Abd al-Qādir Ḥusayn, 1982 : 103).

2.40 Penutup

Sebagai rumusan, al-Ṭibāq dan komponen-komponennya dalam muḥassināt ma‘nawīyyah memainkan peranan yang penting dalam memberi kefahaman yang padu kepada masyarakat dalam menghayati pengertian sebenar al-Qur’ān al-Karīm. Ia memberi suatu suntikan semangat kepada para pembaca untuk terus mendalami keindahan makna ayat-ayat suci ke arah pembentukan komuniti yang dinamik dan progresif.